

Bersama kita memacu
pertumbuhan lestari

LAPORAN KEWANGAN 2022





PENYATA KEWANGAN BERKANUN

2	Penyata Tanggungjawab oleh Lembaga Pengarah	
3	Laporan Pengarah	
8	Penyata Kedudukan Kewangan	
10	Penyata Pendapatan	
11	Penyata Pendapatan Komprehensif	
12	Penyata Perubahan Ekuiti	
16	Penyata Aliran Tunai	
22	Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal	
53	Nota kepada Penyata Kewangan	
196	Penyata Para Pengarah	
196	Akuan Berkanun	
197	Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-ahli RHB Bank Berhad	



Penyata Tanggungjawab oleh Lembaga Pengarah

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Bank disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

Para Pengarah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penyata kewangan tahunan teraudit Kumpulan dan Bank disediakan dengan ketepatan yang munasabah daripada rekod perakaunan Kumpulan dan Bank untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2022 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Penyata kewangan teraudit disediakan berasaskan keupayaan usaha berterusan dan para Pengarah telah memastikan bahawa dasar perakaunan yang bersesuaian dan relevan diguna pakai secara konsisten, dan pertimbangan dan anggaran perakaunan yang dibuat adalah munasabah dan saksama bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

Para Pengarah juga telah mengambil langkah yang perlu untuk melindungi aset Kumpulan dan Bank untuk mencegah dan mengesan sebarang penipuan dan penyelewengan lain.

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan berserta penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Bank ialah perbankan komersial dan perniagaan berkaitan kewangan serta penyediaan perkhidmatan berkaitan. Kumpulan terlibat dalam perbankan komersial dan perniagaan berkaitan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan, pembrokeran saham, pajakan, perbankan luar pesisir, perkhidmatan amanah luar pesisir, pelaburan hartanah, insurans am, pengurusan unit amanah, pengurusan aset, perkhidmatan penama dan kustodian.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	4,170,784	3,509,556
Cukai dan zakat	(1,458,763)	(1,026,055)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	2,712,021	2,483,501
Diagihkan kepada:		
- Pemegang ekuiti Bank	2,707,688	2,483,501
- Kepentingan bukan kawalan	4,333	-
	2,712,021	2,483,501

DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021:	
- Dividen akhir peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 15.0 sen sesaham dan bahagian boleh dipilih sebanyak 10.0 sen sesaham, dibayar pada 16 Jun 2022	1,035,730
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022:	
- Dividen interim peringkat satu sebanyak 15.0 sen sesaham, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 10.0 sen sesaham dan bahagian boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham, dibayar pada 7 November 2022	631,811
	1,667,541

Pemegang saham Bank telah diberikan pilihan oleh Lembaga Pengarah untuk memilih untuk melabur semula bahagian boleh dipilih bagi dividen akhir dan dividen interim bagi tahun kewangan masing-masing berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022 kepada saham biasa baharu Bank selaras dengan skim Pelan Pelaburan Semula Dividen ('DRP') Bank yang diluluskan. Kadar pelaburan semula selepas lengkapnya DRP bagi dividen akhir dan dividen interim yang dinyatakan di atas masing-masing adalah 86.3% dan 83.3%.

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim kedua peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, berjumlah RM1,061,843,000, yang terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 20.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham. Dividen interim kedua peringkat satu ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 31 Januari 2023. Lembaga Pengarah, mengikut budi bicara mutlak, mencadangkan bahawa pemegang saham Bank diberi pilihan untuk melabur semula bahagian yang boleh dipilih dividen interim kedua peringkat satu ke dalam saham biasa baharu dalam Bank selaras dengan DRP Bank yang diluluskan.

Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak mencerminkan dividen interim kedua peringkat satu ini. Pembayaran dividen ini akan diambil kira dalam ekuiti pemegang saham sebagai peruntukan keuntungan tertahan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Laporan Pengarah

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

TERBITAN SAHAM

Pada tahun kewangan, Bank telah meningkatkan modal terbitan dan berbayarnya daripada 4,142,918,508 kepada 4,247,373,628 melalui:

- (a) Terbitan 69,158,646 saham biasa baharu daripada DRP yang berkaitan dengan dividen akhir boleh dipilih sebanyak 10.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 pada 16 Jun 2022; dan
- (b) Terbitan 35,296,474 saham biasa baharu daripada DRP yang berkaitan dengan dividen interim boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 pada 7 November 2022.

Saham biasa baharu yang diterbitkan pada tahun kewangan bertaraf *pari passu* dalam semua aspek dengan saham-saham sedia ada Bank.

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU DAN PEMBIAYAAN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan hapus kira hutang lapuk dan pembiayaan serta mengadakan peruntukan bagi hutang rosot nilai dan pembiayaan, dan mereka berpuas hati bahawa hutang lapuk dan pembiayaan telah dihapus kira dan peruntukan mencukupi telah diadakan bagi hutang rosot nilai dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan amaun dihapus kira untuk hutang lapuk dan pembiayaan atau amaun peruntukan bagi hutang rosot nilai dan pembiayaan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan lazim perniagaan, nilainya yang seperti dinyatakan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Bank, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai yang dikait dengan aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang timbul yang menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank sedia ada mengelirukan atau tidak wajar.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tiada:

- (a) sebarang caj ke atas aset Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan selain daripada urusan lazim perniagaan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain Kumpulan dan Bank dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana, pada pendapat para Pengarah, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dibincangkan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan atau tidak wajar.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

Dalam tempoh waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa, yang pada pendapat para Pengarah, mungkin boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Bank untuk tahun kewangan laporan ini dibentangkan.

PERISTIWA PENTING PADA TAHUN KEWANGAN

Peristiwa penting pada tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 59 kepada penyata kewangan.

PERISTIWA SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Peristiwa selepas tahun kewangan berakhir dinyatakan dalam Nota 60 kepada penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah Bank yang memegang jawatan pada tahun kewangan semasa dan dalam tempoh akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan adalah:

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
 Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa
 Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria
 Ong Ai Lin
 Lim Cheng Teck
 Sharifatu Laila Syed Ali
 Dato' Mohamad Nasir Ab Latif
 Donald Joshua Jaganathan
 Datuk Iain John Lo
 Mohd Rashid Mohamad (Dilantik pada 1 April 2022)
 Dato' Khairussaleh Ramli (Meletak jawatan pada 25 Mac 2022)

Menurut Perkara 94 Tataurusuan Persatuan Bank, Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa, Ong Ai Lin, Dato' Mohamad Nasir Ab Latif dan Donald Joshua Jaganathan akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan Bank yang akan datang dan kerana layak, mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Melalui perintah pelepasan bertarikh 17 Februari 2023 daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, nama para Pengarah syarikat subsidiarinya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 253(2) Akta Syarikat Malaysia 2016 tidak didedahkan dalam Laporan ini. Nama mereka dinyatakan dalam Laporan Pengarah atau penyata kewangan syarikat subsidiari masing-masing dan maklumat tersebut dianggap digabungkan di sini melalui rujukan tersebut dan akan menjadi sebahagian daripada Laporan ini.

Laporan Pengarah

KEPENTINGAN PENGARAH

Mengikut daftar pemegangan saham Pengarah yang perlu disimpan di bawah Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan serta memegang sekuriti Bank dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa			Pada 31.12.2022
	Pada 1.1.2022	DRP/ Pemindahan	Dijual	
Bank				
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa:				
- Tidak langsung*	32,578	921 [#]	-	33,499
- Tidak langsung [^]	421,715,757	12,481,649 [#]	-	434,197,406
Ong Ai Lin:				
- Langsung	25,955	2,237 ^{#@}	-	28,192

Nota:

* Kepentingan ini dipegang melalui ahli keluarga.

[^] Dianggap sebagai berkepentingan menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016 disebabkan oleh pegangan sahamnya dalam OSK Holdings Berhad.

[#] Saham biasa ini diperolehi menurut DRP Bank.

[@] Pemindahan saham sebagai wasi untuk menguruskan harta pusaka mendiang ibunya.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada para Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam sekuriti Bank atau syarikat-syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

SKIM GERAN SAHAM ('SGS')

Pada 2 Jun 2022, Bank telah melaksanakan SGS yang telah diluluskan oleh pemegang saham di mesyuarat agung luar biasa pada 27 April 2022.

Pelaksanaan SGS bertujuan untuk memotivasikan pekerja, menarik bakat dan mengekalkan pekerja utama melalui pemberian saham biasa ('Saham RHB Bank') sehingga 2% daripada jumlah bilangan saham terbitan Bank (tidak termasuk saham perbendaharaan, sekiranya ada) pada bila-bila masa ketika tempoh SGS untuk warga kerja dan Pengarah Eksekutif Bank dan syarikat subsidiarinya (tidak termasuk syarikat subsidiari yang dorman) yang memenuhi kriteria kelayakan ('Pekerja Layak'). SGS akan ditadbir oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga ('BNRC') yang terdiri daripada individu tertentu yang akan dilantik oleh pihak Lembaga dari semasa ke semasa, dan akan berkuat kuasa untuk tempoh sembilan tahun bermula daripada tarikh kuat kuasa pelaksanaan SGS.

Maklumat lanjut berkaitan SGS dinyatakan dalam Nota 59(2) kepada penyata kewangan.

Butiran saham SGS yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Tarikh tawaran	Nilai saksama RM	Tawaran Unit'000	Tempoh terletak hak/ tarikh
4 Julai 2022	5.71	4,685	3 tahun dari 4 Julai 2022

Pergerakan saham SGS pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	Jumlah saham SGS (Unit'000)			Pada 31.12.2022 Unit'000
	Pada 1.1.2022 Unit'000	Tawaran Unit'000	Dilucuthakkan Unit'000	
4 Julai 2022	-	4,685	(128)	4,557

SKIM GERAN SAHAM ('SGS') (SAMBUNGAN)

Pada 31 Disember 2022, saham SGS yang ditawarkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan warga kerja pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Tarikh tawaran	Jumlah saham SGS ditawarkan Unit'000
Mohd Rashid Mohamad	4 Julai 2022	280
Warga kerja pengurusan utama	4 Julai 2022	970

MANFAAT PENGARAH

Jumlah imbuhan pengarah bagi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 masing-masing ialah RM10,685,000 dan RM9,115,000.

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada Pengarah Bank telah menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain ganjaran Pengarah dan manfaat barangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 43 kepada penyata kewangan) oleh sebab kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan Pengarah, atau dengan firma yang Pengarah ialah ahli, atau dengan syarikat yang melaluinya Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tidak ada perjanjian yang Bank atau syarikat subsidiarinya menjadi pihak, kepada sebarang perjanjian dengan tujuan membolehkan para Pengarah Bank memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat lain, selain saham yang diberikan menurut SGS seperti yang dinyatakan dalam Nota 53 kepada penyata kewangan.

SYARIKAT SUBSIDIARI

Butiran syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan.

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah ganjaran juruaudit bagi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 masing-masing ialah RM8,813,000 dan RM5,660,000.

JURUAUDIT

Para juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus memegang jawatan juruaudit Bank.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
PENGERUSI

MOHD RASHID MOHAMAD
PENGARAH URUSAN KUMPULAN

Kuala Lumpur
27 Februari 2023

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	2	19,134,835	19,831,323	11,494,906	10,409,623
Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan semula		101,258	-	890,539	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	3	652,365	3,486,773	6,740,026	7,886,688
Akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan ditetapkan	4	-	-	8,351,236	10,213,639
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian ('FVTPL')	5	3,089,411	2,778,239	1,080,766	840,410
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ('FVOCI')	6	38,973,689	41,140,873	32,992,301	34,955,501
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	7	27,006,708	17,961,511	18,264,654	11,009,290
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	8	208,378,584	194,896,614	121,101,501	115,045,103
Baki pelanggan dan broker	9	741,140	879,595	-	-
Aset insurans semula	10	505,600	435,342	-	-
Lain-lain aset	11	1,441,036	1,728,260	1,912,440	1,842,709
Aset derivatif	12	1,960,479	718,615	1,987,476	798,836
Deposit berkanun	13	3,429,582	635,012	1,686,475	356,687
Cukai boleh diperolehi semula		121,033	131,283	-	61,942
Aset cukai tertunda	14	625,092	377,825	472,759	234,795
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	15	-	-	4,661,589	4,648,681
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	16	25	12	-	-
Aset hak guna	17	152,305	174,482	92,372	91,368
Hartanah, loji dan peralatan	18	1,060,577	1,016,824	811,414	762,684
Muhibah	19	2,654,122	2,654,122	1,714,913	1,714,913
Aset tidak ketara	20	760,340	694,753	647,903	603,134
JUMLAH ASET		310,788,181	289,541,458	214,903,270	201,476,003

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit daripada pelanggan	21	227,159,762	218,732,585	136,089,471	137,552,576
Deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain	22	24,593,869	23,406,827	32,445,462	25,669,599
Obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula	23	7,298,911	2,066,068	7,875,962	4,867,026
Akaun pelaburan	24	1,246,026	581,291	-	-
Bil dan penerimaan belum dibayar		249,679	210,119	242,258	201,832
Baki pelanggan dan broker	25	776,789	948,511	-	-
Liabiliti kontrak insurans am	26	1,171,546	1,068,687	-	-
Lain-lain liabiliti	27	4,075,904	4,046,582	2,868,404	2,387,373
Liabiliti derivatif	12	1,939,391	887,926	2,018,925	938,061
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad ('Cagamas')	28	4,786,746	2,259,895	3,021,685	1,506,310
Peruntukan cukai dan zakat	29	396,041	124,163	261,391	-
Liabiliti cukai tertunda	14	2,187	55	-	-
Liabiliti pajakan	30	160,632	182,607	93,974	92,935
Pinjaman	31	1,476,185	127,380	1,263,576	-
Sekuriti hutang kanan	32	3,841,190	3,646,369	3,841,190	3,646,369
Obligasi subordinat	33	2,867,083	3,221,882	2,011,558	2,265,134
JUMLAH LIABILITI		282,041,941	261,510,947	192,033,856	179,127,215
Modal saham	34	8,145,585	7,612,612	8,145,585	7,612,612
Rizab	35	20,569,508	20,385,716	14,723,829	14,736,176
		28,715,093	27,998,328	22,869,414	22,348,788
Kepentingan bukan kawalan ('NCI')	36	31,147	32,183	-	-
JUMLAH EKUITI		28,746,240	28,030,511	22,869,414	22,348,788
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		310,788,181	289,541,458	214,903,270	201,476,003
KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN	50	206,796,408	157,777,145	199,316,377	154,105,883

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Pendapatan faedah	37	7,382,030	6,328,493	7,355,988	6,242,587
Perbelanjaan faedah	38	(3,207,534)	(2,266,464)	(3,112,774)	(2,193,936)
Pendapatan faedah bersih		4,174,496	4,062,029	4,243,214	4,048,651
Pendapatan operasi lain	39	1,736,201	1,876,441	1,570,800	1,179,730
Pendapatan daripada perniagaan Perbankan Islam	40	2,398,056	2,095,091	(460)	5,450
Kerugian pengubahsuaian	41	-	(244,895)	-	(126,374)
Pendapatan bersih		8,308,753	7,788,666	5,813,554	5,107,457
Perbelanjaan operasi lain	42	(3,716,807)	(3,522,385)	(2,393,986)	(2,451,164)
Keuntungan operasi sebelum peruntukan		4,591,946	4,266,281	3,419,568	2,656,293
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan	44	(421,175)	(737,214)	89,988	(110,125)
Kerugian rosot nilai dikenakan ke atas aset bukan kewangan lain	45	(43)	(314)	-	-
		4,170,728	3,528,753	3,509,556	2,546,168
Hasil bahagian syarikat bersekutu		25	-	-	-
Hasil bahagian usaha sama		31	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		4,170,784	3,528,753	3,509,556	2,546,168
Cukai dan zakat	46	(1,458,763)	(905,621)	(1,026,055)	(563,780)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		2,712,021	2,623,132	2,483,501	1,982,388
Diagihkan kepada:					
- Pemegang ekuiti bank		2,707,688	2,618,388	2,483,501	1,982,388
- NCI		4,333	4,744	-	-
		2,712,021	2,623,132	2,483,501	1,982,388
Perolehan sesaham (sen)					
- Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank					
- Asas	47	64.7	64.7		
- Dicairkan	47	64.7	64.7		

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		2,712,021	2,623,132	2,483,501	1,982,388
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain yang berkaitan dengan:					
(i) Perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian:					
(a) Keuntungan aktuari daripada pelan manfaat ditetapkan dalam syarikat subsidiari		1,717	751	-	-
(b) Instrumen ekuiti ditetapkan pada FVOCI					
- (Kerugian)/Keuntungan bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		(19,644)	31,074	(21,725)	29,642
(ii) Perkara yang akan dikelaskan semula kemudiannya kepada keuntungan atau kerugian:					
(a) Rizab terjemahan mata wang asing					
- Perbezaan terjemahan mata wang		127,378	47,675	68,065	3,396
- Rizab terjemahan direalisasi	59(1)	(347)	-	-	-
(b) Instrumen hutang diukur pada FVOCI					
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		(1,236,526)	(1,452,925)	(1,125,512)	(1,197,601)
- Pindahan bersih kepada penyata pendapatan daripada pelupusan		(59,804)	(419,799)	(45,864)	(327,955)
- Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan perbezaan pertukaran	6	15,018	(890)	11,262	(1,226)
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen kerugian komprehensif lain	14,48	311,472	448,743	281,130	366,133
Kerugian komprehensif lain, selepas ditolak cukai, bagi tahun kewangan		(860,736)	(1,345,371)	(832,644)	(1,127,611)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		1,851,285	1,277,761	1,650,857	854,777
Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada:					
- Pemegang ekuiti Bank		1,846,996	1,273,007	1,650,857	854,777
- NCI		4,289	4,754	-	-
		1,851,285	1,277,761	1,650,857	854,777

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

Kumpulan	Nota	← Diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank →									Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
		Modal Saham RM'000	Rizab Berkanun RM'000	Rizab Kawal Selia RM'000	Rizab FVOCI RM'000	Rizab Terjemahan RM'000	Rizab Lain RM'000	Rizab Berasaskan Saham RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Ekuiti Pemegang Saham		
Baki pada 1 Januari 2022		7,612,612	104,645	328,129	443,003	562,410	23,331	-	18,924,198	27,998,328	32,183	28,030,511
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	2,707,688	2,707,688	4,333	2,712,021
Rizab terjemahan mata wang asing:												
- Perbezaan pertukaran mata wang		-	6,015	-	-	121,428	-	-	-	127,443	(65)	127,378
- Rizab terjemahan direalisasi	59(1)	-	-	-	-	(347)	-	-	-	(347)	-	(347)
Aset kewangan diukur pada FVOCI												
- Instrumen ekuiti												
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	-	(19,644)	-	-	-	-	(19,644)	-	(19,644)
- Instrumen hutang												
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	-	(1,236,526)	-	-	-	-	(1,236,526)	-	(1,236,526)
- Pindahan bersih kepada penyata pendapatan daripada pelupusan		-	-	-	(59,804)	-	-	-	-	(59,804)	-	(59,804)
- Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan perbezaan pertukaran		-	-	-	15,018	-	-	-	-	15,018	-	15,018
Keuntungan aktuari daripada pelan manfaat ditetapkan dalam syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	1,698	1,698	19	1,717
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen kerugian komprehensif lain	14,48	-	-	-	311,241	-	-	-	229	311,470	2	311,472
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas ditolak cukai, bagi tahun kewangan		-	6,015	-	(989,715)	121,081	-	-	1,927	(860,692)	(44)	(860,736)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	6,015	-	(989,715)	121,081	-	-	2,709,615	1,846,996	4,289	1,851,285
Dividen dibayar	49	-	-	-	-	-	-	-	(1,667,541)	(1,667,541)	(5,300)	(1,672,841)
Saham diterbitkan susulan DRP	34	532,973	-	-	-	-	-	-	-	532,973	-	532,973
Perbelanjaan bayaran berasaskan saham	42	-	-	-	-	-	-	4,337	-	4,337	-	4,337
Pindahan kepada rizab berkanun		-	543	-	-	-	-	-	(543)	-	-	-
Pindahan kepada rizab kawal selia		-	-	554,016	-	-	-	-	(554,016)	-	-	-
Pelupusan syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(25)	(25)
Baki pada 31 Disember 2022		8,145,585	111,203	882,145	(546,712)	683,491	23,331	4,337	19,411,713	28,715,093	31,147	28,746,240

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Kumpulan	Nota	← Diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank →							Jumlah Ekuiti Pemegang Saham RM'000	Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
		Modal Saham RM'000	Rizab Berkanun RM'000	Rizab Kawal Selia RM'000	Rizab FVOCI RM'000	Rizab Terjemahan RM'000	Rizab Lain RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000			
Baki pada 1 Januari 2021		6,994,103	515	51,672	1,855,531	518,376	23,331	17,580,307	27,023,835	32,729	27,056,564
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	2,618,388	2,618,388	4,744	2,623,132
Rizab terjemahan mata wang asing:											
- Perbezaan pertukaran mata wang		-	3,590	-	23	44,034	-	-	47,647	28	47,675
Aset kewangan diukur pada FVOCI:											
- Instrumen ekuiti											
- Keuntungan bersih daripada pelupusan		-	-	-	(19,444)	-	-	19,444	-	-	-
- Keuntungan bersih belum direalisasikan daripada penilaian semula		-	-	-	31,074	-	-	-	31,074	-	31,074
- Instrumen hutang											
- Kerugian bersih belum direalisasikan daripada penilaian semula		-	-	-	(1,452,925)	-	-	-	(1,452,925)	-	(1,452,925)
- Pindahan bersih kepada penyata pendapatan daripada pelupusan		-	-	-	(419,799)	-	-	-	(419,799)	-	(419,799)
- Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan perbezaan pertukaran		-	-	-	(890)	-	-	-	(890)	-	(890)
Keuntungan/(Kerugian) aktuari daripada pelan manfaat ditetapkan dalam syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	-	767	767	(16)	751
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen kerugian/(pendapatan) komprehensif lain	14,48	-	-	-	449,433	-	-	(688)	448,745	(2)	448,743
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas ditolak cukai, bagi tahun kewangan		-	3,590	-	(1,412,528)	44,034	-	19,523	(1,345,381)	10	(1,345,371)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	3,590	-	(1,412,528)	44,034	-	2,637,911	1,273,007	4,754	1,277,761
Dividen dibayar	49	-	-	-	-	-	-	(917,023)	(917,023)	(5,300)	(922,323)
Saham diterbitkan susulan DRP	34	618,509	-	-	-	-	-	-	618,509	-	618,509
Pindahan kepada rizab berkanun		-	100,540	-	-	-	-	(100,540)	-	-	-
Pindahan kepada rizab kawal selia		-	-	276,457	-	-	-	(276,457)	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2021		7,612,612	104,645	328,129	443,003	562,410	23,331	18,924,198	27,998,328	32,183	28,030,511

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

Bank	Nota	← Tidak boleh diagihkan →					Boleh diagihkan	Jumlah Ekuiti RM'000
		Modal Saham RM'000	Rizab Kawal Selia RM'000	Rizab FVOCI RM'000	Rizab Terjemahan RM'000	Rizab Bayaran Berasaskan Saham RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	
Baki pada 1 Januari 2022		7,612,612	227,289	429,544	353,068	-	13,726,275	22,348,788
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	2,483,501	2,483,501
Rizab terjemahan mata wang asing:								
- Perbezaan pertukaran mata wang		-	-	-	68,065	-	-	68,065
Aset kewangan diukur pada FVOCI:								
- Instrumen ekuiti								
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	(21,725)	-	-	-	(21,725)
- Instrumen hutang								
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	(1,125,512)	-	-	-	(1,125,512)
- Pindahan bersih kepada penyata pendapatan daripada pelupusan		-	-	(45,864)	-	-	-	(45,864)
- Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan perbezaan pertukaran		-	-	11,262	-	-	-	11,262
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen kerugian komprehensif lain (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas ditolak cukai, bagi tahun kewangan	14,48	-	-	281,130	-	-	-	281,130
		-	-	(900,709)	68,065	-	-	(832,644)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	(900,709)	68,065	-	2,483,501	1,650,857
Dividen dibayar	49	-	-	-	-	-	(1,667,541)	(1,667,541)
Saham diterbitkan susulan DRP	34	532,973	-	-	-	-	-	532,973
Perbelanjaan bayaran berasaskan saham	42	-	-	-	-	4,337	-	4,337
Pindahan kepada rizab kawal selia		-	334,365	-	-	-	(334,365)	-
Baki pada 31 Disember 2022		8,145,585	561,654	(471,165)	421,133	4,337	14,207,870	22,869,414

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Bank	Nota	Modal Saham RM'000	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan	Jumlah Ekuiti RM'000
			Rizab Kawal Selia RM'000	Rizab FVOCI RM'000	Rizab Terjemahan RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	
Baki pada 1 Januari 2021		6,994,103	-	1,578,045	349,672	12,870,705	21,792,525
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	1,982,388	1,982,388
Rizab terjemahan mata wang asing:							
- Perbezaan pertukaran mata wang		-	-	-	3,396	-	3,396
Aset kewangan diukur pada FVOCI:							
- Instrumen ekuiti							
- Keuntungan bersih daripada pelupusan		-	-	(17,494)	-	17,494	-
- Keuntungan bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	29,642	-	-	29,642
- Instrumen hutang							
- Kerugian bersih belum direalisasi daripada penilaian semula		-	-	(1,197,601)	-	-	(1,197,601)
- Pindahan bersih kepada penyata pendapatan daripada pelupusan		-	-	(327,955)	-	-	(327,955)
- Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan perbezaan pertukaran		-	-	(1,226)	-	-	(1,226)
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen kerugian komprehensif lain	14,48	-	-	366,133	-	-	366,133
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas ditolak cukai, bagi tahun kewangan		-	-	(1,148,501)	3,396	17,494	(1,127,611)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	(1,148,501)	3,396	1,999,882	854,777
Dividen dibayar	49	-	-	-	-	(917,023)	(917,023)
Saham diterbitkan susulan DRP	34	618,509	-	-	-	-	618,509
Pindahan kepada rizab kawal selia		-	227,289	-	-	(227,289)	-
Baki pada 31 Disember 2021		7,612,612	227,289	429,544	353,068	13,726,275	22,348,788

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan	
		2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		4,170,784	3,528,753
Pelarasan untuk:			
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		675,351	926,211
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan lain		(6,674)	(12,160)
Hartanah, loji dan peralatan:			
- Susut nilai	42	135,780	122,342
- Keuntungan ke atas pelupusan		(534)	(16,722)
- Dihapus kira	42	184	443
- Kerugian rosot nilai	45	-	193
Aset tidak ketara:			
- Pelunasan	42	154,867	128,511
- Dihapus kira	42	-	1,209
Aset hak guna:			
- Susut nilai	42	71,448	72,104
- Keuntungan ke atas pengubahsuaian		(7)	(38)
- Kerugian rosot nilai	45	-	121
Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam usaha sama	45	43	-
Perbelanjaan bayaran berasaskan saham	42	4,337	-
Peruntukan bersih dibuat ke atas aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		118,981	174,486
Keuntungan daripada pelupusan syarikat subsidiari		(24,595)	(752)
Kerugian/(Keuntungan) bersih daripada pelupusan/penebusan aset kewangan pada FVTPL, aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		18,955	(365,544)
Kerugian/(Keuntungan) bersih ke atas lindung nilai saksama	39	1,159	(11)
Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan lindung nilai	39	(512)	-
(Keuntungan)/Kerugian belum direalisasi bersih daripada penilaian semula aset kewangan pada FVTPL dan derivatif		(250,780)	75,956
Kerugian/(Keuntungan) bersih pertukaran mata wang asing belum direalisasi		189,117	(68,880)
Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada FVTPL dan aset kewangan pada FVOCI	39	(42,266)	(54,876)
Kerugian pengubahsuaian		-	244,895
Hasil bahagian syarikat bersekutu dan usaha sama		(56)	-
Perbelanjaan faedah/pembiayaan ke atas pinjaman, sekuriti hutang kanan, obligasi subordinat dan liabiliti pajakan		241,279	253,946
Pendapatan faedah daripada aset kewangan pada FVTPL, aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(1,709,597)	(1,537,483)
Pendapatan pelaburan daripada aset kewangan pada FVTPL, aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(414,105)	(403,152)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		3,333,159	3,069,552
Penurunan/(Peningkatan) dalam aset operasi:			
Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan semula		(101,258)	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		2,877,739	2,741,780
Aset kewangan pada FVTPL		(318,156)	1,679,479
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		(13,899,787)	(13,369,630)
Baki pelanggan dan broker		139,696	464,368
Lain-lain aset		(822,950)	597,010
Deposit berkanun		(2,779,946)	(9,312)
		(14,904,662)	(7,896,305)

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

	Nota	Kumpulan	
		2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi (sambungan)			
Peningkatan/(Penurunan) dalam liabiliti operasi:			
Deposit daripada pelanggan		8,112,476	14,896,587
Deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain		1,138,265	2,325,201
Obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula		5,230,217	1,090,031
Akaun pelaburan		664,735	581,291
Bil dan penerimaan belum dibayar		39,266	22,623
Baki pelanggan dan broker		(171,722)	(223,419)
Lain-lain liabiliti		1,205,973	(494,768)
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas		2,526,851	(763,865)
		18,746,061	17,433,681
Tunai dijana daripada operasi		7,174,558	12,606,928
Faedah dibayar		(235,322)	(254,927)
Cukai bersih dan zakat dibayar		(1,110,186)	(749,187)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		5,829,050	11,602,814
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian bersih aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(7,954,631)	(1,723,260)
Hartanah, loji dan peralatan:			
- Pembelian	18	(183,864)	(127,619)
- Perolehan daripada pelupusan		540	23,977
Aset tidak ketara:			
- Pembelian	20	(205,538)	(191,640)
Aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan:			
- Pendapatan faedah diterima		1,603,208	1,552,428
- Pendapatan pelaburan diterima		318,752	415,516
Pendapatan dividen diterima daripada aset kewangan pada FVTPL dan aset kewangan pada FVOCI	39	42,266	54,876
Aliran tunai bersih daripada pelupusan syarikat subsidiari	59(1),59(5)	26,652	494
Pertimbangan luar jangka diterima daripada pelupusan syarikat subsidiari		-	219
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan		(6,352,615)	4,991
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan			
Penggunaan/(Pembayaran balik) bersih pinjaman		1,320,835	(522,955)
Perolehan daripada penerbitan sekuriti hutang kanan		-	2,075,557
Penebusan sekuriti hutang kanan		-	(2,092,558)
Perolehan daripada penerbitan nota/sukuk subordinat		850,000	500,000
Penebusan nota/sukuk subordinat		(1,200,000)	-
Dividen dibayar kepada pemegang ekuiti Bank		(1,134,568)	(699,519)
Dividen dibayar kepada NCI		(5,300)	(5,300)
Bayaran pajakan pokok		(79,178)	(71,990)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(248,211)	(816,765)

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan	
		2022 RM'000	2021 RM'000
(Penurunan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(771,776)	10,791,040
Kesan perbezaan kadar pertukaran Tunai dan setara tunai:		75,288	135,998
- pada permulaan tahun kewangan		19,831,323	8,904,285
- pada akhir tahun kewangan		19,134,835	19,831,323
Tunai dan setara tunai merangkumi yang berikut:			
- Tunai dan dana jangka pendek	2	19,134,835	19,831,323

	Baki pada permulaan tahun kewangan RM'000	Perubahan tunai		Perubahan bukan tunai			Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
		Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan RM'000	Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi RM'000	Pergerakan tukaran asing/pendapatan lain RM'000	Penambahan bersih untuk liabiliti pajakan RM'000	Faedah terakru dan pelunasan RM'000	
2022							
Liabiliti pajakan	182,607	(79,178)	-	10,254	41,005	5,944	160,632
Pinjaman	127,380	1,320,835	(11,782)	25,538	-	14,214	1,476,185
Sekuriti hutang kanan	3,646,369	-	(94,057)	192,441	-	96,437	3,841,190
Obligasi subordinat	3,221,882	(350,000)	(129,483)	-	-	124,684	2,867,083
	7,178,238	891,657	(235,322)	228,233	41,005	241,279	8,345,090
2021							
Liabiliti pajakan	154,188	(71,990)	(4,340)	473	97,516	6,760	182,607
Pinjaman	634,630	(522,955)	(5,081)	12,925	-	7,861	127,380
Sekuriti hutang kanan	3,545,150	(17,001)	(123,821)	127,554	-	114,487	3,646,369
Obligasi subordinat	2,718,729	500,000	(121,685)	-	-	124,838	3,221,882
	7,052,697	(111,946)	(254,927)	140,952	97,516	253,946	7,178,238

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini.

	Nota	Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Keuntungan sebelum cukai		3,509,556	2,546,168
Pelarasan untuk:			
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		129,497	259,344
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan lain		1,774	(1,398)
Hartanah, loji dan peralatan:			
- Susut nilai	42	112,067	100,459
- Keuntungan ke atas pelupusan	39	(424)	(214)
- Dihapus kira	42	61	29
Aset tidak ketara:			
- Pelunasan	42	131,505	110,350
- Dihapus kira	42	-	1,209
Aset hak guna:			
- Susut nilai	42	55,804	55,299
Perbelanjaan bayaran berasaskan saham	42	3,107	-
Peruntukan bersih dibuat ke atas aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		103,962	178,352
Keuntungan bersih daripada pelupusan/penebusan aset kewangan pada FVTPL, aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(7,603)	(244,810)
Kerugian/(Keuntungan) bersih ke atas lindung nilai saksama	39	1,107	(11)
Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan lindung nilai	39	(512)	-
Kerugian/(Keuntungan) belum direalisasi bersih daripada penilaian semula aset kewangan pada FVTPL dan derivatif		(246,732)	22,901
Kerugian/(Keuntungan) bersih pertukaran mata wang asing belum direalisasi		192,204	(60,995)
Kerugian daripada pembubaran syarikat subsidiari	39	6	52
Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada FVOCI	39	(3,673)	(4,099)
Pendapatan dividen daripada syarikat subsidiari	39	(530,357)	(247,903)
Kerugian pengubahsuaian		-	126,374
Perbelanjaan faedah ke atas pinjaman, sekuriti hutang kanan, obligasi subordinat dan liabiliti pajakan		192,588	198,699
Pendapatan faedah daripada aset kewangan pada FVTPL, aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(1,644,139)	(1,467,568)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		1,999,798	1,572,238
Penurunan/(Peningkatan) dalam aset operasi:			
Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan semula		(890,539)	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		1,171,012	1,702,129
Akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan ditetapkan		1,862,403	(1,372,781)
Aset kewangan pada FVTPL		(206,936)	1,392,285
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		(4,816,197)	(5,759,756)
Lain-lain aset		(1,062,789)	342,140
Deposit berkanun		(1,322,299)	(126,816)
		(5,265,345)	(3,822,799)

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi (sambungan)			
Peningkatan/(Penurunan) dalam liabiliti operasi:			
Deposit daripada pelanggan		(2,984,390)	2,984,024
Deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain		6,501,532	1,052,455
Obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula		2,965,193	123,471
Bil dan penerimaan belum dibayar		36,586	26,528
Lain-lain liabiliti		1,332,563	(502,999)
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas		1,515,375	1,506,310
		9,366,859	5,189,789
Tunai dijana daripada operasi			
Faedah dibayar		(189,176)	(204,988)
Cukai bersih dibayar		(659,748)	(393,722)
		5,252,388	2,340,518
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian bersih aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		(5,911,724)	(1,255,791)
Hartanah, loji dan peralatan:			
- Pembelian	18	(152,549)	(93,098)
- Perolehan daripada pelupusan		471	215
Aset tidak ketara:			
- Pembelian	20	(181,260)	(152,893)
Faedah diterima daripada aset kewangan pada FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan		1,586,691	1,539,464
Pendapatan dividen diterima daripada syarikat subsidiari		530,585	246,703
Pendapatan dividen diterima daripada aset kewangan pada FVOCI	39	3,673	4,099
Perolehan diterima daripada pembubaran syarikat subsidiari		-	527
Pengurangan modal dalam syarikat subsidiari		-	267,773
Pelaburan tambahan dalam syarikat subsidiari		(11,684)	(15,645)
		(4,135,797)	541,354
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan			
Penggunaan/(Pembayaran balik) bersih pinjaman		1,235,877	(201,079)
Perolehan daripada penerbitan sekuriti hutang kanan		-	2,075,557
Penebusan sekuriti hutang kanan		-	(2,092,558)
Perolehan daripada penerbitan nota subordinat		500,000	500,000
Penebusan nota subordinat		(750,000)	-
Dividen dibayar kepada pemegang ekuiti Bank		(1,134,568)	(699,519)
Bayaran pajakan pokok		(58,048)	(55,310)
		(206,739)	(472,909)

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini

	Nota	Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000
Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		909,852	2,408,963
Kesan perbezaan kadar pertukaran		175,431	95,024
Tunai dan setara tunai:			
- pada permulaan tahun kewangan		10,409,623	7,905,636
- pada akhir tahun kewangan		11,494,906	10,409,623
Tunai dan setara tunai merangkumi yang berikut:			
- Tunai dan dana jangka pendek	2	11,494,906	10,409,623

Bank	Baki pada permulaan tahun kewangan RM'000	Perubahan tunai		Perubahan bukan tunai			Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
		Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan RM'000	Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi RM'000	Pergerakan tukaran asing RM'000	Penambahan bersih untuk liabiliti pajakan RM'000	Faedah terakru dan pelunasan RM'000	
2022							
Liabiliti pajakan	92,935	(58,048)	-	2,112	54,714	2,261	93,974
Pinjaman	-	1,235,877	(8,150)	25,352	-	10,497	1,263,576
Sekuriti hutang kanan	3,646,369	-	(94,057)	192,441	-	96,437	3,841,190
Obligasi subordinat	2,265,134	(250,000)	(86,969)	-	-	83,393	2,011,558
	6,004,438	927,829	(189,176)	219,905	54,714	192,588	7,210,298
2021							
Liabiliti pajakan	77,356	(55,310)	(2,489)	121	70,768	2,489	92,935
Pinjaman	201,101	(201,079)	(507)	-	-	485	-
Sekuriti hutang kanan	3,545,150	(17,001)	(123,821)	127,554	-	114,487	3,646,369
Obligasi subordinat	1,762,067	500,000	(78,171)	-	-	81,238	2,265,134
	5,585,674	226,610	(204,988)	127,675	70,768	198,699	6,004,438

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting kepada penyata kewangan ini

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menguruskan perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan. Dasar-dasar perakaunan ini telah diguna pakai secara konsisten bagi kesemua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS'), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ('IFRS') dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah yang diubah suai menurut penilaian semula aset kewangan pada FVOCI, aset kewangan dan liabiliti kewangan (termasuk instrumen kewangan derivatif) pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Penyata kewangan ini turut merangkumi aktiviti yang berkaitan dengan perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Kumpulan dan Bank. Perbankan Islam secara umumnya merujuk kepada penerimaan deposit, pemberian pembiayaan dan urus niaga dalam sekuriti Islam di bawah prinsip-prinsip Syariah.

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan juga amaun pendapatan serta perbelanjaan yang dilaporkan semasa tahun kewangan pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Bank. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini adalah berasaskan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih mendalam, atau bidang-bidang bilamana anggaran dan andaian adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Seksyen (B).

- (a) Piawaian, pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang diguna pakai bagi Kumpulan dan Bank dan berkuat kuasa serta merta

Piawaian perakaunan baharu yang berkaitan, penambahbaikan dan pindaan tahunan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian perakaunan sedia ada yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Bank pada atau selepas 1 Januari 2022 adalah seperti berikut:

- (i) Pindaan kepada MFRS 16 'Konsesi Sewa Berkaitan dengan COVID-19' selepas 30 Jun 2021

Pindaan tahun 2021 melanjutkan tempoh usaha praktikal dapat digunakan selama satu tahun untuk meliputi konsesi sewa yang mengurangkan bayaran pajakan yang pada asalnya cukup tempoh pada atau sebelum 30 Jun 2022, dengan syarat lain untuk menggunakan usaha praktikal dipenuhi.

- (ii) Pindaan kepada MFRS 116 'Penerimaan Belum Guna'

Pindaan melarang sesebuah entiti daripada menolak penerimaan daripada hasil kos hartanah, loji dan peralatan ('PPE') yang diterima daripada item-item jualan dihasilkan oleh PPE sebelum ia bersedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Hasil jualan sepatutnya direalisasikan dalam penyata pendapatan.

- (iii) Pindaan MFRS 3 'Rujukan kepada Rangka Kerja Konsepsi'

Pindaan menggantikan rujukan kepada Rangka Kerja bagi Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan dengan Rangka Kerja Konsepsi 2018. Untuk melayakkan pengiktirafan sebagai sebahagian daripada penggunaan kaedah pemerolehan, aset diperolehi dan liabiliti ditanggung yang dikenal pasti perlu memenuhi takrifan aset dan liabiliti dalam Rangka Kerja Konsepsi 2018.

Pindaan ini tidak dijangka akan mengubah perakaunan semasa bagi gabungan perniagaan pada tarikh pemerolehan. Dalam menggantikan semua rujukan kepada Rangka Kerja dengan Rangka Kerja Konsepsi 2018, IASB tidak bermaksud untuk membuat perubahan ketara kepada keperluan-keperluan Piawaian IFRS yang mengandungi rujukan-rujukan tersebut. Maka, IASB memperkenalkan pengecualian baharu kepada prinsip pengiktirafan bagi liabiliti yang termasuk dalam skop IAS 37 dan IC 21.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Piawaian, pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang diguna pakai bagi Kumpulan dan Bank dan berkuat kuasa serta merta (sambungan)

Piawaian perakaunan baharu yang berkaitan, penambahbaikan dan pindaan tahunan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian perakaunan sedia ada yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Bank pada atau selepas 1 Januari 2022 adalah seperti berikut (sambungan):

- (iii) Pindaan MFRS 3 'Rujukan kepada Rangka Kerja Konsepsi' (sambungan)

Liabiliti dan liabiliti luar jangka (yang kewujudannya hanya dapat disahkan dengan peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak menentu) yang berada dalam skop MFRS 137 atau IC 21 akan diiktiraf sebagai sebahagian daripada gabungan perniagaan, menurut prinsip-prinsip MFRS/IC masing-masing. Sewajarnya, liabiliti dan levi tidak akan iktiraf pada tarikh pemerolehan meskipun ini telah memenuhi takrifan liabiliti menurut Rangka Kerja Konsepsi 2018.

- (iv) Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 1 'Syarikat Subsidiari sebagai Pengguna Pertama'

Pindaan ini memberikan syarikat subsidiari yang mengamal MFRS lebih lewat daripada syarikat induk, pengecualian pilihan untuk mengukur perbezaan terjemahan kumulatif bagi semua operasi asing yang sejajar dengan amaun bawaan yang termasuk dalam penyata kewangan disatukan syarikat induk (diselaraskan bagi pelarasan disatukan).

- (v) Penambahbaikan Tahunan kepada Contoh Ilustratif mengiringi MFRS 16 'Pajakan: Insentif Pajak'

Pindaan ini mengeluarkan ilustrasi mengenai bayaran balik berkaitan dengan penambahbaikan pegangan pajakan oleh pemberi pajak untuk mengelak daripada potensi kekeliruan memandangkan contoh tidak menerangkan dengan cukup jelas tentang kesimpulan sama ada bayaran balik akan memenuhi takrifan insentif pajakan dalam MFRS 16.

- (vi) Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 9 'Yuran dalam Ujian '10 Peratus' bagi Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan'

Apabila entiti-entiti menstruktur semula pinjaman mereka dengan peminjam sedia ada, MFRS 9 memerlukan pihak pengurusan untuk menilai perbezaan ketara antara aliran tunai sedia ada dengan pinjaman baharu secara kuantitatif (lazimnya dikenali sebagai 'ujian 10%').

Pindaan pada MFRS 9 ini menjelaskan bahawa hanya yuran dibayar atau diterima antara peminjam dengan pemberi pinjaman dimasukkan dalam ujian 10%. Mana-mana yuran yang dibayar kepada pihak ketiga hendaklah dikecualikan. Pindaan ini akan memberi kesan kepada hasil ujian 10% dan sewajarnya menjejaskan amaun keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sesebuah entiti seharusnya mengamalkan pindaan kepada liabiliti kewangan yang diubah suai atau ditukar pada atau selepas permulaan tempoh laporan tahunan bilamana entiti mula menggunakan pindaan.

- (vii) Pindaan kepada MFRS 137 'Kontrak Membebaskan - Kos Memenuhi Kontrak'

Pindaan ini menjelaskan bahawa kos langsung memenuhi kontrak termasuk kedua-dua kos tambahan memenuhi kontrak serta peruntukan kos lain yang secara langsung berkaitan dengan memenuhi kontrak. Pindaan ini juga menjelaskan bahawa sebelum mengiktiraf peruntukan kontrak membebaskan, entiti ini mengiktiraf sebarang kerugian rosot nilai yang berlaku pada aset yang digunakan dalam memenuhi kontrak.

Pindaan ini seharusnya diamalkan kepada kontrak bagi entiti yang masih belum memenuhi tanggungjawab pada awal tempoh laporan tahunan apabila pindaan mula diamalkan.

Menerima pakai piawaian perakaunan, penambahbaikan tahunan dan pindaan di atas tidak menimbulkan sebarang kesan kewangan yang material kepada Kumpulan dan Bank.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang diguna pakai bagi Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa
- (i) Pindaan kepada MFRS 101, Penyata Amalan 2 MFRS dan MFRS 108 mengenai pendedahan dasar-dasar perakaunan dan tafsiran anggaran perakaunan – berkuat kuasa pada 1 Januari 2023

Pindaan kepada pendedahan dasar-dasar perakaunan

Pindaan kepada MFRS 101 memerlukan syarikat-syarikat untuk mendedahkan dasar-dasar perakaunan material, bukannya dasar-dasar perakaunan penting. Entiti-entiti dikehendaki untuk membuat pendedahan dasar perakaunan khusus kepada entiti, dan bukan pendedahan generik pada aplikasi MFRS. Pindaan ini menjelaskan sesuatu dasar perakaunan ialah material sekiranya, apabila dipertimbangkan bersama dengan maklumat lain yang termasuk dalam penyata kewangan entiti, secara berpatutan ia dijangka akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama penyata kewangan tujuan umum berdasarkan penyata kewangan tersebut. Dan juga, maklumat dasar perakaunan dijangka material sekiranya, tanpanya, pengguna penyata kewangan tidak dapat memahami maklumat material lain dalam penyata kewangan.

Sewajarnya, maklumat dasar perakaunan bukan material tidak perlu didedahkan. Namun begitu, jika didedahkan, ia hendaklah tidak mengaburkan maklumat dasar perakaunan yang material. Penyata Amalan 2 MFRS dipinda untuk memberi panduan tentang bagaimana mengamalkan konsep materialiti kepada pendedahan dasar perakaunan.

Pindaan mengenai tafsiran anggaran perakaunan

Pindaan kepada MFRS 108, mentafsir semula anggaran perakaunan sebagai 'amaun monetari dalam penyata kewangan yang tertakluk kepada ketidaktentuan pengukuran'. Untuk membezakan daripada perubahan dalam dasar perakaunan, pindaan menjelaskan bahawa kesan-kesan perubahan dalam input atau teknik pengukuran yang digunakan untuk mewujudkan anggaran perakaunan merupakan perubahan dalam anggaran perakaunan, sekiranya ia tidak timbul daripada kesilapan tempoh sebelumnya. Contoh-contoh anggaran perakaunan termasuk jangkaan kerugian kredit; nilai realisasi bersih inventori; nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti; susut nilai hartanah, loji dan peralatan; dan peruntukan waranti obligasi.

- (ii) Pindaan kepada MFRS 112 mengenai 'Cukai Tertunda berkaitan dengan Aset dan Liabiliti timbul daripada Urus Niaga Tunggal' – berkuat kuasa pada 1 Januari 2023

Pindaan tersebut menjelaskan bahawa peraturan pengecualian awal tidak terpakai untuk urus niaga yang kedua-dua aset dan liabiliti diiktiraf pada masa yang sama seperti pajakan dan obligasi penyahtauliah. Sewajarnya, syarikat-syarikat dikehendaki mengiktiraf kedua-dua aset dan liabiliti cukai tertunda bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan boleh cukai yang timbul daripada urus niaga tersebut.

- (iii) MFRS 17 'Kontrak Insurans' dan pindaannya – berkuat kuasa pada 1 Januari 2023

Jangkaan pemulihan aliran tunai pemerolehan insurans

Sesebuah entiti dikehendaki memperuntukkan sebahagian daripada kos pemerolehan kepada pembaharuan kontrak dijangka yang berkaitan, dan mengiktiraf kos tersebut sebagai aset sehingga entiti mengiktiraf pembaharuan kontrak tersebut. Entiti hendaklah menilai kebolehpulihan aset pada setiap tarikh pelaporan, dan menyediakan maklumat spesifik berkenaan aset tersebut dalam nota kepada penyata kewangan.

Kontrak insurans semula yang dipegang – pemulihan kerugian

Bila entiti mengiktiraf kerugian pada pengiktirafan permulaan bagi kumpulan kontrak asas insurans yang membebaskan, margin perkhidmatan kontrak pada kontrak insurans semula kumpulan berkaitan yang dipegang harus diselaraskan dan mengiktiraf keuntungan ke atas kontrak insurans semula yang dipegang. Amaun kerugian yang diperoleh daripada kontrak insurans semula yang dipegang ditentukan dengan mendarab kerugian diiktiraf ke atas kontrak insurans sandaran dan peratusan tuntutan ke atas kontrak insurans sandaran yang entiti jangka untuk peroleh daripada kontrak insurans semula yang dipegang. Keperluan hanya boleh diguna pakai apabila kontrak insurans semula yang dipegang diiktiraf ke atas kontrak insurans sandaran.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang diguna pakai bagi Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

- (iii) MFRS 17 'Kontrak Insurans' dan pindaannya – berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 (sambungan)

Margin Perkhidmatan kontrak yang dikaitkan dengan perkhidmatan pelaburan

Pindaan menghendaki entiti yang mengeluarkan kontrak insurans tanpa ciri penyertaan langsung untuk mengiktiraf keuntungan apabila ia menyediakan perlindungan insurans atau sebarang perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti pelaburan.

Unit perlindungan hendaklah dikenal pasti dengan mengambil kira kuantiti manfaat dan jangkaan tempoh perlindungan insurans dan perkhidmatan pelaburan bagi kontrak di bawah pendekatan yuran berubah dan untuk kontrak lain dengan 'perkhidmatan pulangan pelaburan' di bawah model umum. Kos yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan hendaklah dimasukkan sebagai aliran tunai dalam batas kontrak insurans sehinggakan entiti melaksanakan aktiviti tersebut untuk mempertingkatkan manfaat daripada perlindungan insurans untuk pemegang polisi.

Pindaan lain termasuk:

- Kecualian skop untuk sesetengah kontrak kad kredit (atau serupa), dan sesetengah kontrak pinjaman/pembiayaan;
- Membentangkan aset dan liabiliti kontrak insurans dalam penyata kedudukan kewangan dalam portfolio bukannya di peringkat kumpulan (subportfolio);
- Entiti juga dibenarkan menggunakan pilihan migrasi risiko apabila mengurangkan risiko kewangan menggunakan kontrak insurans semula yang dipegang dan instrumen kewangan bukan-derivatif pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian;
- Pilihan dasar perakaunan untuk menukar anggaran dalam penyata kewangan interim yang sebelumnya apabila mengaplikasi MFRS 17; dan
- Pindaan kecil lain.

- (iv) Pindaan kepada MFRS 17 'Kontrak Insurans': Aplikasi permulaan MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat perbandingan

Pindaan ini berkaitan dengan pengelasan maklumat perbandingan mengenai aset kewangan pada aplikasi permulaan MFRS 17 (dikenali sebagai 'tindihan pengelasan'). Objektif pindaan ini adalah untuk menyediakan peruntukan peralihan pilihan bagi mengurangkan ketakpadanan perakaunan satu kali pada maklumat perbandingan antara kontrak insurans liabiliti dan aset kewangan berkaitan.

Pindaan ini akan tersedia untuk:

- mana-mana aset kewangan, termasuk yang dipegang berkenaan aktiviti yang tidak berkaitan dengan kontrak dalam skop MFRS 17;
- entiti yang mulanya mengaplikasi MFRS 9 sama waktu dengan mengaplikasi MFRS 17; dan
- entiti yang sudah mengaplikasi MFRS 9 sebelum aplikasi permulaan MFRS 17 apabila entiti ini menetapkan semula aset kewangan dengan mengaplikasi perenggan C29 MFRS 17.

Pilihan peralihan akan:

- tersedia berdasarkan instrumen demi instrumen;
- membenarkan entiti membentangkan maklumat perbandingan seolah-olah keperluan pengelasan dan pengukuran MFRS 9 telah diguna pakai pada aset kewangan tersebut, tetapi tidak memerlukan entiti mengguna pakai keperluan rosot nilai MFRS 9. Sebarang perbezaan dalam amaun bawaan aset kewangan pada tarikh urus niaga terhasil daripada penggunaan tindihan pengelasan akan diiktiraf dalam pembukaan keuntungan tertahan (atau komponen ekuiti lain, mengikut kesesuaian) pada tarikh tersebut; dan
- memerlukan entiti yang mengguna pakai tindihan pengelasan pada aset kewangan untuk menggunakan maklumat yang munasabah dan boleh disokong yang tersedia pada tarikh urus niaga untuk menentukan cara entiti menjangkakan aset kewangan akan diklasifikasikan menggunakan MFRS 9.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan terhadap piawaian diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada dapat diguna pakai bagi Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)
- (v) Pindaan kepada MFRS 101 'Pengelasan Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa' – berkuat kuasa pada 1 Januari 2024

Terdapat dua pindaan pada MFRS 101:

- Pindaan pertama, 'Pengelasan Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa', menjelaskan bahawa sesuatu liabiliti dikelaskan sebagai semasa atau bukan semasa, bergantung kepada hak yang ada pada akhir tempoh pelaporan. Pengelasan tidak terjejas oleh jangkaan entiti atau peristiwa selepas tarikh pelaporan (contohnya, penerimaan penepian atau pelanggaran perjanjian). Tambahan lagi, pindaan ini menjelaskan bahawa apabila sesuatu liabiliti dapat diselesaikan dengan cara pemindahan instrumen ekuiti sendiri (contohnya, pilihan penukaran dalam bon boleh tukar), pilihan penukaran yang memenuhi definisi instrumen ekuiti dalam MFRS 132 'Instrumen Kewangan: Pembentangan' tidak menjejaskan pengelasan semasa atau bukan semasa bagi instrumen boleh tukar.
- Pindaan kedua, 'Liabiliti bukan semasa dengan perjanjian' menjelaskan bahawa perjanjian pengaturan pinjaman yang entiti hanya patuh selepas tarikh laporan tidak menjejaskan pengelasan liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa pada tarikh laporan. Namun begitu, perjanjian itu yang entiti harus patuh pada atau sebelum tarikh laporan akan menjejaskan pengelasan liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa walaupun perjanjian itu hanya dinilai selepas tarikh laporan.

Pindaan ini hendaklah terpakai secara retrospektif.

- (vi) Pindaan pada MFRS 16 'Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajak Semula' – berkuat kuasa 1 Januari 2024

Pindaan ini menjelaskan cara syarikat harus mengukur liabiliti pajakan semula yang timbul dalam transaksi jualan dan pajak semula. Walaupun MFRS 16 menyertakan keperluan cara mengambil kira jualan dan pajak semula pada tarikh transaksi, ia tidak menyatakan cara mengukur transaksi jual dan pajak semula apabila melapor selepas tarikh transaksi. Oleh itu, pindaan seterusnya menambahkan keperluan pengukuran untuk liabiliti pajakan timbul daripada transaksi jualan dan pajak semula dengan menjelaskan bahawa penjual-pemajak dalam transaksi jualan dan pajak semula akan seterusnya mengukur liabiliti pajakan dengan mengguna pakai perenggan 36 hingga 46 MFRS 16. Pindaan ini tidak akan mengubah perakaunan bagi pajakan selain daripada yang timbul dalam transaksi jualan dan pajak semula.

Penerimaan piawaian perakaunan, pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada boleh digunakan oleh Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa di atas tidak dijangka akan meningkatkan kesan kewangan material kepada Kumpulan dan Bank, kecuali bagi penerimaan MFRS 17, di mana kesan kumulatifnya berikutan penerimaan akan diiktiraf dalam keuntungan tertahan setakat 1 Januari 2023, dan dengan peningkatan pendedahan. Kumpulan dan syarikat subsidiari insurans masih belum memuktamadkan kesan kewangan dengan mengguna pakai MFRS 17 dan kini sedang dalam pelaksanaan perubahan yang dikenal pasti. Berdasarkan kepada penilaian awal yang dijalankan sehingga kini, Kumpulan dan syarikat subsidiari insurans menjangkakan penurunan dalam liabiliti insurans untuk baki perlindungan yang akan mengakibatkan peningkatan dalam keuntungan tertahan pembukaan pada 1 Januari 2023.

(2) ASAS PENYATUAN

- (a) Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang Kumpulan mempunyai kawalan terhadapnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut menerusi kuasanya ke atas entiti.

Syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya daripada tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan mulai tarikh kawalan tersebut tamat.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(2) ASAS PENYATUAN (SAMBUNGAN)

(a) Syarikat subsidiari (sambungan)

(i) Perakaunan pengambilalihan

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan untuk mengambil kira gabungan perniagaan. Pertimbangan yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah subsidiari adalah nilai saksama aset dipindahkan, liabiliti tertanggung dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan termasuklah nilai saksama mana-mana aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturian pertimbangan luar jangka dan nilai saksama mana-mana kepentingan ekuiti yang ada sebelumnya di syarikat subsidiari. Aset boleh kenal pasti diperolehi, dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diambil alih dalam gabungan perniagaan pada permulaannya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kepentingan bukan kawalan merupakan ekuiti dalam syarikat subsidiari yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada Kumpulan atau Bank. Kepentingan bukan kawalan diukur sama ada pada nilai saksama atau bahagian yang berkadar aset bersih pemerolehi yang boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan, yang ditentukan atas dasar kes demi kes. Pada penghujung tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan merangkumi amaun yang dikira pada tarikh penggabungan dan bahagian perubahan dalam ekuiti syarikat subsidiari sejak tarikh penggabungan.

Kos berkaitan pengambilalihan dibelanjakan semasa ia berlaku.

Dalam gabungan perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti dipegang sebelumnya dalam syarikat diambil alih diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan keuntungan atau kerugian yang terhasil diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya terhadap nilai saksama pertimbangan luar jangka yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf menurut MFRS 9 dalam penyata pendapatan. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diambil kira dalam ekuiti.

Lebih agregat pertimbangan yang dipindahkan, mana-mana amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat diambil alih dan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi sebarang kepentingan ekuiti sebelumnya dalam syarikat diambil alih berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan terhadap aset bersih diperolehi yang boleh dikenal pasti, dilaporkan sebagai muhibah. Sekiranya ini kurang daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari diperolehi, keuntungan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sila rujuk Nota 7 dasar perakaunan berkaitan muhibah.

(ii) Perakaunan pendahulu

Kumpulan dan Bank mengguna pakai perakaunan pendahulu untuk mengambil kira penggabungan perniagaan di bawah kawalan bersama. Di bawah perakaunan pendahulu, aset dan liabiliti yang diperolehi tidak dinyatakan semula pada nilai saksama masing-masing tetapi pada amaun bawaan daripada penyata kewangan disatukan syarikat pemegang muktamad Kumpulan dan diselaraskan untuk memastikan dasar perakaunan Kumpulan yang sama. Perbezaan antara mana-mana pertimbangan yang diberikan dan amaun bawaan agregat aset dan liabiliti (pada tarikh urus niaga) entiti yang diambil alih dicatatkan sebagai pelarasan kepada keuntungan tertahan. Tiada muhibah tambahan diiktiraf.

Keputusan aset dan liabiliti entiti yang diambil alih disatukan seolah-olah kedua-dua entiti memperoleh dan diperolehi telah sentiasa digabungkan. Sewajarnya, penyata kewangan yang disatukan mencerminkan keputusan tahun penuh bagi kedua-dua entiti. Jumlah yang sepadan bagi tahun sebelumnya akan dinyatakan semula untuk mencerminkan hasil gabungan kedua-dua entiti.

Kesemua pendapatan dan kerugian syarikat subsidiari diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan, walaupun pengalihan kerugian kepada kepentingan bukan kawalan menyebabkan baki debit dalam ekuiti pemegang saham. Pengalihan keuntungan atau kerugian kepada kepentingan bukan kawalan bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula.

Kesemua urus niaga material dan baki antara syarikat dan intra-kumpulan dihapuskan semasa penggabungan. Jika perlu, pelarasan dilakukan terhadap penyata kewangan syarikat subsidiari bagi memastikan kesesuaian dasar perakaunan dengan dasar perakaunan Kumpulan.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(2) ASAS PENYATUAN (SAMBUNGAN)

- (b) Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti iaitu, sebagai urus niaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik. Perbezaan antara nilai saksama bagi sebarang pertimbangan yang dibayar dengan saham berkaitan yang diperoleh bagi nilai bawaan aset bersih syarikat subsidiari direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepentingan bukan kawalan turut direkodkan dalam ekuiti diagihkan kepada pemilik Kumpulan.

- (c) Pelupusan syarikat subsidiari

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, sebarang kepentingan pegangan dalam entiti diukur semula kepada nilai saksamanya pada tarikh hilangnya kawalan tersebut, dengan perubahan dalam amaun bawaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama ialah amaun bawaan awal untuk tujuan menghitung kemudiannya kepentingan pegangan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Selain itu, sebarang amaun yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berhubung dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti berkaitan. Ini membawa maksud bahawa amaun yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari termasuk jumlah dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari yang dijual.

- (d) Syarikat usaha sama

Syarikat usaha sama merupakan pengaturan bersama, iaitu syarikat usaha sama mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan tersebut. Kepentingan Kumpulan dalam syarikat usaha sama diambil kira dalam penyata kewangan menerusi kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, kepentingan dalam syarikat usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan terhadap keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan dan pergerakan dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat usaha sama (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, yang pada nilainya membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat usaha sama), Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian yang selanjutnya, kecuali sekiranya memiliki obligasi tertanggung atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat usaha sama.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat usaha sama terjejas. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah tersebut, dan dengan itu jumlah bawaan syarikat usaha sama melebihi amaun boleh diperoleh.

Keuntungan belum direalisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dan syarikat usaha samanya dihapuskan sehingga ke takat kepentingan Kumpulan dalam syarikat usaha sama. Kerugian belum direalisasi turut dihapuskan kecuali urus niaga tersebut memberikan bukti kemerosotan aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan bagi syarikat usaha sama telah diubah bilamana perlu bagi memastikan kesetaraan dengan dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Apabila Kumpulan menamatkan pemilikan ekuiti usaha samanya kerana kehilangan kawalan bersama, sebarang kepentingan pegangan dalam entiti diukur semula kepada nilai saksamanya dengan perubahan dalam nilai bawaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama ini menjadi amaun bawaan awal bagi tujuan seterusnya menghitung kepentingan pegangan sebagai usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, apa-apa amaun diiktiraf terdahulu dalam pendapatan komprehensif berhubung dengan entiti itu dihitungkan seolah-olah Kumpulan melupuskan langsung aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermaksud bahawa amaun terdahulu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula pada penyata pendapatan.

Sekiranya kepentingan pemilikan dalam usaha sama dikurangkan tetapi kawalan bersama dikekalkan, hanya bahagian yang berkadar daripada amaun diiktiraf terdahulu dalam pendapatan komprehensif dikelaskan semula pada penyata pendapatan dengan sewajarnya.

- (e) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah syarikat atau entiti lain, yang dalamnya, Kumpulan menggunakan pengaruh penting, tetapi tidak mengawal atau mengawal bersama, secara amnya, pemegang saham antara 20% dengan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah tetapi tiada kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap dasar berkenaan.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(2) ASAS PENYATUAN (SAMBUNGAN)

(e) Syarikat bersekutu (sambungan)

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada awalnya diiktiraf pada kos. Perakaunan ekuiti melibatkan mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu dalam penyata pendapatan, dan bahagiannya dalam pergerakan rizab selepas pengambilalihan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Perubahan selepas pengambilalihan kumulatif diselaraskan berbanding dengan kos pelaburan dan merangkumi muhibah terhadap pengambilalihan, tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah terjejas. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi amaun bawaan syarikat bersekutu melebihi amaunnya.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan akan menghentikan pengiktirafan bahagian kerugian selanjutnya. Selepas kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar, kerugian tambahan diperuntukkan dan liabiliti diiktiraf, hanya setakat di mana pelabur menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu. Jika kemudiannya syarikat bersekutu melaporkan keuntungan, Kumpulan akan kembali mengiktiraf bahagian keuntungannya itu hanya selepas bahagian keuntungannya menyamai bahagian kerugian yang tidak diiktiraf.

Keuntungan dan kerugian pencairan yang timbul dalam pelaburan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Keuntungan belum direalisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat bersekutunya dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu; kerugian yang belum direalisasi turut disingkirkan kecuali urus niaga tersebut memberikan bukti rosot nilai terhadap aset yang dipindah milik. Sekiranya wajar, dalam mengguna pakai kaedah perakaunan ekuiti, pelarasan dilakukan terhadap penyata kewangan syarikat bersekutu bagi memastikan kesetaraan dasar perakaunan dengan dasar perakaunan yang digunakan oleh Kumpulan.

(3) PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI, BERSEKUTU DAN USAHA SAMA

Dalam penyata kewangan berasingan Bank, pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada setiap hujung tempoh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat sebarang kesan rosot nilai. Sekiranya wujud kesan rosot nilai, amaun bawaan bagi pelaburan ditaksir dan serta-merta diturunkan nilainya kepada jumlah boleh diperoleh semula. Sila rujuk Nota 23 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Bagi pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun bawaan pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(4) ASET KEWANGAN

(a) Pengelasan

Kumpulan dan Bank mengelaskan aset kewangan dalam kategori pengukuran berikut:

- Yang diukur pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain ('OCI'), atau melalui keuntungan atau kerugian); dan
- Yang diukur pada kos yang dilunaskan.

Pengelasan instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Bank untuk menguruskan aset kewangan dan ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan berkenaan:

(i) Penilaian model perniagaan

Kumpulan dan Bank mengendalikan penilaian objektif model perniagaan untuk menyelaraskan bagaimana sesuatu aset dipegang dalam sesuatu portfolio diuruskan. Faktor-faktor yang dipertimbangkan termasuk objektif utama bagi portfolio sama ada strategi perniagaan adalah untuk memperoleh hasil faedah kontraktual, memadamkan tempoh aset kewangan dengan tempoh liabiliti yang membiayai aset tersebut atau merealisasikan portfolio melalui penjualan aset. Faktor-faktor lain yang dipertimbangkan termasuk frekuensi dan jumlah jualan dalam tempoh terdahulu, bagaimana prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada warga kerja pengurusan utama.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Pengelasan (sambungan)

(ii) Penilaian sama ada aliran tunai kontraktual adalah semata-mata pembayaran pokok dan faedah ('SPPI')

Apabila model perniagaan memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual, atau untuk mengumpul aliran tunai dan jualan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada aliran tunai kontraktual aset kewangan terbabit mewakili SPPI. Dalam menggunakan pakai ujian SPPI, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan sama ada aliran tunai kontraktual adalah konsisten dengan pengaturan pinjaman asas, iaitu faedah termasuk pertimbangan hanya bagi nilai wang, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan yang konsisten dengan pengaturan peminjaman asas. Apabila terma kontraktual memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau ketidaktentuan yang tidak konsisten dengan pengaturan peminjaman asas, aset kewangan yang berkaitan dikelaskan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

(b) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual bagi instrumen terbabit.

Pembelian dan penjualan aset kewangan secara berkala diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh di mana Kumpulan dan Bank membuat komitmen untuk membeli dan menjual aset tersebut.

(c) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada nilai saksama dengan kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan bagi kes aset kewangan bukan FVTPL. Kos urus niaga aset kewangan yang dibawa pada FVTPL ialah perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dipertimbangkan secara keseluruhannya apabila menentukan sama ada aliran tunai ialah SPPI.

(i) Instrumen hutang

Instrumen hutang ialah instrumen yang memenuhi takrifan liabiliti kewangan daripada perspektif penerbit, seperti pinjaman, bon kerajaan dan korporat dan belum terima perdagangan dibeli daripada pelanggan dalam perjanjian pemfaktoran tanpa rekursa.

Pengukuran selanjutnya bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Bank untuk menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Terdapat tiga kategori pengukuran bilamana Kumpulan dan Bank mengelaskan instrumen hutang:

(1) Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan

Aset kewangan yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual bilamana aliran tunai tersebut semata-mata mewakili SPPI, dan tidak ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ('FVTPL'), diukur pada kos yang dilunaskan. Jumlah bawaan aset ini diselaraskan bagi sebarang kerugian kredit dijangka yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila ia dinyahiktirafkan, sebarang keuntungan atau kerugian akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan dibentangkan di bawah 'pendapatan operasi lain'.

(2) Aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain ('FVOCI')

Aset kewangan yang dipegang bagi pengumpulan aliran tunai kontrak dan untuk menjual kewangan, bilamana aliran tunai tersebut mewakili SPPI, dan tidak ditetapkan pada FVTPL, akan diukur pada FVOCI. Perubahan dalam nilai saksama aset-aset ini diiktiraf dalam OCI, kecuali pengiktirafan faedah, keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang asing dan kerugian kredit dijangka yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Pengukuran (sambungan)

(i) Instrumen hutang (sambungan)

(2) Aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain ('FVOCI') (sambungan)

Apabila aset kewangan ini dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan diiktiraf dalam 'pendapatan operasi lain'. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan atau kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam 'pendapatan operasi lain' dan kerugian kredit rosot nilai dibentangkan secara berasingan di bawah 'peruntukan bagi kerugian kredit'.

(3) Aset kewangan pada FVTPL

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk kos yang dilunaskan atau FVOCI diukur pada FVTPL. Keuntungan atau kerugian akibat instrumen hutang yang kemudiannya diukur pada FVTPL dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan dibentangkan dalam penyata pendapatan dalam 'keuntungan/(kerugian) bersih yang timbul daripada aset kewangan pada FVTPL' dalam tempoh ia berlaku. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

(ii) Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti ialah instrumen yang memenuhi takrifan ekuiti daripada perspektif penerbit; iaitu instrumen yang tidak mengandungi obligasi kontrak untuk membayar dan memberikan bukti jelas kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Kumpulan dan Bank kemudiannya mengukur kesemua instrumen ekuiti pada FVTPL, kecuali apabila pengurusan telah memilih, pada pengiktirafan awal, untuk menetapkan instrumen ekuiti pada FVOCI. Dasar Kumpulan dan Bank adalah untuk menetapkan instrumen ekuiti sebagai FVOCI apabila instrumen tersebut dipegang untuk tujuan selain menjana pulangan pelaburan. Apabila pemilihan ini digunakan, keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf dalam OCI dan kemudiannya tidak akan dikelaskan semula kepada penyata pendapatan, termasuk semasa penjualan. Dividen ke atas pulangan daripada pelaburan sedemikian, diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan dividen apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran ditetapkan.

Keuntungan dan kerugian daripada instrumen ekuiti pada FVTPL dimasukkan dalam 'keuntungan/(kerugian) bersih yang timbul daripada aset kewangan pada FVTPL' dalam penyata pendapatan.

(d) Penyahiktirafan dan pengubahsuaian

(i) Penyahiktirafan disebabkan pengubahsuaian terma dan syarat

Kumpulan dan Bank kadang kala berunding semula atau sebaliknya mengubah suai aliran tunai pinjaman kontraktual kepada pelanggan. Apabila ini berlaku, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terma baharu berbeza dengan ketara daripada terma asal. Kumpulan dan Bank melakukannya dengan mempertimbangkan, antara lain, faktor-faktor berikut:

- Jika peminjam menghadapi kesulitan kewangan sama ada pengubahsuaian hanya mengurangkan aliran tunai kontraktual kepada amaun peminjam dijangka boleh bayar;
- Sama ada sebarang terma baharu yang ketara diperkenalkan seperti perkongsian keuntungan atau pulangan berasaskan ekuiti yang memberi kesan ketara kepada profil risiko pinjaman;
- Lanjutan ketara terma pinjaman apabila peminjam tidak berada dalam kesulitan kewangan;
- Perubahan ketara dalam kadar faedah;
- Perubahan dalam denominasi mata wang pinjaman; dan
- Sisipan cagaran, sekuriti lain atau penambahbaikan kredit yang memberi kesan ketara kepada risiko kredit berkaitan dengan pinjaman.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penyahiktirafan dan pengubahsuaian (sambungan)

(i) Penyahiktirafan disebabkan pengubahsuaian terma dan syarat

Sekiranya terdapat perbezaan yang besar dalam terma, Kumpulan dan Bank menyahiktiraf aset kewangan asal dan mengiktiraf aset 'baharu' pada nilai saksama dan mengira semula kadar faedah efektif baharu untuk aset. Tarikh rundingan semula dianggap sebagai tarikh pengiktirafan permulaan bagi tujuan pengiraan rosot nilai, termasuk untuk menentukan sama ada risiko kredit yang ketara berlaku. Walau bagaimanapun, Kumpulan dan Bank juga menilai sama ada aset kewangan baharu yang diiktiraf dianggap sebagai rosot nilai kredit pada pengiktirafan permulaan, terutamanya dalam keadaan rundingan semula didorong oleh penghutang yang tidak berupaya untuk membuat pembayaran yang dipersetujui pada asalnya. Perbezaan dalam nilai bawaan juga diiktiraf dalam penyata kewangan sebagai keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan.

Jika perbezaan terma tidak terlalu besar, rundingan semula atau pengubahsuaian tidak mengakibatkan penyahiktirafan. Kumpulan dan Bank mengira semula amaun bawaan kasar berdasarkan aliran tunai aset kewangan yang disemak semula dan mengiktiraf pengubahsuaian keuntungan atau kerugian dalam penyata pendapatan. Amaun bawaan kasar baharu dikira semula dengan mendiskaunkan aliran tunai yang diubah suai pada kadar faedah efektif yang asal (atau kadar faedah efektif kredit diselarasakan bagi aset kewangan yang dibeli atau berpunca daripada kredit rosot nilai).

(ii) Penyahiktirafan selain daripada pengubahsuaian terma dan syarat

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput, atau apabila ia dipindah dan sama ada (i) Kumpulan dan Bank memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan, atau (ii) Kumpulan dan Bank tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dan Kumpulan dan Bank tidak mengekalkan kawalan.

Cagaran yang diberikan oleh Kumpulan dan Bank di bawah perjanjian pembelian semula tidak dinyahiktiraf kerana Kumpulan dan Bank mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan berdasarkan harga belian semula yang telah ditetapkan, dan oleh itu, kriteria untuk penyahiktirafan tidak dipenuhi.

(e) Dasar pengelasan semula

Pengelasan semula aset kewangan diperlukan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Bank mengubah model perniagaan mereka bagi pengurusan aset. Dalam kes sedemikian, Kumpulan dan Bank dikehendaki mengelaskan semula semua aset kewangan yang berkaitan.

Bagaimanapun, adalah tidak wajar untuk mengelaskan semula aset kewangan yang telah ditetapkan pada FVTPL, atau instrumen ekuiti yang telah ditetapkan pada FVOCI walaupun terdapat perubahan dalam model perniagaan. Penetapan tersebut tidak boleh dibatalkan.

(5) PERJANJIAN PEMBELIAN SEMULA

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian pembelian semula ialah sekuriti yang telah dibeli oleh Kumpulan dan Bank dengan komitmen untuk menjual semula pada tarikh akan datang. Komitmen untuk menjual semula sekuriti dinyatakan sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan.

Sebaliknya, obligasi ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian pembelian semula adalah sekuriti yang telah dijual oleh Kumpulan dan Bank daripada portfolionya dengan komitmen untuk membeli semula pada tarikh akan datang. Pembiayaan sedemikian dan obligasi untuk membeli semula sekuriti digambarkan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Perbezaan antara harga jualan dengan pembelian semula serta harga pembelian dan penjualan semula dilunaskan, masing-masing sebagai pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah berdasarkan kaedah hasil efektif.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(6) INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN PERAKAUNAN LINDUNG NILAI

Derivatif pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan. Nilai saksama diperoleh daripada harga sebutan pasaran dalam pasaran aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, dan teknik penilaian, termasuk model aliran tunai terdiskaun dan model penentuan harga opsi, mengikut kesesuaian. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif. Perubahan nilai saksama mana-mana derivatif yang tidak memenuhi syarat perakaunan lindung nilai diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan. Cagaran tunai yang dipegang berhubung dengan urus niaga derivatif dibawa pada kos yang dilunaskan.

Bukti terbaik tentang nilai saksama bagi derivatif pada pengiktirafan awal ialah harga urus niaga (iaitu nilai saksama balasan yang diberi atau diterima) melainkan nilai saksama instrumen berkenaan dibuktikan oleh perbandingan dengan urus niaga pasaran semasa lain dalam instrumen yang sama (iaitu, tanpa pengubahsuaian atau dipakejkan semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang pemboleh ubahnya merangkumi hanya data daripada pasaran yang boleh diperhatikan. Apabila wujud bukti sedemikian, Kumpulan dan Bank mengiktiraf keuntungan pada tarikh mulanya.

Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama yang terhasil bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditetapkan dan layak sebagai instrumen lindung nilai, dan sekiranya begitu, sifat item yang lindung nilai. Kumpulan dan Bank menetapkan derivatif tertentu sama ada: (1) lindung nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau komitmen kukuh (lindung nilai saksama); atau (2) lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing (lindung nilai pelaburan bersih). Perakaunan lindung nilai digunakan untuk derivatif yang ditetapkan dengan cara ini sekiranya kriteria tertentu dipenuhi.

Kumpulan dan Bank mendokumenkan, pada permulaan urus niaga lindung nilai, objektif dan strategi pengurusan risiko dan hubungan ekonomi antara instrumen lindung nilai dengan item yang lindung nilai termasuk sama ada instrumen lindung nilai dijangka dapat mengimbangi perubahan dalam aliran tunai item yang dilindungi.

Jika kadar lindung nilai bagi tujuan pengurusan risiko tidak lagi optimum tetapi objektif pengurusan risiko tidak berubah dan lindung nilai terus layak untuk perakaunan lindung nilai, perhubungan lindung nilai akan diseimbangkan semula dengan melaraskan sama ada jumlah instrumen lindung nilai atau jumlah item yang lindung nilai supaya nisbah lindung nilai selaras dengan nisbah digunakan untuk tujuan pengurusan risiko. Sebarang ketidakcekapan diambil kira dalam keuntungan atau kerugian pada masa pengimbangan semula hubungan lindung nilai.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pelepasan Fasa 1 berikut yang disediakan oleh Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah' untuk instrumen lindung nilai yang digunakan dalam strategi lindung nilai Kumpulan dan Bank, yang IBOR sebagai rujukan dan masih belum beralih kepada kadar penanda aras alternatif:

- Apabila mempertimbangkan keperluan 'kemungkinan besar', Kumpulan dan Bank telah mengandaikan bahawa kadar faedah IBOR, yang pinjaman lindung nilai Kumpulan dan Bank didasarkan, tidak berubah ekoran pembaharuan IBOR.
- Dalam menilai sama ada lindung nilai dijangka sangat berkesan pada asas berpandangan ke hadapan, Kumpulan dan Bank telah mengandaikan bahawa kadar faedah IBOR, yang aliran tunai pinjaman lindung nilai dan swap kadar faedah yang lindung nilai didasarkan, tidak berubah disebabkan oleh pembaharuan IBOR.
- Kumpulan dan Bank belum mengitar semula rizab lindung nilai aliran tunai bagi lindung nilai yang ditetapkan yang tertakluk kepada pembaharuan IBOR.

Kumpulan dan Bank berhenti menggunakan pelepasan yang disediakan oleh pindaan Fasa 1 lebih awal (a) apabila tiada lagi ketidakpastian yang timbul daripada perubahan dalam IBOR ke atas masa dan jumlah aliran tunai yang kait IBOR bagi item yang lindung nilai, dan (b) apabila hubungan lindung nilai, yang pelepasan digunakan, dihentikan.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pelepasan berikut yang disediakan oleh Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2':

- Penetapan lindung nilai: Apabila pelaksanaan pindaan Fasa 1 dihentikan, Kumpulan dan Bank akan meminda penetapan lindung nilai untuk menggambarkan perubahan yang diperlukan oleh pembaharuan IBOR, tetapi hanya untuk membuat satu atau lebih daripada perubahan berikut:
 - (a) menetapkan kadar tanda aras alternatif (ditetapkan secara kontrak atau bukan kontrak) sebagai risiko lindung nilai;
 - (b) meminda penerangan item lindung nilai, termasuk penerangan bahagian ditetapkan bagi aliran tunai atau nilai saksama yang lindung nilai; atau
 - (c) meminda penerangan bagi instrumen lindung nilai.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(6) INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN PERAKAUNAN LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pelepasan berikut yang disediakan oleh Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah – Fasa 2' (sambungan):

- Kumpulan dan Bank meminda dokumentasi lindung nilai untuk menggambarkan perubahan dalam penetapan menjelang akhir tempoh laporan semasa perubahan dibuat. Pindaan kepada dokumentasi lindung nilai ini tidak memerlukan Kumpulan dan Bank untuk menghentikan hubungan lindung nilai.

Nilai saksama beberapa instrumen derivatif digunakan bagi tujuan lindung nilai dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

(a) Lindung nilai saksama

Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang ditentukan dan layak sebagai lindung nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan, berserta sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti lindung nilai yang disebabkan oleh risiko lindung nilai.

Kumpulan dan Bank mengguna pakai perakaunan lindung nilai saksama untuk lindung nilai risiko faedah tetap ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan aset kewangan pada FVOCI. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian efektif swap kadar faedah melindungi nilai pinjaman kadar tetap, pendahuluan dan pembiayaan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah pendapatan operasi lain. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian tidak efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam keuntungan atau kerugian bersih ke atas lindung nilai saksama.

Bagi lindung nilai saksama aset kewangan diiktiraf sebagai FVOCI, sebarang perubahan dalam nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI yang lindung nilai dikitar semula daripada rizab FVOCI kepada penyata pendapatan, sementara perubahan dalam nilai saksama bagi derivatif yang berkaitan dengan bahagian efektif bagi lindung nilai derivatif tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah pendapatan operasi lain. Bahagian tidak efektif bagi lindung nilai derivatif tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam keuntungan atau kerugian bersih ke atas perubahan nilai saksama bagi derivatif.

Bagi instrumen kewangan diukur pada kos yang dilunaskan, jika lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, penyesuaian kepada amaun bawaan item yang lindung nilai, yang menggunakan kaedah faedah efektif, akan dilunaskan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh hingga matang dan direkodkan sebagai pendapatan operasi lain. Pelunasan kadar faedah efektif akan mula sebaik sahaja adanya pelarasan dan selewat-lewatnya sebelum item lindung nilai berhenti diselaraskan bagi perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh risiko lindung nilai. Jika item lindung nilai dinyahiktiraf, pelarasan nilai saksama tidak dilunaskan akan segera diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(b) Lindung nilai pelaburan bersih

Lindung nilai pelaburan bersih merupakan lindung nilai terhadap pendedahan kepada ketidaktentuan kadar pertukaran ke atas aset bersih operasi/subsidiari asing Kumpulan. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas instrumen lindung nilai berkaitan dengan bahagian efektif lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam rizab terjemahan mata wang asing dalam ekuiti melalui pendapatan komprehensif lain manakala sebarang keuntungan atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang tidak efektif diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan. Setelah operasi/subsidiari asing dilupuskan, nilai terkumpul sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam ekuiti tersebut dipindahkan kepada penyata pendapatan.

(c) Derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai

Instrumen derivatif tertentu tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Perubahan dalam nilai saksama mana-mana instrumen derivatif yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(7) MUHIBAH

Muhibah yang timbul daripada pengambilalihan subsidiari mewakili lebihan pertimbangan yang dipindahkan kepada kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat diambil alih dan nilai saksama kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambil alih.

Muhibah dinyatakan dengan kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul dan diuji untuk rosot nilai setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa ia mungkin rosot nilai. Kerugian rosot nilai ke atas muhibah (termasuk kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh interim terdahulu) tidak dibalikkan. Keuntungan dan kerugian ke atas pelupusan syarikat subsidiari termasuk amaun bawaan muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari yang dijual. Sila rujuk Nota 23 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Muhibah diperuntukkan kepada Unit Penjana Tunai ('CGU') bagi tujuan ujian rosot nilai. Peruntukan dibuat kepada CGU atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan dan ini timbulnya muhibah, dikenal pasti mengikut segmen operasi. Setiap unit atau kumpulan unit yang muhibah diperuntukkan mewakili nilai terendah dalam entiti bilamana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

(8) ASET TIDAK KETARA

Aset tidak ketara merangkumi item tidak ketara yang boleh dikenal pasti secara berasingan yang timbul daripada gabungan perniagaan, lesen perisian komputer dan aset tidak ketara lain. Aset tidak ketara diiktiraf pada kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi dalam gabungan perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat berguna yang ditentukan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat ekonominya. Aset tidak ketara dengan jangka hayat berguna yang tidak ditentukan tidak dilunaskan. Secara umumnya, aset tidak ketara Kumpulan dan Bank yang dikenal pasti mempunyai jangka hayat berguna yang ditentukan. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan disatukan, aset tidak ketara dikaji semula untuk tanda-tanda rosot nilai atau perubahan dalam anggaran manfaat ekonomi masa depan. Sekiranya wujud tanda-tanda yang sedemikian, aset tidak ketara tersebut dianalisis untuk menilai sama ada amaun bawaannya dapat diperolehi semula sepenuhnya. Kerugian rosot nilai diiktiraf jika amaun bawaannya melebihi amaun boleh diperolehi semula. Aset tidak ketara dengan hayat berguna yang tidak ditentukan diuji setiap tahun untuk rosot nilai dan bilamana terdapat tanda-tanda bahawa aset tersebut mungkin rosot nilai. Sila rujuk Nota 23 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

(a) Lesen perisian komputer

Lesen perisian komputer yang diperolehi dipermodalkan berdasarkan kos yang bertanggung bagi memperoleh dan menggunakan perisian tertentu. Lesen perisian komputer kemudiannya dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai. Semua kos ini dilunaskan sepanjang anggaran hayat berguna selama 3 hingga 10 tahun.

(b) Aset tidak ketara yang lain

Aset tidak ketara lain terdiri daripada hubungan pelanggan, jenama, hak dagangan dan keahlian. Aset tidak ketara lain pada awalnya diiktiraf apabila ia boleh diasingkan atau timbul daripada hak kontraktual atau hak undang-undang yang lain, dan apabila kos dapat diukur dengan pasti dan, bagi aset tidak ketara yang tidak diperolehi dalam gabungan perniagaan, ia diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi pada masa depan yang berpunca daripada aset akan mengalir daripada penggunaannya. Nilai aset tidak ketara yang diperolehi dalam gabungan perniagaan secara umumnya ditentukan menggunakan metodologi pendekatan pendapatan seperti kaedah aliran tunai terdiskaun.

Aset tidak ketara lain dengan jangka hayat yang ditentukan dinyatakan pada kos tolak pelunasan dan elaun rosot nilai, sekiranya ada, dan juga pembalikan rosot nilai, sekiranya ada. Ia dilunaskan sepanjang hayat kegunaannya dengan cara yang mencerminkan pola yang menyumbang kepada aliran tunai masa depan, secara umum sepanjang hayat kegunaan yang berikut:

Hubungan pelanggan	10 tahun
Jenama	3 hingga 10 tahun

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(9) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN SERTA SUSUT NILAI

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan langsung yang disebabkan oleh pengambilalihan item tersebut. Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank, dan kos item boleh diukur dengan pasti. Amaun bawaan bahagian yang diganti dinyahiktirafkan. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan semasa tempoh kewangan apabila perbelanjaan tersebut tertanggung.

Tanah pegangan bebas, bangunan yang sedang dibina dan pengubahsuaian yang sedang dijalankan tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai pada asas garis lurus untuk menurunkan nilai kosnya kepada nilai sisa ke atas anggaran jangka hayat kegunaannya. Kadar susut nilai tahunan utama adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	Dilunaskan sepanjang tempoh pajakan*
Bangunan	2% hingga 3.33%
Pengubahsuaian dan penambahbaikan	10% hingga 11%
Peralatan komputer	14.28% hingga 33.33%
Perabot, kelengkapan dan peralatan	10% hingga 20%
Kenderaan bermotor	20%
Persisian komputer	10% hingga 33.33%

* Baki tempoh pajakan adalah antara 3 hingga 861 tahun.

Nilai sisa aset dan jangka hayat berguna dikaji semula, dan dilaraskan jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan. Tiada sebarang pelarasan material yang timbul daripada kajian semula yang memerlukan pendedahan dalam penyata kewangan.

Aset pajakan diperoleh sebelum tarikh awal mengguna pakai MFRS 16 'Pajakan' yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, terus diklasifikasikan di bawah hartanah, loji dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan cara membandingkan hasil dengan amaun bawaan dan dimasukkan di bawah pendapatan operasi lain dalam penyata pendapatan.

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai. Jika wujud tanda-tanda rosot nilai amaun bawaan aset diturun nilai kepada amaun boleh diperoleh semula. Sila rujuk Nota 23 dasar perakaunan mengenai rosot nilai bagi aset bukan kewangan.

(10) LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diukur pada kos yang dilunaskan, kecuali untuk liabiliti perdagangan yang ditetapkan pada nilai saksama, dan dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama tambah kos urus niaga untuk kesemua liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga merupakan perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila dihapuskan.

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Kategori ini merangkumi dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan, dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian sewaktu pengiktirafan permulaan.

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperoleh atau tertanggung terutamanya untuk tujuan jualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ia adalah sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama dan terdapat bukti pola pengambilan untung jangka pendek baru-baru ini. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan melainkan ditetapkan sebagai lindung nilai. Sila rujuk Nota 6 dasar perakaunan mengenai perakaunan lindung nilai.

Liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian selepas pengiktirafan awal adalah derivatif dagangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(10) LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos yang dilunaskan

Liabiliti kewangan lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kos urus niaga. Selepas itu, liabiliti kewangan lain diukur semula pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Liabiliti kewangan lain yang diukur pada kos yang dilunaskan ialah deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain, obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian belian semula, akaun pelaburan, bil dan penerimaan belum bayar, baki pelanggan dan broker, obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas, liabiliti pajakan, liabiliti kontrak insurans am dan liabiliti kewangan lain.

- (c) Pinjaman diukur pada kos yang dilunaskan

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, setelah ditolak kos urus niaga yang bertanggung. Pinjaman kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan, sebarang perbezaan antara amaun yang diiktiraf pada awalnya dengan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah efektif.

Kesemua kos pinjaman lain diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh ia bertanggung.

Pinjaman yang diukur pada kos yang dilunaskan ialah pinjaman jangka panjang dan jangka pendek daripada institusi kewangan, obligasi subordinat dan sekuriti hutang kanan.

(11) AKAUN PELABURAN ('IA')

IA ditakrif dengan mengguna pakai kontrak Syariah sebagai pelaburan dengan ciri jaminan bukan prinsipal. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, pembayaran keutamaan untuk IA selepas pembubaran Institusi Kewangan Islam ('IFI') dikendalikan secara berasingan daripada deposit Islam, selaras dengan hak dan obligasi yang terakru kepada pemegang akaun pelaburan. IA selanjutnya dikategorikan pada Akaun Pelaburan Terhad ('RIA') dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad ('URIA').

RIA merujuk kepada jenis akaun pelaburan yang Pemegang Akaun Pelaburan ('IAH') memberikan mandat pelaburan yang khusus kepada IFI seperti tujuan, kelas aset, sektor ekonomi dan tempoh pelaburan sementara URIA merujuk kepada akaun pelaburan yang IAH memberikan IFI mandat untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan sebarang sekatan atau syarat tertentu.

IA adalah kontrak berasaskan konsep Syariah yang berikut:

- (a) Mudharabah antara dua pihak, pelabur dan syarikat subsidiarinya, RHB Islamic Bank Sdn Bhd ('RHB Islamic Bank'), untuk membiayai suatu usaha niaga yang pelabur akan menyediakan modal, dan usaha niaga hanya diuruskan oleh RHB Islamic Bank. Keuntungan usaha niaga akan dikongsi berdasarkan nisbah dipersetujui terlebih dahulu dengan RHB Islamic Bank sebagai Mudharib (pengurus atau pengurus dana), dan kerugian hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pelabur.
- (b) Wakalah, kontrak berasaskan amanah iaitu satu pihak (muwakkil) melantik pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk menjalankan tugas tertentu, dalam hal-hal yang mungkin boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan yuran. Yuran hendaklah diiktiraf berdasarkan perjanjian. Keuntungan yang dijana/kerugian yang ditanggung adalah berdasarkan pendapatan boleh agih bersih yang dihitung. Pendapatan boleh agih bersih dihasilkan selepas ditolak yuran Wakalah, perbelanjaan langsung dan peruntukan (sekiranya ada). Kerugian (sekiranya ada) akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur melainkan kerugian tersebut disebabkan oleh RHB Islamic Bank akibat salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu dalam kontrak antara pelabur dan RHB Islamic Bank.
- (c) Maklumat mengenai IA seperti yang dinyatakan dalam Nota 24 kepada penyata kewangan.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(12) OBLIGASI REKURSA KE ATAS PINJAMAN YANG DIJUAL KEPADA CAGAMAS

Dalam keadaan biasa operasi perbankan, Kumpulan dan Bank menjual pinjaman kepada Cagamas tetapi mengambil tugas mentadbir pinjaman bagi pihak Cagamas dan membeli balik sebarang pinjaman yang dianggap defektif. Urus niaga kewangan sedemikian dan obligasi membeli balik pinjaman digambarkan sebagai liabiliti pada penyata kedudukan kewangan dan diambil kira selaras dengan dasar perakaunan Nota 10(b).

(13) PAJAKAN – KUMPULAN DAN BANK IALAH PENERIMA PAJAKAN

Kumpulan dan Bank mengiktiraf pajakan sebagai aset hak guna ('ROU'), dengan liabiliti yang sepadan pada tarikh aset pajakan tersedia digunakan (iaitu tarikh permulaan).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan dan Bank memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga relatif tersendiri.

(a) Terma pajakan

Dalam menentukan terma pajakan, Kumpulan dan Bank mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan lanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan dalam terma pajakan sekiranya pajakan pasti akan dilanjutkan (atau tidak akan ditamatkan).

Kumpulan dan Bank mengkaji semula terma pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan keadaan yang berada dalam kawalan Kumpulan dan Bank, dan memberi kesan sama ada Kumpulan dan Bank agak pasti untuk melaksanakan pilihan yang dahulunya tidak dimasukkan dalam penetapan terma pajakan, atau tidak melaksanakan pilihan yang dahulunya dimasukkan dalam penetapan terma pajakan. Pindaan dalam terma pajakan menyebabkan pengukuran semula liabiliti pajakan (rujuk kepada (d) di bawah).

(b) Aset ROU

Aset ROU pada awalnya diukur pada kos yang merangkumi perkara berikut:

- amaun pengukuran awal liabiliti pajakan;
- sebarang pembayaran pajakan dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- sebarang kos langsung awal; dan
- kos penamatan atau pemasangan.

Aset ROU yang bukan hartanah pelaburan seterusnya diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (sekiranya ada). Aset ROU secara umumnya disusut nilai pada jangka masa lebih pendek daripada hayat berguna aset dan tempoh pajakan pada asas garis lurus. Sekiranya Kumpulan dan Bank agak pasti untuk melaksanakan pilihan pembelian, aset ROU akan disusut nilai ke atas hayat berguna aset sandaran. Di samping itu, aset ROU dilaraskan untuk pengukuran semula tertentu bagi liabiliti pajakan.

(c) Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum dibayar pada tarikh tersebut. Pembayaran pajakan termasuk yang berikut:

- pembayaran tetap (termasuk pembayaran tetap dasar), ditolak sebarang insentif pajakan belum terima;
- pembayaran pajakan berubah yang berdasarkan indeks atau suatu kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- amaun dijangka perlu dibayar oleh Kumpulan dan Bank di bawah jaminan nilai baki;
- harga laksana pembelian dan pelanjutan opsyen sekiranya Kumpulan dan Bank agak pasti untuk melaksanakan opsyen tersebut; dan
- pembayaran penalti bagi menamatkan pajakan, sekiranya tempoh pajakan menunjukkan Kumpulan dan Bank melaksanakan opsyen terbabit.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(13) PAJAKAN – KUMPULAN DAN BANK IALAH PENERIMA PAJAKAN (SAMBUNGAN)

(c) Liabiliti pajakan (sambungan)

Bayaran pajakan terdiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan. Sekiranya kadar tidak boleh ditentukan dengan mudah, yang biasanya berlaku untuk pajakan dalam Kumpulan dan Bank, maka kadar pinjaman tambahan penerima pajak digunakan. Ini adalah kadar yang penerima pajak perseorangan perlu bayar untuk meminjam dana yang diperlukan untuk memperoleh aset yang mempunyai nilai yang sama dengan ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan terma, sekuriti dan syarat yang serupa.

Pembayaran pajakan diperuntukkan antara kos pokok dan kos kewangan. Kos kewangan dikenakan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan agar dapat menghasilkan kadar faedah berkala berterusan bagi baki liabiliti bagi setiap tempoh.

Pembayaran pajakan berubah yang bergantung kepada jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh berlakunya keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan dan Bank membentangkan liabiliti pajakan sebagai item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah bagi liabiliti pajakan dibentangkan di bawah perbelanjaan faedah lain dalam penyata pendapatan.

(d) Penilaian semula liabiliti pajakan

Kumpulan dan Bank juga terdedah kepada potensi peningkatan dalam pembayaran pajakan berubah di masa hadapan yang bergantung kepada indeks atau kadar yang tidak dimasukkan dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan kepada bayaran pajakan berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, liabiliti pajakan akan diukur semula dan diselaraskan berbanding dengan aset ROU.

(e) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan jangka pendek ialah pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan teknologi maklumat dan item kecil perabot pejabat. Bayaran yang berkaitan dengan pajakan jangka pendek teknologi maklumat dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf pada asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(14) PAJAKAN – KUMPULAN DAN BANK IALAH PEMBERI PAJAKAN

Sebagai pemberi pajak, Kumpulan dan Bank menentukan pada permulaan pajakan sama ada setiap pajakan ialah pajakan kewangan atau pajakan operasi. Bagi mengelakkan setiap pajakan, Kumpulan dan Bank membuat penilaian keseluruhan sama ada pajakan memindahkan sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran berkaitan buat pemilikan aset sandaran kepada penerima pajakan. Sebagai sebahagian daripada penilaian ini, Kumpulan dan Bank mengambil kira penunjuk tertentu seperti sama ada pajakan adalah untuk sebahagian besar hayat ekonomi aset terbabit.

(a) Pajakan operasi

Apabila aset dipajakkan di bawah pajakan operasi, aset dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan sifat aset tersebut. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas garis lurus.

(b) Pajakan kewangan

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai kini bayaran pajakan diiktiraf sebagai akaun belum terima. Akaun belum terima ini tertakluk kepada rosot nilai di bawah MFRS 9 (rujuk kepada dasar perakaunan Nota 22 mengenai rosot nilai aset kewangan). Perbezaan antara belum terima kasar dengan nilai kini belum terima diiktiraf sebagai pendapatan kewangan belum diperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah 'pelaburan bersih' untuk menggambarkan kadar pulangan berkala yang tetap.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(15) PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa, akibat daripada peristiwa lampau, maka terdapat kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran munasabah tentang amaun obligasi yang boleh dilaksanakan.

Apabila Kumpulan dan Bank menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi pada masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas obligasi secara keseluruhannya. Peruntukan akan diiktiraf walaupun terdapat kemungkinan aliran keluar berkaitan dengan salah satu item yang terkandung dalam kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai kini perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa wang dan risiko khusus terhadap obligasi tersebut. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

(a) Kontrak membebankan

Kumpulan dan Bank mengiktiraf peruntukan kontrak membebankan apabila manfaat dijangka yang akan diperoleh daripada kontrak adalah kurang daripada kos tak boleh elak bagi memenuhi obligasi di bawah kontrak tersebut.

(b) Penyusunan semula

Peruntukan penyusunan semula sebahagian besarnya terdiri daripada penalti penamatan pajakan dan pembayaran pemberhentian pekerja dan diiktiraf dalam tempoh bilamana Kumpulan komited terhadap pembayaran secara sah atau konstruktif. Kos operasi masa hadapan tidak peruntukkan.

(16) KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Bank membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang tertentu gagal membayar balik apabila tiba masanya, menurut syarat instrumen hutang. Jaminan kewangan sedemikian diberikan kepada institusi kewangan dan badan lain bagi pihak pelanggan untuk mendapatkan pinjaman, overdraf dan kemudahan perbankan lain.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf dalam penyata kewangan pada nilai saksama pada tarikh jaminan diberikan. Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada awalnya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama jaminan kewangan ditetapkan sebagai nilai kini perbezaan dalam aliran tunai bersih antara pembayaran kontraktual di bawah instrumen hutang dan pembayaran yang akan diperlukan tanpa jaminan, atau amaun anggaran yang perlu dibayar kepada pihak ketiga kerana menanggung obligasi itu.

Kontrak jaminan kewangan kemudiannya diukur pada tahap yang lebih tinggi dari amaun yang ditentukan mengikut model kerugian kredit dijangka di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dan amaun awal diiktiraf ditolak amaun pendapatan terkumpul yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan', sekiranya bersesuaian.

Apabila jaminan kewangan berhubung dengan pinjaman atau hutang syarikat subsidiari diberikan oleh Kumpulan dan Bank tanpa pampasan, nilai saksama diambil kira sebagai sumbangan dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam syarikat subsidiari.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(17) GERAN KERAJAAN

Pembiayaan di bawah skim kerajaan diiktiraf dan diukur selaras dengan MFRS 9 'Instrumen Kewangan', dengan manfaat di bawah kadar pasaran yang diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan permulaan atau nilai saksama kewangan dengan amaun diterima.

Sumbangan kewangan di bawah skim kerajaan diukur selaras dengan amaun diterima. Manfaat pembiayaan di bawah skim kerajaan atau sumbangan kewangan di bawah skim kerajaan yang menangani kos dikenal pasti atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Kumpulan dan Bank diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan yang sama apabila kos atau perbelanjaan diiktiraf, apabila syarat yang diperlukan dipenuhi selaras dengan MFRS 120 'Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan'.

(18) LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf aset dan liabiliti luar jangka selain yang timbul daripada gabungan perniagaan, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti, yang di luar kawalan Kumpulan atau Bank, atau obligasi masa kini yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang jarang berlaku apabila terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang kewujudannya akan disahkan dengan berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila adanya kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, namun bukannya pasti.

Kumpulan mengiktiraf secara berasingan liabiliti luar jangka entiti yang diambil alih sebagai sebahagian daripada peruntukan kos gabungan perniagaan yang nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti. Sekiranya nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, kesan yang terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah yang timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti luar jangka yang diperoleh dinyatakan dalam penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur liabiliti luar jangka yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada amaun yang lebih tinggi yang akan diiktiraf menurut peruntukan MFRS 137 'Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka', dan amaun yang diiktiraf pada mulanya ditolak apabila sesuai, pelunasan terkumpul yang diiktiraf menurut MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan'.

(19) MODAL SAHAM

(a) Pengelasan

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Saham lain, jika diterbitkan, dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut kepentingan ekonomi instrumen berkenaan.

(b) Kos penerbitan saham

Kos tambahan yang dikaitkan secara langsung dengan penerbitan saham atau opsyen baharu ditunjukkan dalam ekuiti sebagai potongan, ditolak cukai, daripada hasil.

(c) Pengagihan dividen

Pengagihan kepada pemegang instrumen ekuiti didebitkan secara langsung kepada ekuiti, dan liabiliti sepadan diiktiraf dalam tempoh apabila hak pemegang saham untuk menerima dividen ditetapkan atau dividen diluluskan.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(20) TUNAI DAN SETARA TUNAI

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukan untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, deposit panggilan yang dipegang dengan institusi kewangan, pelaburan jangka pendek lain yang berkecairan tinggi dengan kematangan asal selama satu bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko tidak ketara dalam perubahan nilai.

(21) PENGIKTIRAFAN HASIL

- (a) Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Kadar faedah efektif ialah kadar yang mendiskaunkan penerimaan tunai masa depan yang dianggarkan atau pembayaran sepanjang hayat dijangka instrumen kewangan, atau sekiranya wajar, tempoh yang lebih pendek kepada amaun bawaannya. Pengiraan ini termasuk yuran penting dan kos urus niaga yang perlu bagi kadar faedah efektif, dan juga premium atau diskaun. Pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif kepada jumlah bawaan kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang kemudiannya menjadi kredit terosot nilai. Bagi aset kewangan kredit rosot nilai, kadar faedah efektif digunakan untuk jumlah bawaan bersih aset kewangan (selepas potongan peruntukan kerugian).
- (b) Yuran dan komisen diiktiraf sebagai pendapatan apabila semua syarat terdahulu dipenuhi. Yuran komitmen dan yuran jaminan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang mungkin digunakan akan ditangguhkan (bersama dengan kos langsung yang berkaitan) dan pendapatan yang membentuk sebahagian daripada kadar faedah efektif instrumen kewangan diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah efektif instrumen kewangan.
- (c) Pendapatan daripada perniagaan Perbankan Islam diiktiraf dengan menggunakan kaedah keuntungan efektif mengikut prinsip Syariah.
- (d) Komisen pembrokeran diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan. Pendapatan faedah daripada pembiayaan margin, untuk tujuan lampau tempoh yang belum dijelaskan oleh pelanggan dan kerugian kontra diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah efektif.
- (e) Pendapatan premium daripada perniagaan insurans am (bersih daripada semua insurans semula) diiktiraf pada tarikh andaian risiko. Premium berkaitan dengan bermulanya risiko di mana polisinya belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, akan diakru pada tarikh tersebut.

Premium, tuntutan dan urus niaga lain dalam perniagaan triti alir masuk diambil kira dalam penyata pendapatan apabila penyata akaun diterima. Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula.

- (f) Yuran nasihat korporat diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan penunaian obligasi prestasi.
- (g) Yuran pengurusan syarikat unit amanah dan pengurusan aset diiktiraf berdasarkan kaedah pembahagian masa sepanjang tempoh perkhidmatan.
- (h) Dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima pembayaran ditetapkan. Ini berlaku walaupun mereka dibayar daripada keuntungan pra-pengambilalihan. Walau bagaimanapun, pelaburan tersebut mungkin perlu diuji bagi sebarang rosot nilai yang mungkin berlaku. Pendapatan dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari, aset kewangan pada FVTPL dan pada FVOCI diiktiraf sebagai pendapatan operasi lain dalam penyata pendapatan.

Dividen yang secara jelas mewakili pemulihan sebahagian daripada kos pelaburan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sekiranya ia berkaitan dengan pelaburan dalam pelaburan ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

- (i) Pendapatan daripada perjanjian bancassurance/bancatakaful diiktiraf berdasarkan kaedah pembahagian masa sepanjang tempoh perjanjian perkhidmatan eksklusif.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(22) ROSOT NILAI ASET KEWANGAN

Di bawah MFRS 9, model rosot nilai memerlukan pengiktirafan kerugian kredit dijangka ('ECL') bagi semua aset kewangan kecuali aset kewangan yang dikelaskan atau ditetapkan sebagai FVTPL dan sekuriti ekuiti dikelaskan di bawah FVOCI, yang tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai. Item-item yang tidak dimasukkan dalam kunci kira-kira yang tertakluk kepada ECL termasuk jaminan kewangan dan komitmen pinjaman yang tidak diambil.

Dua pendekatan yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Bank:

(1) Pendekatan umum

ECL akan dinilai menggunakan pendekatan yang mengelaskan aset kewangan kepada tiga peringkat yang menggambarkan perubahan dalam kualiti kredit bagi aset kewangan sejak pengiktirafan awal:

(i) Peringkat 1: ECL 12 bulan – tidak rosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit bilamana tiada peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal atau mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan dan tidak rosot nilai kredit pada pengalasan, ECL berkaitan dengan kebarangkalian peristiwa mungkir berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang akan diiktiraf.

(ii) Peringkat 2: ECL sepanjang hayat – tidak rosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit bilamana peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal tetapi tidak rosot nilai kredit, ECL berkaitan dengan kebarangkalian peristiwa mungkir berlaku dalam hayat ECL akan diiktiraf.

Melainkan dikenal pasti pada peringkat awal, semua aset kewangan dianggap telah mengalami peningkatan ketara dalam risiko kredit apabila 30 hari lampau tempoh.

(iii) Peringkat 3: ECL sepanjang hayat – rosot nilai kredit

Aset kewangan dinilai sebagai rosot nilai kredit apabila satu atau lebih bukti objektif kemungkiran yang memberi kesan buruk pada anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset tersebut telah berlaku. Bagi aset kewangan yang telah menjadi rosot nilai kredit, ECL sepanjang hayat akan diiktiraf.

Secara umumnya, semua aset kewangan yang 90 hari lampau tempoh atau lebih akan dikelaskan di bawah Peringkat 3. Kumpulan dan Bank menganggap perkara berikut sebagai peristiwa mungkir:

(1) Kriteria kuantitatif

- peminjam lampau tempoh lebih daripada 90 hari ke atas mana-mana obligasi kredit material kepada Kumpulan dan Bank.

(2) Kriteria kualitatif

- tindakan undang-undang telah dimulakan oleh Kumpulan dan Bank bagi tujuan pemulihan;
- peminjam bankrap;
- peminjam telah dirujuk kepada agensi pungutan luar.

Peningkatan ketara dalam risiko kredit ('SICR')

- (1) Kumpulan dan Bank mengambil kira kebarangkalian mungkir semasa pengiktirafan awal aset dan sama ada terdapat peningkatan yang ketara risiko kredit secara berterusan sepanjang tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan yang ketara risiko kredit, Kumpulan dan Bank membandingkan risiko mungkir yang berlaku ke atas aset pada tarikh pelaporan dengan risiko mungkir pada tarikh pengiktirafan awal.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(22) ROSOT NILAI ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Peningkatan ketara dalam risiko kredit ('SICR') (sambungan)

(2) Antara penunjuk yang digunakan dalam menentukan SICR ialah:

- penarafan kredit dalaman;
- penarafan kredit luar (setakat tersedia);
- perubahan negatif yang ketara sebenar atau dijangka dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi dijangka akan menyebabkan perubahan ketara kepada keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi;
- perubahan ketara sebenar atau dijangka dalam hasil operasi peminjam;
- peningkatan ketara risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain bagi peminjam yang sama;
- perubahan ketara dalam nilai kolateral yang menyokong obligasi atau kualiti jaminan pihak ketiga atau peningkatan kredit; dan
- perubahan ketara dalam prestasi dijangka dan perilaku peminjam, termasuk perubahan dalam status pembayaran peminjam dalam kumpulan dan perubahan dalam hasil operasi peminjam.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah atau kadar pertumbuhan pasaran) digabungkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Penilaian risiko kredit, serta anggaran ECL, hendaklah tidak berat sebelah, berwajaran kebarangkalian dan harus menggabungkan semua maklumat yang ada berkaitan dengan penilaian tersebut, termasuk maklumat tentang peristiwa lalu, keadaan semasa dan ramalan yang munasabah dan disokong mengenai peristiwa masa hadapan dan keadaan ekonomi pada tarikh pelaporan. Pengukuran ECL adalah berdasarkan produk diskaun bagi model Kebarangkalian Mungkir ('PD'), model Kerugian Akibat Mungkir ('LGD') dan model Pendedahan Akibat Mungkir ('EAD'). Model-model ECL yang tertentu memanfaatkan model Berdasarkan Penarafan Dalaman ('IRB') Basel II Kumpulan dan Bank, yang boleh dilaksanakan atau tersedia ada, dengan pelarasan yang perlu untuk memenuhi keperluan MFRS 9. Perubahan dalam ECL antara dua tempoh akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sesuatu pendedahan akan berpindah melalui peringkat-peringkat ECL apabila kualiti aset merosot. Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, kualiti aset bertambah baik dan juga membalikkan sebarang penilaian sebelumnya tentang peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengasalan, maka peruntukan bagi hutang ragu berbalik daripada ECL hayat kepada ECL 12 bulan. Pendedahan yang tidak menurun secara ketara sejak pengasalan atau bilamana penurunannya kekal dalam lingkungan kriteria gred pelaburan Kumpulan dan Bank, atau yang kurang daripada 30 hari lampau tempoh, ia dianggap sebagai risiko kredit rendah. Peruntukan bagi hutang ragu bagi aset kewangan ini adalah berdasarkan ECL 12 bulan. Apabila aset tidak boleh dikutip, ia dihapus kira ke atas peruntukan berkaitan. Aset terbabit dihapus kira selepas semua prosedur yang diperlukan telah selesai dan amaun kerugian telah ditentukan. Pemulihan amaun seterusnya yang sebelum ini dihapus kira akan mengurangkan amaun perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

Kumpulan dan Bank memanfaatkan faktor berkaitan model/segmen/kredit yang dilaksanakan di bawah rangka kerja Basel II IRB bilamana boleh dilaksanakan atau tersedia, dengan penentuan untuk memenuhi keperluan MFRS 9. Bagi portfolio tanpa model Basel, maklumat sejarah lain yang berkaitan, kerugian atau proksi akan digunakan sekiranya dianggap boleh dilaksanakan.

Dalam menentukan ECL, pengurusan akan menilai pelbagai hasil yang mungkin, mengambil kira peristiwa lepas, keadaan/aliran semasa dan gambaran ekonomi. Pertimbangan tambahan menerusi tindihan pengurusan berstruktur telah diambil kira dan digambarkan untuk memastikan kecukupan ECL. Tindihan pengurusan berstruktur tertakluk kepada ulasan yang teguh dan proses tadbir urus.

Biasanya, semua aset kewangan dianggap telah mengalami peningkatan ketara dalam risiko kredit sekiranya pendedahan adalah melebihi 30 hari lampau tempoh untuk pembayaran kontraknya.

(2) Pendekatan Mudah

Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur ECL yang menggunakan peruntukan kerugian jangkaan sepanjang hayat bagi baki pelanggan dan broker, yuran dan premium boleh terima. Peruntukan kerugian dijangka adalah berdasarkan matriks sementara.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(23) ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset bukan kewangan yang mempunyai jangka hayat boleh guna yang berterusan, sebagai contoh, muhibah, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Kumpulan dan Bank juga menaksir muhibah, aset tidak ketara dengan hayat berguna tak pasti dan aset lain yang tertakluk kepada pelunasan bagi rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi amaun di mana amaun bawaan daripada aset bukan kewangannya melebihi amaun yang boleh diperolehi semula.

Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah yang tertinggi antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos untuk penjualan dan nilai penggunaan. Bagi tujuan menaksir rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada paras terendah yang boleh mengenal pasti secara berasingan aliran tunai atau CGU. Aset bukan kewangan selain muhibah yang mengalami rosot nilai akan disemak semula bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tempoh pelaporan.

Kerugian rosot nilai dicajkan kepada penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak dibalikkan. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, mana-mana peningkatan seterusnya dalam amaun boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(24) INSURANS AM

Kontrak insurans merupakan kontrak yang memindahkan risiko insurans yang ketara. Kontrak insurans merupakan kontrak apabila syarikat subsidiari insurans (syarikat insurans) telah menerima risiko insurans yang ketara daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi sekiranya peristiwa tertentu yang tidak pasti berlaku pada masa hadapan (peristiwa yang diinsurans) menjejaskan pemegang polisi dengan ketara. Sebagai garis panduan am, Kumpulan menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang ketara, dengan membandingkan manfaat telah bayar dengan manfaat belum bayar sekiranya peristiwa yang diinsurans tidak berlaku.

Keputusan penajajaminan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, komisen, premium belum peroleh dan tuntutan tertanggung.

(a) Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf pada tarikh penanggung risiko. Premium berkaitan permulaan risiko yang polisinya belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, adalah terakru pada tarikh tersebut.

Premium, tuntutan dan urus niaga lain bagi perniagaan triti alir masuk diambil kira dalam penyata pendapatan bila-bila masa penyata akaun diterima.

Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula.

(b) Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang mana lebih tinggi antara:

- (i) agregat rizab premium tidak diperolehi; atau
- (ii) nilai anggaran terbaik bagi rizab risiko syarikat insurans yang belum tamat tempohnya pada tarikh penilaian dan Peruntukan Margin Risiko bagi Sisihan Negatif ('PRAD') dikira pada keseluruhan syarikat subsidiari insurans. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif bagi jangkaan pembayaran masa depan yang timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsurans di bawah polisi berkuat kuasa pada tarikh penilaian dan turut merangkumi peruntukan untuk perbelanjaan syarikat insurans termasuk overhead dan kos insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum tamat dalam mentadbir polisi ini dan menyelesaikan tuntutan berkaitan, dan hendaklah membenarkan pulangan balik premium masa depan yang dijangkakan.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(24) INSURANS AM (SAMBUNGAN)

(b) Liabiliti premium (sambungan)

Rizab premium belum diperoleh ('UPR') mewakili bahagian pendapatan premium yang belum diperoleh pada tarikh penyata kedudukan kewangan. UPR dikira dengan merujuk kepada bulan perakaunan untuk premium mengikut asas berikut:

- (i) kaedah 25% bagi kargo laut dan udara dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah 1/24 bagi semua kelas perniagaan insurans am lain kecuali untuk polisi bukan tahunan berkenaan dengan polisi-polisi Malaysia, dikurangkan berdasarkan peratusan kasar komisen perniagaan langsung kepada premium sepadan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (iii) kaedah pembahagian masa untuk polisi bukan tahunan (termasuk perjanjian triti alir masuk jangka panjang), dikurangkan berdasarkan peratusan kasar komisen perniagaan langsung kepada premium sepadan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

(c) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan tertunggak diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk. Amaun liabiliti tuntutan merupakan anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan bersama dengan perbelanjaan berkaitan ditolak perolehan semula bagi menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh kedudukan kewangan. Ini termasuk peruntukan bagi tuntutan dilaporkan, tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan, tuntutan tertanggung tetapi rizab tidak mencukupi dan perbelanjaan berkaitan tuntutan langsung dan tidak langsung seperti bayaran penyiasatan, bayaran pelarasan kerugian, bayaran perundangan, caj dakwaan dan buruh serta kos dalaman yang dijangka akan ditanggung oleh syarikat insurans apabila menyelesaikan tuntutan-tuntutan ini.

(d) Kos pemerolehan

Kos memperoleh dan memperbaharui polisi insurans setelah ditolak pendapatan yang diperoleh daripada penyerahan premium insurans semula diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya ke tempoh yang berkemungkinan ia menimbulkan pendapatan.

(e) Insurans semula

Syarikat subsidiari insurans menyerahkan risiko insurans dalam urusan biasa perniagaan untuk semua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki belum terima daripada syarikat insurans semula. Amaun boleh diperoleh daripada syarikat insurans semula dianggarkan dengan cara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan diselesaikan yang berkaitan dengan polisi syarikat insurans semula dan selaras dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Pengaturan insurans semula yang diserahkan tidak melepaskan syarikat subsidiari insurans daripada obligasinya terhadap pemegang polisi. Premium dan tuntutan dikemukakan atas asas kasar bagi kedua-dua insurans semula yang diserahkan dan ditanggung.

Aset insurans semula dikaji untuk rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan atau lebih kerap lagi apabila terdapat penunjuk timbulnya rosot nilai semasa tempoh pelaporan. Rosot nilai berlaku apabila terdapat bukti objektif akibat daripada sesuatu peristiwa berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawa syarikat subsidiari insurans mungkin tidak akan menerima kesemua amaun yang tertunggak menurut syarat kontrak, dan peristiwa tersebut mempunyai kesan yang boleh diukur secara tepat ke atas amaun yang akan diterima oleh syarikat subsidiari insurans daripada syarikat insurans semula. Kerugian rosot nilai dicatatkan dalam penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pembelian insurans semula diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta-merta pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Syarikat subsidiari insurans juga menanggung risiko insurans semula dalam urusan lazim perniagaan bagi kontrak insurans am apabila ia diguna pakai.

Premium dan tuntutan terhadap insurans semula yang tertanggung diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan menurut kaedah yang sama sebagaimana jika insurans semula dianggap sebagai perniagaan langsung, dengan mengambil kira pengelasan produk bagi perniagaan insurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki terhutang kepada syarikat insurans semula. Amaun belum bayar dianggarkan mengikut cara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(24) INSURANS AM (SAMBUNGAN)

(e) Insurans semula (sambungan)

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktirafkan apabila hak kontraktual dihapuskan atau tamat tempoh atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans ketara diambil kira secara langsung melalui penyata kedudukan kewangan. Ia merupakan aset deposit atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berdasarkan pertimbangan yang dibayar atau diterima, ditolak sebarang premium boleh dikenal pasti secara eksplisit atau bayaran yang ditahan oleh pihak insurans semula. Pendapatan pelaburan daripada kontrak ini diambil kira dengan menggunakan kaedah hasil berkesan apabila terakru.

(f) Liabiliti kontrak insurans

Liabiliti kontrak insurans am diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan premium dicaj.

Liabiliti ini terdiri daripada liabiliti tuntutan dan liabiliti premium.

Peruntukan tuntutan tertunggak adalah berdasarkan anggaran muktamad kos kesemua tuntutan tertanggung tetapi tidak diselesaikan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, sama ada dilaporkan atau sebaliknya, bersama dengan tuntutan berkaitan kos pengendalian dan pengurangan bagi nilai penyelamatan dan pemulihan yang dijangka. Kelewatan boleh dialami dalam pemberitahuan dan penyelesaian jenis tertentu tuntutan, oleh itu, kos muktamad bagi tuntutan-tuntutan ini tidak boleh diketahui dengan pastinya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Liabiliti dikira pada tarikh pelaporan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan aktuari piawai berdasarkan data empirikal dan andaian semasa yang mungkin merangkumi margin yang negatif. Liabiliti adalah tidak terdiskaun bagi nilai masa wang. Tiada peruntukan penyamaan atau rizab malapetaka diiktiraf. Liabiliti adalah dinyahiktirafkan apabila kontrak tamat tempoh, dibebaskan atau dibatalkan. Peruntukan premium belum diperoleh mewakili premium diterima bagi risiko yang belum tamat tempoh. Secara umumnya, rizab dilepaskan sepanjang tempoh kontrak dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

Pada setiap tarikh pelaporan, syarikat subsidiari insurans mengkaji semula risikonya yang belum tamat tempoh dan satu ujian kecukupan liabiliti dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang lebihan secara keseluruhannya bagi tuntutan dijangka dan kos pemerolehan tertunda daripada premium belum diperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa bagi aliran tunai kontraktual (mengambil kira nisbah kerugian semasa) setelah mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka timbul daripada aset berkaitan dengan peruntukan teknikal insurans am. Jika anggaran ini menunjukkan bahawa amaun bawaan bagi premium tidak diperoleh ditolak kos pemerolehan tertunda yang berkaitan tidak mencukupi, kekurangan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan mewujudkan peruntukan bagi kecukupan liabiliti.

(25) MANFAAT PEKERJA

(a) Manfaat pekerja jangka pendek

Kumpulan dan Bank mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan untuk bonus. Kumpulan dan Bank mengiktiraf peruntukan bilamana terdapat obligasi secara kontrak atau bilamana terdapatnya amalan terdahulu yang telah mewujudkan obligasi konstruktif.

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan monetari terakru dalam tempoh bilamana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh warga kerja Kumpulan dan Bank.

(b) Pelan caruman ditetapkan

Pelan caruman yang ditetapkan ialah pelan persaraan yang dengannya Kumpulan dan Bank membayar caruman tetap kepada skim persaraan negara, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman Kumpulan dan Bank kepada pelan caruman yang ditetapkan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh berkaitan. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Kumpulan dan Bank tidak lagi mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif selanjutnya.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(25) MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)

(c) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian perlu dibayar bilamana pekerjaan pekerja ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau bilamana pekerja menerima pampasan pemberhentian sukarela sebagai pertukaran mendapatkan manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian lebih awal pada tarikh-tarikh berikut:

- (i) apabila Kumpulan tidak boleh lagi menarik balik tawaran manfaat terbabit; dan
- (ii) apabila entiti mengiktiraf kos bagi penstrukturan semula dalam skop MFRS 137 dan membabitkan pembayaran manfaat pemberhentian.

(d) Pampasan berasaskan saham

Pada tahun kewangan semasa, Bank melancarkan SGS yang ditawarkan kepada warga kerja dan Pengarah Eksekutif Bank dan syarikat subsidiarinya (tidak termasuk syarikat subsidiari yang dorman) yang memenuhi kriteria kelayakan ('Pekerja Layak').

SGS akan berkuat kuasa untuk tempoh sembilan tahun bermula daripada tarikh kuat kuasa pelaksanaan SGS, dengan tempoh letak hak ialah tiga tahun selepas tarikh ditawarkan. Butiran ciri-ciri utama SGS dinyatakan dalam Nota 59(2).

Nilai saksama saham yang ditawarkan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan selama tempoh letak hak bagi pemberian dengan peningkatan yang sepadan kepada rizab bayaran berasaskan saham dalam ekuiti.

Jumlah amaun yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh letak hak ditentukan oleh rujukan kepada nilai saksama saham yang ditawarkan, tidak termasuk kesan sebarang syarat letak hak bukan pasaran. Syarat letak hak bukan pasaran dimasukkan dalam andaian berkenaan jumlah saham yang ditawarkan dijangka akan diletak hak. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Bank menyemak semula anggaran jumlah saham yang ditawarkan dan saham yang jangka akan diletak hak. Kesan semak semula anggaran asal, jika ada, akan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dengan pelarasan sepadan kepada rizab bayaran berasaskan saham dalam ekuiti.

(26) CUKAI PENDAPATAN SEMASA DAN TERTUNDA

Perbelanjaan cukai bagi tempoh merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan, melainkan sehingga ke takat ia berkaitan dengan item yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif atau terus dalam ekuiti. Dalam keadaan ini, cukai diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau langsung dalam ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai setiap satu bidang kuasa tempat Kumpulan dan Bank beroperasi dan merangkumi semua cukai berdasarkan keuntungan boleh cukai, termasuk cukai penangguhan belum bayar oleh syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama asing dan timbul daripada pengagihan untung tertahan kepada syarikat dalam Kumpulan.

Pengurusan secara berkala menaksir kedudukan yang diambil dalam penyata cukai berhubung dengan situasi apabila peraturan cukai yang diaplikasikan tertakluk kepada tafsiran. Ia menetapkan peruntukan bilamana sesuai berasaskan amaun dijangka untuk dibayar kepada penguatkuasa cukai. Liabiliti ini diukur menggunakan hanya satu anggaran terbaik bagi hasil yang paling mungkin.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun bawaannya dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan niaga selain gabungan perniagaan yang pada masa urusan niaga tidak menjejaskan sama ada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna, dapat digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf mengikut perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama melainkan masa pembalikan perbezaan sementara dapat dikawal oleh Kumpulan, dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa depan terdekat.

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(26) CUKAI PENDAPATAN SEMASA DAN TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan pengukuran semula nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dan instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, yang dicaj atau dikreditkan terus kepada ekuiti, juga dikreditkan atau dicaj terus kepada ekuiti dan kemudiannya diiktiraf dalam penyata pendapatan bersama dengan keuntungan atau kerugian tertunda.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besar telah pun digubal menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka diterima pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan pendapatan diimbangi apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama terhadap entiti boleh cukai atau entiti boleh cukai berlainan apabila terdapat niat untuk menyelesaikan baki atas dasar bersih.

(27) PERTUKARAN MATA WANG DAN TERJEMAHAN

(a) Mata wang fungsian dan pembentangan

Item yang termasuk dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama tempat entiti tersebut beroperasi ('mata wang fungsian'). Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan mata wang pembentangan Bank.

(b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran mata wang semasa tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing terhasil daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan kadar pertukaran pada akhir tahun bagi aset serta liabiliti monetari denominasi mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila tertunda dalam pendapatan komprehensif lain sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak dan lindung nilai pelaburan bersih yang layak. Keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing dikemukakan dalam penyata pendapatan di bawah lain-lain pendapatan operasi.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti monetari yang denominasi dalam mata wang asing yang dikelaskan sebagai instrumen hutang di bawah nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dianalisis antara perbezaan terjemahan yang disebabkan oleh perubahan dalam kos yang dilunaskan bagi sekuriti dengan perubahan lain dalam jumlah dibawa sekuriti. Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan dalam kos pelunasan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan perubahan lain dalam amaun dibawa diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Item-item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan terjemahan ke atas aset dan liabiliti yang dibawa pada nilai saksama dilaporkan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian nilai saksama. Perbezaan terjemahan ke atas aset dan liabiliti kewangan bukan monetari seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian nilai saksama. Perbezaan terjemahan mengenai aset kewangan bukan monetari, seperti ekuiti yang dikelaskan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif lain.

(c) Syarikat kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan bagi kesemua entiti kumpulan (tiada antaranya yang mempunyai mata wang ekonomi hiperinflasi) yang mempunyai mata wang fungsian berlainan daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- (i) Aset dan liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dikemukakan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan tersebut;
- (ii) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif diterjemahkan pada kadar pertukaran purata (kecuali purata ini bukanlah anggaran yang munasabah bagi kesan terkumpul kadar semasa tarikh urus niaga, bilamana dalam keadaan ini pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan mengikut kadar pada tarikh urus niaga); dan
- (iii) Semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf sebagai komponen berasingan bagi pendapatan komprehensif lain.

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(27) PERTUKARAN MATA WANG DAN TERJEMAHAN (SAMBUNGAN)

(c) Syarikat kumpulan (sambungan)

Apabila disatukan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan sebarang pelaburan bersih dalam operasi asing, dan pinjaman serta instrumen mata wang lain yang ditentukan sebagai pelindung nilai pelaburan tersebut, diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila sebahagian operasi asing dilupuskan atau dijual, bahagian yang berkadar dengan perbezaan pertukaran tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan dan kerugian daripada jualan.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing dan diterjemahkan pada kadar penutupan.

(28) PELAPORAN SEGMENT

Segmen operasi dilaporkan mengikut cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang disediakan untuk ketua pembuat keputusan operasi, yang bertanggungjawab untuk memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi sesebuah entiti. Kumpulan telah menetapkan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulannya sebagai ketua pembuat keputusan operasi.

Semua urusan niaga antara segmen dijalankan berdasarkan asas peruntukan saling dipersetujui, dengan hasil dan kos intrasegmen disingkirkan. Pendapatan dan perbelanjaan berkaitan dengan setiap segmen dimasukkan dalam menentukan prestasi segmen perniagaan.

(29) AKTIVITI AMANAH

Kumpulan bertindak sebagai pemegang amanah dan dalam kapasiti fidusiari lain yang menghasilkan pemegangan atau penempatan aset bagi pihak individu, institusi amanah dan institusi lain. Aset dan pendapatan yang timbul daripadanya tidak diiktiraf sebagai aset Kumpulan.

(B) ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Kumpulan dan Bank membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada pelaporan amaun aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan, dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor lain termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan kini. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dalam tahun kewangan akan datang digariskan di bawah:

(1) Pengukuran nilai saksama

Sebahagian besar instrumen kewangan dibentangkan dalam kunci kira-kira pada nilai saksama.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk jualan aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga teratur antara peserta-peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

Apabila pengelasan aset kewangan atau liabiliti mengakibatkan ia diukur pada nilai saksama, sekiranya wajar, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada tawaran sebut harga atau harga tawaran yang disebut dalam pasaran aktif yang paling menguntungkan yang Kumpulan dan Bank mempunyai akses segera. Pelarasan untuk risiko kredit juga dimasukkan ke dalam nilai saksama sekiranya bersesuaian.

Nilai saksama untuk kedudukan terbuka bersih yang merupakan liabiliti kewangan disebut harga dalam pasaran aktif adalah harga tawaran semasa, dan bagi aset kewangan ialah harga bida, didarab dengan bilangan unit instrumen yang dipegang atau diterbitkan.

Apabila tiada pasaran aktif bagi aset atau liabiliti tertentu, Kumpulan dan Bank menggunakan teknik penilaian untuk mencapai nilai saksama, termasuk penggunaan harga transaksi yang diperoleh dalam urusan niaga tulus, analisis aliran tunai terdiskaun, model penentuan harga opsyen dan teknik penilaian lain, berdasarkan keadaan pasaran dan risiko yang wujud pada tarikh pelaporan. Dengan berbuat demikian, nilai saksama dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian yang menggunakan maksimum input pasaran sedia ada dan kurang bergantung kepada input khusus entiti.

(B) ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

Kumpulan dan Bank membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada pelaporan amaun aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan, dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor lain termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan kini. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dalam tahun kewangan akan datang digariskan di bawah (sambungan):

(1) Pengukuran nilai saksama (sambungan)

Bukti terbaik bagi nilai saksama instrumen kewangan pada pengiktirafan awal ialah harga transaksi (iaitu nilai saksama pertimbangan yang diberikan atau diterima) melainkan jika nilai saksama instrumen tersebut dibuktikan dengan perbandingan dengan urus niaga pasaran semasa yang tersedia dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau pakej semula) atau berdasarkan teknik penilaian bilamana datanya diambil daripada pasaran sedia ada. Apabila bukti sebegini wujud, Kumpulan dan Bank mengiktiraf perbezaan antara harga transaksi dengan nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian atas pengiktirafan awal (iaitu pada hari pertama).

Teknik penilaian dinyatakan selanjutnya dalam Nota 56(g)(i) kepada penyata kewangan.

(2) Peruntukan kerugian kredit dijangka ('ECL')

Pengukuran ECL bagi aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan dan FVOCI merupakan satu bidang yang memerlukan penggunaan model yang kompleks dan andaian penting mengenai keadaan ekonomi masa hadapan dan perilaku kredit.

MFRS 9 memperkenalkan penggunaan faktor makroekonomi yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan swasta, pengangguran, inflasi dan KLIBOR-3M dan memerlukan penilaian kedua-dua arah semasa dan ramalan kitaran ekonomi. Penggunaan maklumat yang berpandangan ke hadapan meningkatkan tahap pertimbangan mengenai bagaimana perubahan dalam faktor makroekonomi ini akan mempengaruhi ECL. Kaedah dan andaian termasuk unjuran keadaan ekonomi masa hadapan dikaji semula secara berkala.

Beberapa pertimbangan penting juga diperlukan dalam mengguna pakai keperluan perakaunan bagi mengukur ECL, antaranya:

- (i) Menentukan kriteria bagi peningkatan risiko kredit yang ketara;
- (ii) Memilih model dan andaian yang sesuai untuk pengukuran ECL;
- (iii) Menetapkan bilangan dan wajaran relatif senario memandang ke hadapan bagi setiap jenis produk/pasaran dan ECL yang berkaitan;
- (iv) Mewujudkan kumpulan aset kewangan yang serupa bagi tujuan mengukur ECL; dan
- (v) Mengenal pasti dan mengira pelarasan pada output model (model pelarasan tindihan).

Kesan pandemik COVID-19 kekal tidak menentu dan mewakili risiko penurunan yang material kepada ekonomi. Sementara pelbagai kaedah dan andaian digunakan dalam pengiraan asas ECL tidak berubah, Kumpulan dan Bank menggabungkan anggaran, andaian dan pertimbangan khusus kepada kesan pandemik COVID-19 dan pakej sokongan berkaitan dalam pengukuran ECL, yang berikut:

- Maklumat dan andaian makroekonomi berkaitan dengan pandemik COVID-19 yang memandang ke hadapan dipertimbangkan termasuk potensi kesan pandemik COVID-19, mengambil maklum ketidakpastian masih wujud berhubung dengan tempoh sekatan berkaitan pandemik COVID-19, kesan dijangka daripada pakej rangsangan Kerajaan dan tindakan pengawalseliaan.

Kesan sensitiviti terhadap faktor makroekonomi dinyatakan selanjutnya dalam Nota 56(e)(vii) kepada penyata kewangan;

- Apabila menentukan sama ada risiko keingkaran meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, kedua-dua maklumat kualitatif dan kuantitatif diambil kira termasuk penilaian kredit oleh pakar, maklumat dan analisis pandang ke hadapan berdasarkan kepada pengalaman kerugian Kumpulan dan Bank;
- Konsisten dengan panduan industri, penangguhan bayaran sokongan pelanggan sebagai sebahagian daripada pakej moratorium pandemik COVID-19, dengan sendirinya, tidak akan menghasilkan peningkatan ketara risiko kredit, dan justeru tidak akan mencetus migrasi automatik daripada tahap 1 (ECL 12-bulan) kepada tahap 2 (ECL sepanjang hayat) dalam peruntukan rosot nilai kredit bagi pinjaman/pembiayaan; dan

Ringkasan Dasar Perakaunan Penting dan Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

(B) ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

Kumpulan dan Bank membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada pelaporan amaun aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan, dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor lain termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan kini. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dalam tahun kewangan akan datang digariskan di bawah (sambungan):

(2) Peruntukan kerugian kredit dijangka ('ECL') (sambungan)

- Memandangkan model semasa MFRS 9 tidak dijangka akan menjana tahap ECL untuk memenuhi keperluan pandemik COVID-19 yang tidak pernah berlaku dahulu disebabkan kekurangan pengalaman kerugian sejarah sebenar, pelarasan model pasca dan tindihan digunakan untuk menentukan tahap ECL keseluruhan yang mencukupi untuk tahun ini. Pelarasan pembalikan tindihan dan model pasca pada tahun ini masing-masing berjumlah RM354 juta dan RM280 juta (2021: amaun diperuntukkan RM451 juta dan RM273 juta) bagi Kumpulan dan Bank, manakala jumlah baki pada 31 Disember 2022 masing-masing berjumlah RM531 juta (2021: RM885 juta) dan RM275 juta (2021: RM555 juta) untuk Kumpulan dan Bank.

Pelarasan model pasca dan tindihan diambil untuk mencerminkan tinjauan makroekonomi terkini tidak digambarkan dalam hasil model dan potensi kesan kepada tertunggak dan mungkir apabila pelbagai bantuan dan langkah sokongan tamat tempoh pada masa akan datang.

Pelarasan model pasca dan tindihan melibatkan tahap pertimbangan yang ketara dan menggambarkan pandangan pengurusan tentang kemungkinan pandemik bertambah teruk serta laluan pemulihan dalam penilaian memandang ke hadapan bagi tujuan anggaran ECL.

Peminjam dan pelanggan yang menerima bantuan bayaran balik kekal dalam peringkat sedia ada melainkan mereka dikenal pasti secara individu sebagai tidak berdaya maju atau dengan penunjuk seterusnya terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit daripada status pra COVID-19 mereka. Pelarasan model pasca dan tindihan dilaksanakan secara umumnya pada peringkat portfolio runcit dan bukan runcit dalam menentukan tahap ECL mencukupi untuk memenuhi potensi kemerosotan dalam risiko kredit disebabkan oleh COVID-19.

(3) Rosot nilai muhibah

Muhibah diuji sekurang-kurangnya setiap tahun bagi mengesan rosot nilai. Pengujian muhibah untuk rosot nilai melibatkan sejumlah besar anggaran. Ini termasuk mengenal pasti CGU bebas dan peruntukan muhibah kepada unit ini berdasarkan unit mana dijangka mendapat manfaat daripada pengambilalihan. Menganggarkan nilai dalam kegunaan memerlukan Kumpulan dan Bank membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangkakan daripada CGU. Pertimbangan diperlukan bagi menentukan aliran tunai pra-cukai dijangka dan kadar diskaun dilaraskan risiko yang bersesuaian untuk CGU. Pemboleh ubah adalah tertakluk kepada turun naik kadar pasaran luar dan keadaan ekonomi yang di luar kawalan pihak pengurusan serta tertakluk kepada ketidakpastian dan memerlukan pertimbangan yang ketara. Pendedahan terperinci kepada penilaian rosot nilai muhibah dikemukakan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.

(4) Cukai pendapatan dan cukai tertunda

Kumpulan dan Bank tertakluk kepada cukai pendapatan dalam pelbagai bidang kuasa dan pertimbangan penting diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat pelbagai urus niaga dan tafsiran undang-undang cukai yang mengakibatkan hasil muktamad tidak dapat ditetapkan sehingga tarikh terkemudian. Liabiliti percukaian diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai pengolahan cukai mengikut kesesuaian. Apabila liabiliti akhir percukaian berbeza daripada amaun yang mula direkodkan, perbezaan ini akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh ketika anggaran disemak atau liabiliti akhir ditetapkan.

Aset cukai tertunda diiktiraf berhubung dengan kerugian cukai setakat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia bersandarkan kerugian yang boleh digunakan. Pertimbangan diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa yang mungkin dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan, bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

1 MAKLUMAT AM

RHB Bank Berhad ialah sebuah syarikat berhad awam, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia serta tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

Kegiatan utama Bank ialah perbankan komersial dan perniagaan berkaitan kewangan dan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan. Kumpulan terlibat dalam perbankan komersial dan perniagaan berkaitan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan, pembrokeran saham, pajakan, perbankan luar pesisir, perkhidmatan amanah luar pesisir, pelaburan hartanah, insurans am, pengurusan unit amanah, pengurusan aset, perkhidmatan penama dan kustodian.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Alamat pejabat berdaftar Bank ialah di Aras 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk terbitan menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2023.

2 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Tunai dan baki dengan bank dan institusi kewangan lain	4,109,566	5,095,336	3,000,287	3,458,499
Wang panggilan dan penempatan deposit yang akan matang dalam satu bulan	15,025,269	14,735,987	8,494,619	6,951,124
	19,134,835	19,831,323	11,494,906	10,409,623

Tunai dan dana jangka pendek Kumpulan merangkumi:

- (i) Akaun yang dipegang sebagai amanah bagi pengurusan dana yang diuruskan oleh subsidiari pengurusan aset berjumlah RM214,432,000 (2021: RM249,540,000); dan
- (ii) Akaun yang dipegang sebagai amanah bagi para remisier berjumlah RM94,266,000 (2021: RM97,828,000).

3 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Bank berlesen	652,365	860,217	2,075,283	1,449,038
Bank Islam berlesen	-	125,020	3,310,961	4,233,458
Bank pelaburan berlesen	-	-	1,353,782	1,904,146
BNM	-	2,301,513	-	300,046
Institusi kewangan lain	-	200,023	-	-
	652,365	3,486,773	6,740,026	7,886,688

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

4 AKAUN PELABURAN TERHUTANG DARIPADA INSTITUSI KEWANGAN DITETAPKAN

Akaun pelaburan ini yang merupakan pendedahan kepada Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad ('RPSIA'), merupakan satu pengaturasan oleh Bank dengan syarikat subsidiari milik penuhnya, RHB Islamic Bank Berhad ('RHB Islamic Bank'). RPSIA ialah kontrak yang berlandaskan Syariah dan berkonsepkan Mudharabah antara dua pihak iaitu Bank dan RHB Islamic Bank bagi membiayai suatu usaha niaga di mana pihak Bank menyediakan modal sementara usaha niaga tersebut diuruskan sepenuhnya oleh RHB Islamic Bank. Keuntungan yang diperoleh daripada usaha niaga ini akan dikongsi mengikut nisbah yang telah dipersetujui antara Bank dan RHB Islamic Bank sebagai Mudharib (pengurus atau pengurus dana), sementara kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh Bank.

Aset sandaran RHB Islamic Bank bagi RPSIA adalah seperti berikut:

	Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000
Prinsipal		
Pembiayaan peribadi	1,000,000	1,500,000
Pembiayaan berjangka lain	6,238,222	7,064,457
Dana jangka pendek	33,000	490,000
Sekuriti tidak disebut harga	1,008,105	1,009,105
	8,279,327	10,063,562

Pada 31 Disember 2022, penempatan RPSIA mempunyai kadar purata pulangan dalam lingkungan antara 3.63% hingga 5.40 (2021: 3.05% hingga 5.12%) setahun dan purata kadar perkongsian keuntungan dalam lingkungan antara 85% hingga 90% (2021: 82% hingga 89%).

5 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN ('FVTPL')

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Mandatori diukur pada nilai saksama				
INSTRUMEN PASARAN WANG:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	49,879	204,324	49,879	204,324
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	803,720	426,309	711,723	374,216
Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura	23,503	-	23,503	-
SEKURITI DISEBUT HARGA:				
Di Malaysia				
Saham, dana dagangan bursa dan waran	36,970	74,375	-	-
Unit amanah	36,921	37,850	-	-
Bon korporat/sukuk	2,270	2,351	2,270	2,351
Di luar Malaysia				
Saham, dana dagangan bursa dan waran	102,034	94,946	258	-
Unit amanah	24,849	24,386	-	-
SEKURITI TIDAK DISEBUT HARGA:				
Di Malaysia				
Bon korporat/sukuk	199,474	83,095	199,472	79,677
Unit amanah	1,026,646	1,024,098	-	-
Kertas komersial	-	64,766	-	64,766
Di luar Malaysia				
Bon korporat/sukuk	93,661	115,076	93,661	115,076
Dana ekuiti persendirian	689,484	626,663	-	-
	3,089,411	2,778,239	1,080,766	840,410

6 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN ('FVOCI')

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Pada nilai saksama				
(a) Instrumen hutang	38,233,244	40,380,841	32,293,277	34,234,752
(b) Instrumen ekuiti	740,445	760,032	699,024	720,749
	38,973,689	41,140,873	32,992,301	34,955,501
(a) Instrumen hutang				
<u>INSTRUMEN PASARAN WANG:</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,300,948	2,764,067	3,241,592	2,631,159
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	8,434,385	7,813,683	6,554,541	6,212,432
Bon Cagamas	770,075	-	770,075	-
Bon Khazanah	63,909	119,450	63,909	70,082
Instrumen deposit boleh niaga	999,506	1,699,602	998,876	1,401,075
Pelaburan kerajaan asing yang lain	90,272	97,221	90,272	97,221
Sukuk Perumahan Kerajaan	70,637	71,888	-	-
Sekuriti Kerajaan Singapura	997,372	985,101	997,372	985,101
Sekuriti Kerajaan Thailand	593,194	629,542	593,194	629,542
Bil Perbendaharaan Kerajaan Singapura	-	2,126,537	-	2,126,537
Bon Bank Pusat Thailand	-	25,151	-	25,151
Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura	494,852	689,032	494,852	689,032
<u>SEKURITI TIDAK DISEBUT HARGA:</u>				
Di Malaysia				
Bon korporat/sukuk	16,186,552	18,265,619	12,257,052	14,273,472
Nota/Sukuk kekal	-	51,111	-	51,111
Di luar Malaysia				
Bon korporat/sukuk	6,231,542	5,042,837	6,231,542	5,042,837
	38,233,244	40,380,841	32,293,277	34,234,752

Termasuk dalam aset kewangan pada FVOCI bagi Kumpulan dan Bank adalah bon korporat/sukuk, yang disandarkan sebagai cagarang untuk obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula masing-masing berjumlah RM2,841,000,000 (2021:RM1,552,000,000) dan RM2,841,000 (2021: RM1,921,000,000).

(i) Pergerakan rosot nilai kredit aset kewangan pada FVOCI

	Kumpulan dan Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000
Baki pada awal tahun kewangan	1,020	1,020
Penyahiktirafan	(1,020)	-
Baki pada akhir tahun kewangan	-	1,020

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

6 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN ('FVOCI') (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen hutang (sambungan)

(ii) Pergerakan peruntukan bagi kerugian kredit yang diiktiraf dalam rizab FVOCI

	ECL 12-bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	36,896	77	-	36,973
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	69	(69)	-	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(64)	64	-	-
Perubahan risiko kredit	8,588	3,312	-	11,900
Pembelian dan pengasalan	10,215	-	-	10,215
Penyahiktirafan dan pelupusan	(7,794)	(8)	-	(7,802)
Perbezaan pertukaran	705	-	-	705
Baki pada akhir tahun kewangan	48,615	3,376	-	51,991
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	37,729	134	-	37,863
Perubahan risiko kredit	(15,323)	(43)	-	(15,366)
Pembelian dan pengasalan	13,759	-	-	13,759
Perubahan kepada metodologi model	6,168	-	-	6,168
Penyahiktirafan dan pelupusan	(5,664)	(14)	-	(5,678)
Perbezaan pertukaran	227	-	-	227
Baki pada akhir tahun kewangan	36,896	77	-	36,973
Bank				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	34,554	77	-	34,631
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	69	(69)	-	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(64)	64	-	-
Perubahan risiko kredit	6,000	3,312	-	9,312
Pembelian dan pengasalan	8,417	-	-	8,417
Penyahiktirafan dan pelupusan	(7,164)	(8)	-	(7,172)
Perbezaan pertukaran	705	-	-	705
Baki pada akhir tahun kewangan	42,517	3,376	-	45,893
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	35,723	134	-	35,857
Perubahan risiko kredit	(15,297)	(43)	-	(15,340)
Pembelian dan pengasalan	12,791	-	-	12,791
Perubahan kepada metodologi model	6,168	-	-	6,168
Penyahiktirafan dan pelupusan	(5,058)	(14)	-	(5,072)
Perbezaan pertukaran	227	-	-	227
Baki pada akhir tahun kewangan	34,554	77	-	34,631

6 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN ('FVOCI') (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
(b) Instrumen ekuiti				
SEKURITI DISEBUT HARGA:				
Di luar Malaysia				
Saham	2,503	2,218	-	-
SEKURITI TIDAK DISEBUT HARGA:				
Di Malaysia				
Saham	737,539	757,418	699,022	720,748
Di luar Malaysia				
Saham	403	396	2	1
	740,445	760,032	699,024	720,749

Kumpulan dan Bank menetapkan beberapa pelaburan sebagai sekuriti ekuiti di bawah FVOCI. Penetapan FVOCI dibuat kerana pelaburan tersebut adalah sama ada untuk sosio-ekonomi dan bukan untuk tujuan dagangan.

	Kumpulan		Bank	
	Nilai saksama RM'000	Pendapatan dividen yang diiktiraf pada tahun kewangan RM'000	Nilai saksama RM'000	Pendapatan dividen yang diiktiraf pada tahun kewangan RM'000
2022				
Sekuriti				
Cagamas Holdings Berhad	389,960	2,587	354,512	2,347
Financial Park (Labuan) Sdn Bhd	169,295	1,000	169,295	1,000
Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd	68,052	-	68,052	-
Lain-lain	113,138	623	107,165	326
	740,445	4,210	699,024	3,673
2021				
Sekuriti				
Cagamas Holdings Berhad	380,897	2,587	347,129	2,347
Financial Park (Labuan) Sdn Bhd	164,322	1,000	164,322	1,000
Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd	67,173	-	67,173	-
Lain-lain	147,640	1,209	142,125	752
	760,032	4,796	720,749	4,099

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

7 PELABURAN KEWANGAN PADA KOS YANG DILUNASKAN

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Pada kos yang dilunaskan				
<u>INSTRUMEN PASARAN WANG:</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,725,255	700,667	3,310,259	607,910
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5,447,600	2,739,575	3,111,955	2,069,843
Bil Perbendaharaan Kerajaan Malaysia	246,410	-	246,410	-
Bon Cagamas	1,581,202	622,800	1,242,431	607,715
Bon Khazanah	163,108	158,182	21,382	20,694
Instrumen deposit boleh niaga	-	500,595	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	110,947	110,981	100,883	100,934
Bil Perbendaharaan Kerajaan Singapura	2,050,250	648,047	2,050,250	648,047
Sekuriti Kerajaan Singapura	127,532	-	127,532	-
Bil Bank Pusat Singapura	1,143,713	-	1,143,713	-
Bon Kerajaan Thailand	99,126	-	99,126	-
Sukuk (Brunei) Diperbadankan	32,529	30,872	32,529	30,872
Bil Bank Pusat Brunei	16,409	15,439	16,409	15,439
<u>SEKURITI TIDAK DISEBUT HARGA:</u>				
Di Malaysia				
Bon korporat/sukuk	12,885,413	13,008,637	7,347,688	7,427,355
Stok pinjaman Korporat	22,652	23,835	-	-
Di luar Malaysia				
Bon korporat/sukuk	55,714	-	25,294	-
	27,707,860	18,559,630	18,875,861	11,528,809
Peruntukan kerugian kredit	(701,152)	(598,119)	(611,207)	(519,519)
	27,006,708	17,961,511	18,264,654	11,009,290

- (a) Termasuk dalam pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan bagi Kumpulan dan Bank adalah bon korporat/sukuk yang disandarkan sebagai cagaran untuk obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula masing-masing berjumlah RM4,419,000,000 (2021: RM384,000,000) dan RM4,995,000,000 (2021: RM2,750,000,000).
- (b) Termasuk dalam pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan bagi Kumpulan ialah pendedahan kepada Akaun Pelaburan Terhad ('RIA'), sebagai sebahagian daripada pengaturan antara RHB Islamic Bank dengan pelabur lain berdasarkan konsep Mudharabah. Para Pelabur akan menyediakan modal, dan usaha niaga diuruskan sepenuhnya oleh RHB Islamic Bank. Keuntungan usaha niaga akan dikongsi berdasarkan nisbah yang dipersetujui dengan RHB Islamic Bank sebagai Mudharib (pengurus atau pengurus dana), dan kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur. Setakat 31 Disember 2022, pendedahan kasar kepada pembiayaan RIA dibiayai oleh para pelabur di Kumpulan ialah RM392,980,000 (2021: RM357,870,000). Portfolio kerugian kredit dijangka bagi pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan berkaitan dengan RIA ditanggung sepenuhnya oleh para pelabur.

7 PELABURAN KEWANGAN PADA KOS YANG DILUNASKAN (BERSAMBUNG)

(i) Pergerakan rosot nilai kredit pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Baki pada awal tahun kewangan	1,236,638	140,252	59,832	62,805
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	-	608,076	-	-
Pembelian dan pengasalan	63,789	496,948	-	-
Penyahiktirafan	(6,231)	(8,925)	(4,244)	(3,260)
Perbezaan pertukaran	453	287	453	287
Baki pada akhir tahun kewangan	1,294,649	1,236,638	56,041	59,832

Pelaburan kewangan terosot nilai kredit pada kos terlunas berkaitan dengan pendedahan tertentu kepada RIA, di mana pendedahan dengan pelabur lain berjumlah RM392,980,000 (2021: RM357,870,000).

(ii) Pergerakan peruntukan bagi kerugian kredit

	ECL 12-bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	18,599	1,778	577,742	598,119
Perubahan risiko kredit	12,944	(119)	85,227	98,052
Pembelian dan pengasalan	8,583	3,712	-	12,295
Penyahiktirafan	(4,626)	-	(1,053)	(5,679)
Hapus kira	-	-	(2,170)	(2,170)
Perbezaan pertukaran	82	-	453	535
Baki pada akhir tahun kewangan	35,582	5,371	660,199	701,152
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	11,871	220,148	139,690	371,709
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	123	(123)	-	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(238)	238	-	-
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	-	(270,509)	270,509	-
Perubahan risiko kredit	5,953	805	167,254	174,012
Pembelian dan pengasalan	3,354	735	-	4,089
Penyahiktirafan	(2,486)	(12)	-	(2,498)
Pindahan daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	50,496	-	50,496
Perbezaan pertukaran	22	-	289	311
Baki pada akhir tahun kewangan	18,599	1,778	577,742	598,119

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

7 PELABURAN KEWANGAN PADA KOS YANG DILUNASKAN (SAMBUNGAN)

(ii) Pergerakan peruntukan bagi kerugian kredit (sambungan)

	ECL 12-bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Bank				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	13,560	-	505,959	519,519
Perubahan risiko kredit	2,737	-	87,214	89,951
Pembelian dan pengasalan	4,046	3,217	-	7,263
Penyahiktirafan	(2,756)	-	(1,053)	(3,809)
Hapus kira	-	-	(2,170)	(2,170)
Perbezaan pertukaran	-	-	453	453
Baki pada akhir tahun kewangan	17,587	3,217	590,403	611,207
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	6,674	220,013	62,242	288,929
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	-	(270,509)	270,509	-
Perubahan risiko kredit	6,316	-	172,919	179,235
Pembelian dan pengasalan	1,706	-	-	1,706
Penyahiktirafan	(1,136)	-	-	(1,136)
Pindahan daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	50,496	-	50,496
Perbezaan pertukaran	-	-	289	289
Baki pada akhir tahun kewangan	13,560	-	505,959	519,519

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
(a) Mengikut jenis				
Pada kos yang dilunaskan				
Overdraf	5,682,506	5,532,681	4,093,249	4,132,651
Pinjaman/Pembiayaan berjangka:				
- Pinjaman/Pembiayaan perumahan	78,216,973	71,111,818	48,658,350	46,003,666
- Pinjaman/Pembiayaan berjangka bersindiket	15,544,484	11,045,645	8,909,063	6,556,269
- Sewa beli belum terima/pembiayaan	10,315,968	9,822,724	392,188	659,328
- Pinjaman/Pembiayaan berjangka lain	77,332,120	78,045,017	42,640,686	42,722,512
Bil belum terima	3,892,128	5,466,845	3,570,030	5,084,332
Resit amanah	807,390	653,169	739,682	612,561
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah kredit penerimaan	5,432,419	4,159,728	4,033,264	3,142,641
Pembiayaan margin saham	2,382,860	2,002,139	489,720	308,609
Pinjaman/Pembiayaan warga kerja	92,367	98,006	73,934	84,543
Kad kredit/caj belum terima	2,069,207	1,936,629	1,766,927	1,665,110
Kredit/Pembiayaan pusingan	10,431,720	8,637,366	7,716,326	6,426,835
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057
Perubahan nilai saksama yang timbul daripada lindung nilai saksama	(111,556)	(5,036)	(19,709)	(3,248)
	212,088,586	198,506,731	123,063,710	117,395,809
Tolak: Elaun kerugian kredit	(3,710,002)	(3,610,117)	(1,962,209)	(2,350,706)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	208,378,584	194,896,614	121,101,501	115,045,103

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

- (i) Termasuk dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah pinjaman/pembiayaan perumahan dijual kepada Cagamas dengan rekursa kepada Kumpulan dan Bank masing-masing berjumlah RM4,728,898,000 (2021: RM2,225,525,000) dan RM2,908,132,000 (2021: RM1,484,141,000).
- (ii) Termasuk dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan ialah pendedahan kepada Akaun Pelaburan Tidak Terhad ('URIA'), sebagai sebahagian daripada pengaturan antara RHB Islamic Bank dengan pelabur lain berdasarkan konsep Wakalah, kontrak berasaskan amanah yang mana satu pihak (muwakkil) melantik pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk menjalankan tugas tertentu, dalam hal-hal yang mungkin dapat ditugaskan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan yuran. Yuran seharusnya diiktiraf berdasarkan perjanjian. Keuntungan yang dijana/kerugian yang ditanggung adalah berdasarkan pendapatan boleh agih bersih yang dihitung. Pendapatan boleh agih bersih dihasilkan selepas menolak yuran Wakalah, perbelanjaan langsung dan peruntukan (sekiranya ada). Kerugian (sekiranya ada) akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur melainkan kerugian tersebut disebabkan oleh RHB Islamic Bank akibat salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu dalam kontrak antara pelabur dan RHB Islamic Bank. Setakat 31 Disember 2022, pendedahan kasar kepada pembiayaan URIA dibiayai oleh para pelabur di Kumpulan ialah RM802,978,000 (2021: RM220,670,000). Portfolio kerugian kredit dijangka bagi pembiayaan dan pendahuluan berkaitan dengan URIA ditanggung sepenuhnya oleh para pelabur.

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
(b) Mengikut jenis pelanggan				
Institusi kewangan bukan bank tempatan:				
- Lain-lain	3,193,617	3,430,530	1,064,672	666,638
Perusahaan perniagaan tempatan:				
- Perusahaan kecil dan sederhana	31,041,237	29,383,897	22,500,959	22,250,233
- Lain-lain	32,799,509	32,293,478	16,418,947	16,367,652
Kerajaan dan badan berkanun	6,144,478	6,283,148	5,007	31,290
Individu	106,201,343	99,273,422	56,641,963	55,295,411
Entiti tempatan lain	163,611	160,349	28,550	29,323
Entiti asing	32,656,347	27,686,943	26,423,321	22,758,510
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057
(c) Mengikut pengagihan geografi				
Malaysia	181,129,401	172,332,475	98,180,685	96,258,254
Luar Pesisir Labuan	2,277,954	1,746,020	-	-
Singapura	23,087,482	19,445,961	23,087,482	19,445,961
Thailand	1,967,516	1,721,007	1,620,513	1,510,805
Brunei	194,739	184,037	194,739	184,037
Kemboja	3,334,856	2,829,014	-	-
Lao	73,585	119,169	-	-
Indonesia	118,223	131,127	-	-
Vietnam	16,386	2,957	-	-
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057
(d) Mengikut kepekaan kadar faedah/keuntungan				
Kadar tetap:				
- Pinjaman/Pembiayaan perumahan	142,068	135,102	93,267	99,571
- Belum terima/pembiayaan sewa beli	1,066,701	1,766,382	392,188	659,306
- Pinjaman/Pembiayaan kadar tetap lain	21,893,082	22,688,406	10,356,895	10,741,916
Kadar berubah:				
- Kadar pinjaman/pembiayaan asas/kadar asas tambahan	123,950,398	114,224,412	72,089,432	70,246,144
- Kos tambahan	49,315,685	47,374,156	26,105,488	24,772,398
- Kadar berubah lain	15,832,208	12,323,309	14,046,149	10,879,722
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
(e) Mengikut sektor ekonomi				
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	4,629,560	4,610,387	2,631,062	3,033,089
Perlombongan dan kuari	249,354	264,975	141,146	174,710
Perkilangan	11,602,869	10,937,418	8,085,739	8,118,520
Elektrik, gas dan air	1,541,379	1,364,316	361,740	620,024
Pembinaan	13,347,956	13,550,490	8,447,916	8,002,112
Perdagangan borong dan runcit dan restoran dan hotel	21,842,273	19,795,696	17,007,796	15,843,095
Pengangkutan, pergudangan dan perhubungan	7,843,641	8,335,675	1,659,637	1,666,529
Perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	26,757,642	23,542,647	19,252,052	16,772,102
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	9,754,308	9,453,404	2,390,554	2,134,895
Sektor isi rumah	114,176,607	105,954,813	62,875,805	60,581,296
Lain-lain	454,553	701,946	229,972	452,685
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057
(f) Mengikut tujuan				
Pembelian sekuriti	12,976,360	12,342,007	5,126,878	5,056,270
Pembelian kenderaan pengangkutan	10,234,231	9,628,845	282,646	433,705
Pembelian hartanah:				
– Kediaman	77,404,367	70,197,769	48,663,045	45,939,533
– Bukan kediaman	25,399,348	24,250,984	19,161,912	18,168,573
Pembelian harta, loji dan peralatan selain tanah dan bangunan	1,595,020	2,039,662	857,259	1,245,530
Kegunaan peribadi	12,019,969	11,325,315	6,863,166	6,450,314
Kad kredit	2,069,207	1,936,629	1,766,927	1,665,110
Pembelian barangan pengguna tahan lama	7,279	9,085	7,279	9,085
Pembinaan	6,567,401	6,629,302	5,303,859	5,323,867
Modal kerja	54,064,715	49,016,064	32,569,534	30,574,582
Penggabungan dan pengambilalihan	1,648,237	2,640,412	176,529	24,568
Tujuan lain	8,214,008	8,495,693	2,304,385	2,507,920
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057
Baki perbandingan tertentu telah dikelaskan semula untuk diselaraskan dengan pembentangan tahun semasa yang lebih tepat mencerminkan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut tujuan.				
(g) Mengikut baki tempoh matang kontraktual				
Matang dalam tempoh setahun	38,104,568	36,484,052	27,351,711	27,087,299
Satu hingga tiga tahun	12,108,274	11,839,045	5,947,184	5,089,861
Tiga hingga lima tahun	19,327,578	17,100,913	10,728,433	9,831,533
Melebihi lima tahun	142,659,722	133,087,757	79,056,091	75,390,364
	212,200,142	198,511,767	123,083,419	117,399,057

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

(h) Mengikut peringkat

	ECL 12-bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	181,779,039	13,782,221	2,950,507	198,511,767
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	5,282,437	(5,221,054)	(61,383)	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(4,378,105)	4,478,451	(100,346)	-
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(641,362)	(614,845)	1,256,207	-
Pembelian dan pengasalan	56,607,947	1,834,638	601,612	59,044,197
Penyahiktirafan	(42,471,233)	(3,003,401)	(784,107)	(46,258,741)
Amaun dihapus kira	-	-	(683,842)	(683,842)
Perbezaan pertukaran	1,405,381	71,297	66,889	1,543,567
Pergerakan lain	-	-	43,194	43,194
Baki pada akhir tahun kewangan	197,584,104	11,327,307	3,288,731	212,200,142
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	162,116,478	20,815,752	3,181,282	186,113,512
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	8,482,960	(8,406,134)	(76,826)	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(4,314,690)	4,728,009	(413,319)	-
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(237,739)	(1,124,716)	1,362,455	-
Pembelian dan pengasalan	61,024,105	2,281,697	350,971	63,656,773
Penyahiktirafan	(45,364,277)	(4,489,747)	(338,536)	(50,192,560)
Amaun dihapus kira	-	-	(1,192,245)	(1,192,245)
Pengubahsuaian aliran tunai kontraktual	(180,221)	(64,312)	(362)	(244,895)
Perbezaan pertukaran	252,423	41,672	20,654	314,749
Pergerakan lain	-	-	56,433	56,433
Baki pada akhir tahun kewangan	181,779,039	13,782,221	2,950,507	198,511,767
Bank				
2022				
Baki pada awal tahun kewangan	106,486,886	9,167,539	1,744,632	117,399,057
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	3,803,375	(3,753,894)	(49,481)	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(2,558,860)	2,640,260	(81,400)	-
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(338,662)	(426,801)	765,463	-
Pembelian dan pengasalan	28,790,996	1,163,224	483,641	30,437,861
Penyahiktirafan	(22,910,036)	(1,958,503)	(630,564)	(25,499,103)
Amaun dihapus kira	-	-	(567,466)	(567,466)
Perbezaan pertukaran	1,253,610	42,570	21,598	1,317,778
Pergerakan lain	-	-	(4,708)	(4,708)
Baki pada akhir tahun kewangan	114,527,309	6,874,395	1,681,715	123,083,419
2021				
Baki pada akhir tahun kewangan	96,764,797	13,290,814	2,354,397	112,410,008
Pindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	5,354,701	(5,295,555)	(59,146)	-
Pindahan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(2,932,571)	3,292,123	(359,552)	-
Pindahan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(164,344)	(341,260)	505,604	-
Pembelian dan pengasalan	27,954,573	1,243,249	301,989	29,499,811
Penyahiktirafan	(20,572,013)	(2,979,568)	(250,908)	(23,802,489)
Amaun dihapus kira	-	-	(795,112)	(795,112)
Pengubahsuaian aliran tunai kontraktual	(83,232)	(42,792)	(350)	(126,374)
Perbezaan pertukaran	164,975	528	7,785	173,288
Pergerakan lain	-	-	39,925	39,925
Baki pada akhir tahun kewangan	106,486,886	9,167,539	1,744,632	117,399,057

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

(i) Rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
(i) Mengikut sektor ekonomi				
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	12,112	11,396	6,912	4,919
Perlombongan dan kuari	20,471	2,876	15,638	2,876
Perkilangan	215,294	228,378	179,477	178,040
Elektrik, gas dan air	9,965	12,606	-	495
Pembinaan	421,948	343,966	327,228	295,349
Perdagangan borong dan runcit dan restoran dan hotel	355,838	287,307	217,473	192,431
Pengangkutan, pergudangan dan perhubungan	37,677	275,606	23,393	260,172
Perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	334,117	276,180	277,813	242,405
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	892,141	684,197	52,882	5,266
Sektor isi rumah	937,738	794,530	580,899	560,901
Lain-lain	51,430	33,465	-	1,778
	3,288,731	2,950,507	1,681,715	1,744,632
(ii) Mengikut tujuan				
Pembelian sekuriti	31,136	29,901	17,749	18,272
Pembelian kenderaan pengangkutan	55,148	46,803	8,872	12,520
Pembelian hartanah:				
- Kediaman	733,496	593,169	478,779	422,881
- Bukan kediaman	610,074	385,600	331,844	291,286
Pembelian harta, loji dan peralatan selain tanah dan bangunan	19,906	22,488	16,640	19,254
Kegunaan peribadi	153,747	92,969	123,910	81,577
Kad kredit	21,407	20,045	18,191	17,844
Pembelian barangan pengguna tahan lama	595	588	595	588
Pembinaan	51,858	61,395	51,728	61,021
Modal kerja	1,417,245	1,535,097	531,368	728,830
Tujuan lain	194,119	162,452	102,039	90,559
	3,288,731	2,950,507	1,681,715	1,744,632
(iii) Mengikut pengagihan geografi				
Malaysia	2,007,232	1,669,228	1,406,744	1,283,736
Luar Pesisir Labuan	756,636	678,850	-	-
Singapura	198,679	372,719	198,679	372,719
Thailand	82,032	94,355	70,319	83,371
Brunei	5,973	4,806	5,973	4,806
Kemboja	234,447	127,567	-	-
Lao	3,732	2,982	-	-
	3,288,731	2,950,507	1,681,715	1,744,632

8 PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

(i) Rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (sambungan)

(iv) Pergerakan peruntukan bagi kerugian kredit

	ECL 12-bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan 2022				
Baki pada awal tahun kewangan	1,015,663	1,186,991	1,407,463	3,610,117
Perubahan disebabkan oleh aset kewangan yang diiktiraf dalam baki permulaan yang telah:				
- Dipindahkan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	196,146	(179,726)	(16,420)	-
- Dipindahkan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(31,853)	65,382	(33,529)	-
- Dipindahkan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(15,483)	(51,693)	67,176	-
	148,810	(166,037)	17,227	-
Perubahan risiko kredit	(352,433)	9,865	1,191,823	849,255
Pembelian dan pengasalan	113,114	118,999	27,149	259,262
Perubahan kepada metodologi model	(11,434)	(40,369)	(1,303)	(53,106)
Penyahiktirafan	(70,097)	(54,600)	(419,983)	(544,680)
Hutang lapuk dihapus kira	-	-	(494,580)	(494,580)
Perbezaan pertukaran	2,478	678	37,384	40,540
Pergerakan lain	-	-	43,194	43,194
Baki pada akhir tahun kewangan	846,101	1,055,527	1,808,374	3,710,002
2021				
Baki pada awal tahun kewangan	812,037	1,385,283	1,609,038	3,806,358
Perubahan disebabkan oleh aset kewangan yang diiktiraf dalam baki permulaan yang telah:				
- Dipindahkan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	259,949	(236,692)	(23,257)	-
- Dipindahkan kepada ECL hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(51,684)	157,604	(105,920)	-
- Dipindahkan kepada ECL hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(9,678)	(86,802)	96,480	-
	198,587	(165,890)	(32,697)	-
Dividen interim – 2021	(a)	-	-	15.0	610,254
Dividen akhir – 2021	(b)	-	-	25.0	1,035,730
Dividen interim – 2022	(c)	15.0	631,811	-	-
Dividen interim kedua – 2022	(d)	25.0	1,061,843	-	-
		40.0	1,693,654	40.0	1,645,984

- (a) Ini terdiri daripada jumlah dividen sebanyak 15.0 sen sesaham yang bahagian tunai ialah 5.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 10.0 sen sesaham. Kadar pelaburan semula berikutan penyelesaian DRP ialah 86.0% dan jumlah dividen tunai sebanyak RM260,575,000 dibayar pada 3 November 2021.
- (b) Ini terdiri daripada jumlah dividen sebanyak 25.0 sen sesaham yang bahagian tunai ialah 15.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 10.0 sen sesaham. Kadar pelaburan semula berikutan penyelesaian DRP ialah 86.3% dan jumlah dividen tunai sebanyak RM678,180,000 dibayar pada 16 Jun 2022.
- (c) Ini terdiri daripada jumlah dividen sebanyak 15.0 sen sesaham yang bahagian tunai ialah 10.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham. Kadar pelaburan semula berikutan penyelesaian DRP ialah 83.3% dan jumlah dividen tunai sebanyak RM456,388,000 dibayar pada 7 November 2022.
- (d) Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim kedua peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berjumlah RM1,061,843,000, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 20.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham. Dividen interim kedua peringkat satu telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 31 Januari 2023. Lembaga Pengarah, mengikut budi bicara mutlak, mencadangkan bahawa pemegang saham Bank diberi pilihan untuk melabur semula bahagian yang boleh dipilih dividen interim kedua peringkat satu ke dalam saham biasa baharu Bank selaras dengan DRP Bank yang diluluskan.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mencerminkan dividen interim kedua peringkat satu ini. Pembayaran dividen ini akan diambil kira dalam ekuiti pemegang saham sebagai peruntukan keuntungan tertahan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Dividen yang diiktiraf sebagai pengagihan kepada pemegang ekuiti biasa Bank:

	Kumpulan dan Bank			
	2022		2021	
	Dividen sesaham sen	Jumlah dividen RM'000	Dividen sesaham sen	Jumlah dividen RM'000
Saham biasa				
Dividen interim – 2022	15.00	631,811	-	-
Dividen akhir – 2021	25.00	1,035,730	-	-
Dividen interim – 2021	-	-	15.00	610,254
Dividen akhir – 2020	-	-	7.65	306,769
	40.00	1,667,541	22.65	917,023

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

50 KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN

(a) Komitmen dan luar jangkaan

Dalam urusan lazim perniagaan, Kumpulan dan Bank membuat pelbagai komitmen dan menanggung liabiliti luar jangka dengan bantuan undang-undang kepada para pelanggannya. Selain peruntukan untuk komitmen dan luar jangkaan yang dibuat dalam penyata kewangan, tidak ada kerugian ketara dijangka akibat daripada urus niaga ini.

Komitmen dan luar jangkaan merangkumi yang berikut:

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Liabiliti Luar Jangka				
Pengganti kredit langsung*	1,410,617	1,394,350	1,405,541	1,390,928
Item luar jangka berkaitan urus niaga	2,788,293	3,077,649	2,387,653	2,714,070
Luar jangka berkaitan perdagangan cair sendiri jangka pendek	984,888	977,071	730,635	883,894
	5,183,798	5,449,070	4,523,829	4,988,892
Komitmen				
Peminjaman sekuriti bank atau pencatatan sekuriti sebagai cagaran oleh bank-bank termasuk kejadian hasil daripada urus niaga perjanjian pembelian semula dan komitmen untuk membeli balik sekuriti Perbankan Islam di bawah urus niaga Perjanjian Jual dan Beli Balik	8,573,179	5,424,754	8,777,386	5,424,754
Pembelian aset hadapan, deposit hadapan, saham dan sekuriti separa berbayar yang mewakili komitmen dengan pengeluaran tertentu	-	35,530	-	35,530
Komitmen tidak boleh batal untuk memberi kredit:				
- Kematangan kurang dari satu tahun	8,480,483	10,416,569	7,136,645	7,335,607
- Kematangan melebihi satu tahun	27,241,322	24,147,171	16,986,025	15,554,354
Mana-mana komitmen dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh Bank tanpa memberi notis terlebih dahulu atau secara berkesan memperuntukkan pembatalan automatik disebabkan oleh kemerosotan kepercayaan kredit peminjam	16,329,254	15,415,727	13,695,272	12,815,528
	60,624,238	55,439,751	46,595,328	41,165,773
Instrumen kewangan derivatif				
Kontrak berkaitan pertukaran asing [^] :				
- Kurang dari satu tahun	62,316,756	46,065,953	65,135,214	50,314,717
- Satu tahun hingga kurang dari lima tahun	5,647,134	3,904,977	5,647,134	4,009,107
- Melebihi lima tahun	1,169,510	354,724	1,169,510	354,724
Kontrak berkaitan komoditi [^] :				
- Kurang dari satu tahun	267,363	58,332	267,486	58,332
- Satu tahun hingga kurang dari lima tahun	364,149	244,110	364,306	244,110
- Melebihi lima tahun	102,941	100,051	102,941	100,051
Kontrak berkaitan ekuiti [^] :				
- Kurang dari satu tahun	649,166	1,140,762	649,276	1,140,762
- Satu tahun hingga kurang dari lima tahun	3,090	4,286	3,090	4,286
Kontrak berkaitan kadar faedah [^] :				
- Kurang dari satu tahun	18,684,828	6,872,522	19,774,828	9,782,522
- Satu tahun hingga kurang dari lima tahun	45,588,339	31,697,379	48,888,339	33,697,379
- Melebihi lima tahun	6,195,096	6,445,228	6,195,096	8,245,228
	140,988,372	96,888,324	148,197,220	107,951,218
	206,796,408	157,777,145	199,316,377	154,105,883

* Ini berkaitan dengan kontrak jaminan kewangan.

[^] Derivatif ini dinilai semula pada asas kedudukan kasar dan keuntungan atau kerugian belum direalisasikan telah ditunjukkan dalam penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan sebagai aset derivatif atau liabiliti derivatif.

50 KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN (SAMBUNGAN)

(b) Jaminan korporat yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan Bank

Kumpulan dan Bank memberi jaminan berterusan kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) untuk memenuhi liabiliti dan obligasi kewangan serta keperluan syarikat subsidiari, RHB Bank (L) Ltd, disebabkan oleh perniagaan perbankan luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan.

(c) Liabiliti luar jangka

Setakat 31 Disember 2022, Kumpulan mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah kira-kira RM72 juta berhubung dengan litigasi. Memandangkan kes masih awal dan pendedahan andal tidak boleh dianggar, tiada peruntukan diiktiraf dalam penyata kewangan.

51 KOMITMEN PAJAKAN OPERASI TIDAK BOLEH BATAL

Ringkasan komitmen pajakan tolak sub-pajakan yang berada di luar skop MFRS 16 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Sewa premis:				
- Dalam masa satu tahun	9,871	10,393	7,197	7,086
- Antara satu hingga lima tahun	6,736	5,480	5,622	1,981
- Melebihi lima tahun	165	178	-	-
	16,772	16,051	12,819	9,067

52 KOMITMEN MODAL

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Dibenarkan dan dikontrakkan bagi hartanah, loji dan peralatan	284,529	319,850	249,674	286,744

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

(a) Pihak berkaitan dan hubungan

Pihak berkaitan dan hubungan dengan Bank adalah seperti berikut:

Pihak berkaitan	Hubungan
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Pemegang saham utama, badan dana yang sangat dipengaruhi oleh kerajaan
Syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama KWSP seperti dinyatakan dalam penyata kewangannya	Entiti pelaporan yang KWSP mempunyai kawalan atau pengaruh utama
Syarikat subsidiari Bank seperti dinyatakan dalam Nota 15	Syarikat subsidiari
Warga kerja pengurusan utama	Warga kerja pengurusan utama Kumpulan dan Bank terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> - Semua para Pengarah Bank dan syarikat subsidiari utama; dan - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ('GMC')
Pihak berkaitan warga kerja pengurusan utama (dianggap sebagai berkaitan dengan Bank)	(i) Ahli keluarga terdekat dan tanggungan warga kerja pengurusan utama; dan (ii) Entiti-entiti yang dikawal, dikawal bersama atau sangat dipengaruhi oleh atau yang kuasa mengundi dalam entiti sedemikian terletak langsung atau tidak langsung dengan warga kerja pengurusan atau ahli keluarga terdekat

(b) Baki dan urus niaga pihak berkaitan yang ketara

Di samping pendedahan pihak berkaitan dinyatakan dalam Nota 11 dan 27, diterangkan berikut adalah baki dan urus niaga pihak berkaitan utama.

Pihak berkaitan Bank yang lain terdiri daripada urus niaga atau baki dengan syarikat subsidiari Bank.

Semua urus niaga pihak berkaitan dimeterai dalam urusan lazim perniagaan mengikut terma-terma yang dipersetujui antara pihak berkaitan.

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga pihak berkaitan yang ketara (sambungan)

	2022		2021	
	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000
Kumpulan				
<u>Pendapatan</u>				
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	451	12,404	266	8,674
Faedah ke atas aset kewangan pada FVTPL	-	-	-	62
Faedah ke atas aset kewangan pada FVOCI	-	22,008	-	25,577
Faedah ke atas pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	-	16,189	-	18,394
Pendapatan yuran	415	8,461	1,464	12,120
Premium insurans	100	19,722	119	18,728
Pendapatan pembrokeran	127	17,502	357	3,419
Keuntungan bersih ke atas penilaian semula derivatif	159	-	139	-
Pendapatan lain	39	35	93	43
	1,291	96,321	2,438	87,017
<u>Perbelanjaan</u>				
Faedah ke atas deposit daripada pelanggan	154	985	231	2,003
Perbelanjaan lain	18	1,135	7	569
	172	2,120	238	2,572
<u>Amaun terhutang daripada</u>				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	14,056	344,160	8,967	244,054
Baki pelanggan dan broker	45	36,358	-	82,289
Aset kewangan pada FVOCI	-	434,615	-	575,227
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	-	324,337	-	426,174
Lain-lain aset	-	10,450	55	5,934
	14,101	1,149,920	9,022	1,333,678
<u>Amaun terhutang kepada</u>				
Deposit daripada pelanggan	83,687	957,454	72,470	705,876
Baki pelanggan dan broker	-	-	-	210
Lain-lain liabiliti	163	23,107	119	12,605
	83,850	980,561	72,589	718,691

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga pihak berkaitan yang ketara (sambungan)

Bank	2022			2021		
	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000	Syarikat subsidiari RM'000	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000	Syarikat subsidiari RM'000
Pendapatan						
Faedah ke atas deposit dan penempatan dengan institusi kewangan lain	-	-	216,048	-	-	140,061
Faedah ke atas akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan ditetapkan	-	-	280,668	-	-	268,299
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	308	-	1,034	233	50	1,030
Faedah ke atas sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan semula	-	-	11,278	-	-	-
Faedah ke atas aset kewangan pada FVTPL	-	-	-	-	62	-
Faedah ke atas aset kewangan pada FVOCI	-	21,544	-	-	22,624	-
Faedah ke atas pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	-	15,731	-	-	17,946	-
Pendapatan yuran	22	-	-	24	-	-
Pendapatan lain	-	-	(32,149)	-	-	14,117
	330	37,275	476,879	257	40,682	423,507
Perbelanjaan						
Faedah ke atas deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain	-	-	147,455	-	-	35,252
Faedah ke atas deposit daripada pelanggan	75	-	3,287	107	-	5,064
Faedah ke atas obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula	-	-	41,780	-	-	45,321
Sewa premis	-	-	9,969	-	-	8,920
Pembayaran balik perbelanjaan operasi daripada syarikat subsidiari	-	-	(537,718)	-	-	(350,188)
Perbelanjaan lain	-	-	50,093	-	-	69,910
	75	-	(285,134)	107	-	(185,721)

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga pihak berkaitan yang ketara (sambungan)

Bank	2022			2021		
	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000	Syarikat subsidiari RM'000	Warga kerja pengurusan utama RM'000	KWSP dan kumpulan syarikat KWSP RM'000	Syarikat subsidiari RM'000
Amaun terhutang daripada						
Wang panggilan dan penempatan deposit	-	-	1,920,998	-	-	1,114,097
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	-	-	6,490,241	-	-	7,291,387
Akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan ditetapkan	-	-	8,351,236	-	-	10,213,639
Sekuriti dibeli di bawah perjanjian jualan semula	-	-	789,281	-	-	-
Aset derivatif	-	-	45,754	-	-	90,324
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	8,041	-	179,731	7,521	24,049	141,803
Aset kewangan pada FVOCI	-	429,485	-	-	507,279	-
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	-	314,325	-	-	415,904	-
Lain-lain aset	-	-	870,157	-	-	1,000,729
	8,041	743,810	18,647,398	7,521	947,232	19,851,979
Amaun terhutang kepada						
Deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain	-	-	10,053,876	-	-	6,267,376
Deposit daripada pelanggan	59,004	628,589	366,543	45,715	458,178	516,021
Liabiliti derivatif	-	-	307,296	-	-	116,162
Lain-lain liabiliti	-	-	5,452	-	-	6,584
Obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula	-	-	577,051	-	-	2,800,958
	59,004	628,589	11,310,218	45,715	458,178	9,707,101

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(c) Warga kerja pengurusan utama

Ganjaran Pengarah dan anggota pengurusan utama lain adalah seperti berikut:

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Manfaat pekerja jangka pendek:					
- Yuran		2,876	2,314	1,804	1,548
- Gaji dan ganjaran lain	(i)	37,874	34,739	27,300	25,835
- Caruman KWSP	(i)	4,611	4,089	3,682	3,379
- Perbelanjaan berasaskan saham	(ii)	1,190	-	1,009	-
- Manfaat barangan		217	151	92	80
		46,768	41,293	33,887	30,842

(i) Termasuk Skim Tunai Tertunda dan caruman KWSP berkaitan majikan masing-masing berjumlah RM6,099,000 dan RM4,914,000 (2021: RM5,960,000 dan RM5,186,000) untuk Kumpulan dan Bank. Pembayaran di bawah Skim Tunai Tertunda ini adalah berdasarkan prestasi objektif perniagaan jangka pendek dan panjang Kumpulan.

(ii) Pada 31 Disember 2022, jumlah saham yang dianugerahkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan warga kerja pengurusan utama Kumpulan dan Bank masing-masing sebanyak 1,250,000 dan 1,060,000 (2021: Tiada dan Tiada).

Termasuk di atas adalah ganjaran Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 43.

	Kumpulan		Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Had diluluskan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bagi warga kerja pengurusan utama	29,294	28,998	18,371	18,205

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

- (d) Pendedahan kredit yang timbul daripada urus niaga dengan pihak berkaitan

Pendedahan kredit dengan pihak yang berkaitan selaras dengan Garis Panduan BNM yang disemak semula ke atas Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	2022	2021	2022	2021
Pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan (RM'000)	13,975,207	13,184,949	8,384,214	8,690,660
Peratusan pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan sebagai sebahagian daripada jumlah pendedahan kredit (%)	5.51	5.47	5.45	5.82
Peratusan pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan yang terjejas atau keingkaran (%)	-	0.04	-	-

Pendedahan kredit di atas berdasarkan Garis Panduan BNM yang disemak semula ke atas Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

- (e) Caj antara syarikat

Huraian caj antara syarikat mengikut jenis perkhidmatan yang diterima dan pengagihan geografi seperti Garis Panduan Pelaporan Kewangan BNM yang diterbitkan pada 2 Februari 2018 adalah seperti berikut:

	Faedah ke atas deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain RM'000	Faedah ke atas deposit daripada pelanggan RM'000	Faedah ke atas obligasi ke atas sekuriti dijual di bawah perjanjian pembelian semula RM'000	Sewa premis RM'000	Pembayaran balik perbelanjaan operasi daripada syarikat subsidiari RM'000	Perbelanjaan lain RM'000
Bank 2022						
Malaysia	147,455	3,203	41,780	750	(537,718)	49,911
Singapura	-	81	-	9,219	-	-
Thailand	-	3	-	-	-	182
	147,455	3,287	41,780	9,969	(537,718)	50,093
2021						
Malaysia	35,252	4,975	45,321	896	(350,188)	69,732
Singapura	-	86	-	8,024	-	-
Thailand	-	3	-	-	-	178
	35,252	5,064	45,321	8,920	(350,188)	69,910

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

54 LAPORAN BERSEGMEN

Segmen operasi dilaporkan secara konsisten dengan pelaporan dalaman yang diberikan kepada ketua pembuat keputusan operasi, iaitu individu atau kumpulan yang memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi sesebuah entiti. Kumpulan menetapkan Jawatankuasa Pengurusannya sebagai ketua pembuat keputusan operasi.

Segmen perniagaan Kumpulan boleh disusun mengikut segmen utama berikut yang menggambarkan struktur pelaporan dalaman Kumpulan:

(a) Perbankan Komuniti Kumpulan ('GCB')

GCB terdiri daripada Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ('SME').

Perbankan Runcit Kumpulan memfokus kepada penyediaan produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan individu. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan termasuk kemudahan kredit (gadaian, gadaian bukan kediaman, sewa beli, pembelian sekuriti, kad kredit dan pembiayaan dan pinjaman peribadi yang lain), kiriman wang, kutipan deposit, produk berkaitan pelaburan dan produk bancassurance/bancatakaful.

Perbankan SME Kumpulan memfokus kepada menyediakan penyelesaian pembiayaan kepada SME dan perusahaan dimiliki oleh keluarga, serta penyelesaian pengurusan dagangan dan tunai untuk SME.

(b) Perbankan Borong Kumpulan ('GWB')

GWB terdiri daripada Kumpulan portfolio perniagaan/fungsi utama berikut:

- I. Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan; dan
- II. Perbankan Korporat Kumpulan dan Perbankan Pelaburan Kumpulan ('CBIB Kumpulan') yang terdiri daripada Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Pelaburan Kumpulan, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Komersial Kumpulan, Perbankan Urus Niaga Kumpulan dan Ekonomi Kumpulan.
 - (i) Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan menawarkan set lengkap produk dan penyelesaian perbendaharaan termasuk pertukaran asing ('FX'), derivatif, pasaran modal, produk berstruktur, pelaburan pasaran wang dan produk perbendaharaan Islam mengikut keperluan pelanggan masing-masing dari Malaysia, Singapura dan Thailand. Segmen ini juga bertanggungjawab untuk pengurusan keseluruhan kecairan dan keperluan pembiayaan Kumpulan serta untuk melabur lebih modal dan dana untuk meningkatkan pulangan bagi Kumpulan.
 - (ii) Perbankan Korporat Kumpulan memberikan set komprehensif penyelesaian pembiayaan konvensional dan patuh Syariah untuk pelanggan korporat yang mempunyai saham-saham yang tersenarai di bursa-bursa tempatan dan/atau luar negara, syarikat-syarikat multinasional, kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Penyelesaian kewangan disediakan termasuk pendanaan modal kerja, pembiayaan dagangan, lindung nilai mata wang asing, pembiayaan dan pensindiketan projek, serta pendanaan usaha korporat.
 - (iii) Perbankan Pelaburan Kumpulan menawarkan rangkaian penuh produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan merangkumi pasaran utama, seperti nasihat (penstrukturan semula korporat dan hutang, penggabungan dan pemerolehan, pengambilalihan), pengumpulan dana melalui instrumen ekuiti dan hutang, dan pasaran sekunder termasuk dagangan sekuriti bagi pelanggan institusi dan runcit. Segmen ini memanfaatkan platform serantau Kumpulan untuk menyediakan perkhidmatan urus niaga rentas sempadan kepada klien merentas ASEAN.

Segmen ini juga menawarkan pembrokeran saham dan produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan kepada pelanggan serantau Kumpulan di Indonesia, Thailand, Kemboja dan Vietnam.
 - (iv) Pengurusan Aset Kumpulan menguruskan set lengkap perkhidmatan dan penawaran termasuk pengurusan dana unit amanah, nasihat pengurusan pelaburan, mandat persendirian, pembangunan produk dan perkhidmatan pemegang amanah.
 - (v) Perbankan Komersial Kumpulan menawarkan rangkaian luas penyelesaian perniagaan daripada pembiayaan, deposit, penyelesaian pengurusan tunai, FX dan kiriman wang, antara lain untuk pelanggan Komersial (Syarikat Persendirian bersaiz Sederhana dan Besar).
 - (vi) Perbankan Urus Niaga Kumpulan menawarkan penyelesaian perniagaan daripada penyelesaian pengurusan tunai, kewangan dan perkhidmatan dagangan termasuk penyelesaian pembiayaan rangkaian bekalan antara lain, SME, syarikat korporat Komersial & Besar.
 - (vii) Ekonomi Kumpulan termasuk Strategi Pertukaran Asing dan Pendapatan Tetap, menyediakan nasihat pakar mengenai pembangunan Makroekonomi serta trend ekonomi dan sektor tempatan. Segmen ini juga bertanggungjawab untuk melibatkan pelanggan korporat dan institusi untuk menyediakan nasihat mengenai perkembangan dan trend ekonomi.

54 LAPORAN BERSEGMENT (SAMBUNGAN)

(c) Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan tertumpu terutamanya kepada membekal produk dan perkhidmatan berkaitan dengan perbankan komersial yang disediakan untuk memenuhi keperluan khusus pelanggan di negara-negara di mana Kumpulan beroperasi. Pada masa ini, Kumpulan mempunyai kehadiran pasaran luar di Singapura, Thailand, Brunei, Kemboja dan Lao.

(d) Insurans

RHB Insurance Berhad menyediakan insurans am untuk pelanggan runcit, SME, komersial dan korporat.

(e) Pusat Sokongan dan Lain-lain

Pusat Sokongan dan Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen perniagaan lain dalam Kumpulan (perniagaan, perkhidmatan penamaan, pelaburan hartanah dan sewaan premis dan perkhidmatan kewangan berkaitan). Hasil daripada perniagaan ini tidak material kepada Kumpulan dan dengan itu, tidak memberikan pendedahan berasingan dan dilaporkan secara agregat dalam penyata kewangan.

Hasil segmen perniagaan telah disediakan berdasarkan pelaporan pengurusan dalaman Kumpulan, yang mencerminkan struktur pelaporan pengurusan organisasi. Peruntukan dalaman bagi kos, contohnya sokongan barisan belakang pejabat, kos berpusat, pusat pendanaan dan penggunaan harga pemindahan, bilamana sesuai, telah digunakan dalam penyediaan pelaporan segmen.

Perbelanjaan operasi segmen yang sepadan telah dinyatakan semula untuk diselaraskan dengan asas peruntukan semasa di antara segmen.

Pada tahun kewangan, tiada mana-mana satu kumpulan pelanggan berkaitan yang membentuk lebih daripada 10% hasil Kumpulan.

(a) Analisis segmen perniagaan

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Penyingkiran Antara Segmen RM'000	Jumlah RM'000
2022							
Hasil luaran	4,042,064	3,125,262	831,105	188,978	121,344	-	8,308,753
Hasil antara segmen	-	17,808	(685)	17,743	17,824	(52,690)	-
Hasil segmen	4,042,064	3,143,070	830,420	206,721	139,168	(52,690)	8,308,753
Perbelanjaan operasi lain	(2,022,871)	(970,487)	(561,957)	(119,096)	(95,086)	52,690	(3,716,807)
Termasuk:							
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(90,053)	(22,794)	(20,825)	(1,898)	(210)	-	(135,780)
Susut nilai aset hak guna	(29,519)	(19,848)	(19,579)	(2,399)	(103)	-	(71,448)
Pelunasan aset tidak ketara	(101,338)	(31,648)	(17,675)	(4,206)	-	-	(154,867)
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan	(183,178)	(386,211)	146,573	1,641	-	-	(421,175)
Kerugian rosot nilai dikenakan ke atas aset bukan kewangan lain	-	(43)	-	-	-	-	(43)
Keuntungan segmen	1,836,015	1,786,329	415,036	89,266	44,082	-	4,170,728
Hasil bahagian syarikat bersekutu							25
Hasil bahagian usaha sama							31
Keuntungan sebelum cukai dan zakat							4,170,784
Cukai dan zakat							(1,458,763)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan							2,712,021

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

54 LAPORAN BERSEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Analisis segmen perniagaan (sambungan)

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2022						
Aset segmen	132,149,149	129,733,543	42,723,470	1,673,312	2,299,556	308,579,030
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama						25
Cukai boleh diperoleh semula						121,033
Aset cukai tertunda						625,092
Aset tidak diperuntukkan						1,463,001
Jumlah aset						310,788,181
Liabiliti segmen	105,805,400	130,096,002	34,635,756	1,241,432	108,600	271,887,190
Peruntukan cukai dan zakat						396,041
Liabiliti cukai tertunda						2,187
Pinjaman						1,476,185
Sekuriti hutang kanan						3,841,190
Obligasi subordinat						2,867,083
Liabiliti tidak diperuntukkan						1,572,065
Jumlah liabiliti						282,041,941
Item segmen lain:						
Perbelanjaan modal	276,918	79,656	60,390	10,090	3,353	430,407

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Penyingkiran Antara Segmen RM'000	Jumlah RM'000
2021							
Hasil luaran	3,709,209	3,466,234	713,920	241,426	(342,123)	-	7,788,666
Hasil antara segmen	-	43,079	1,295	(3,649)	16,464	(57,189)	-
Hasil segmen	3,709,209	3,509,313	715,215	237,777	(325,659)	(57,189)	7,788,666
Perbelanjaan operasi lain	(1,951,642)	(995,010)	(488,353)	(119,636)	(24,933)	57,189	(3,522,385)
Termasuk:							
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(81,142)	(21,789)	(17,100)	(2,074)	(237)	-	(122,342)
Susut nilai aset hak guna	(33,974)	(17,163)	(18,124)	(2,616)	(227)	-	(72,104)
Pelunasan aset tidak ketara	(82,898)	(28,045)	(13,864)	(3,704)	-	-	(128,511)
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan	(81,968)	(552,020)	(106,104)	2,878	-	-	(737,214)
Kerugian rosot nilai dikenakan ke atas aset bukan kewangan lain	-	(314)	-	-	-	-	(314)
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai dan zakat	1,675,599	1,961,969	120,758	121,019	(350,592)	-	3,528,753
Cukai dan zakat							(905,621)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan							2,623,132

54 LAPORAN BERSEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Analisis segmen perniagaan (sambungan)

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2021						
Aset segmen	123,340,916	125,483,089	36,326,831	1,598,767	632,391	287,381,994
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama						12
Cukai boleh diperolehi semula						131,283
Aset cukai tertunda						377,825
Aset tidak diperuntukkan						1,650,344
Jumlah aset						289,541,458
Liabiliti segmen	103,685,123	118,540,352	29,827,870	1,164,185	30,992	253,248,522
Peruntukan cukai dan zakat						124,163
Liabiliti cukai tertunda						55
Pinjaman						127,380
Sekuriti hutang kanan						3,646,369
Obligasi subordinat						3,221,882
Liabiliti tidak diperuntukkan						1,142,576
Jumlah liabiliti						261,510,947
Item segmen lain:						
Perbelanjaan modal	234,129	90,668	72,804	15,175	3,999	416,775

(b) Analisis segmen geografi:

	Hasil RM'000	Aset bukan semasa* RM'000	Segmen aset RM'000	Perbelanjaan modal RM'000
2022				
Malaysia	7,344,179	4,155,132	267,025,471	360,368
Di luar Malaysia	964,574	472,212	43,762,710	70,039
	8,308,753	4,627,344	310,788,181	430,407
2021				
Malaysia	6,913,618	4,092,125	252,182,057	321,684
Di luar Malaysia	875,048	448,056	37,359,401	95,091
	7,788,666	4,540,181	289,541,458	416,775

* Aset bukan semasa terdiri daripada aset hak guna, hartanah, loji dan peralatan, muhibah dan aset tidak ketara.

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

55 NISBAH KECUKUPAN MODAL

Garis panduan BNM mengenai kecukupan modal memerlukan Kumpulan, Bank dan syarikat subsidiari perbankan untuk mengekalkan tahap modal yang mencukupi bagi menangani sebarang kerugian yang mungkin timbul daripada risiko kredit dan lain yang berkaitan dengan operasi pembiayaan. Nisbah kecukupan modal dikira berdasarkan modal layak yang berkaitan dengan jumlah aset berwujud risiko sebagaimana ditetapkan oleh BNM.

RHB Bank Cambodia, syarikat subsidiari penuh Bank adalah tertakluk kepada keperluan kecukupan modal oleh Bank Nasional Kemboja.

(a) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank [®]	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Modal Ekuiti Biasa Tahap I ('CET I')/Modal Tahap I				
Modal saham	8,145,585	7,612,612	8,145,585	7,612,612
Keuntungan tertahan	19,196,884	18,689,157	14,479,618	13,954,209
Rizab lain	836,784	704,808	610,659	491,179
Rizab FVOCI	(599,020)	406,012	(517,256)	394,726
	27,580,233	27,412,589	22,718,606	22,452,726
Tolak:				
Muhibah	(2,638,198)	(2,638,198)	(1,714,913)	(1,714,913)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda yang berkaitan)	(602,106)	(567,938)	(524,689)	(503,178)
Aset cukai tertunda	(384,052)	(425,268)	(271,633)	(291,577)
55% daripada keuntungan terkumpul yang timbul daripada perubahan nilai instrumen FVOCI	-	(223,307)	-	(217,099)
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	(102,425)	(102,425)	(4,461,272)	(4,448,364)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	(25)	(12)	-	-
Potongan lain [#]	(30,313)	(11,043)	(29,388)	(10,691)
Jumlah Modal CET I	23,823,114	23,444,398	15,716,711	15,266,904
Kelayakan kepentingan bukan kawalan yang diiktiraf sebagai Modal Tahap I	159	170	-	-
Jumlah Modal Tahap I	23,823,273	23,444,568	15,716,711	15,266,904
Modal Tahap II				
Obligasi subordinat memenuhi semua kriteria berkaitan Instrumen modal layak syarikat subsidiari yang dikeluarkan kepada pihak ketiga+	1,999,353	2,249,289	1,999,353	2,249,289
Lebihan peruntukan layak mengatasi kerugian dijangka	393,975	398,771	-	-
Peruntukan am [^]	513,764	510,312	373,005	375,828
Pelaburan dalam instrumen modal bagi entiti kewangan dan insurans/takaful	404,754	292,712	271,763	210,705
	-	-	(88,116)	-
Jumlah Modal Tahap II	3,311,846	3,451,084	2,556,005	2,835,822
Jumlah Modal	27,135,119	26,895,652	18,272,716	18,102,726

55 NISBAH KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

(a) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut (sambungan):

	Kumpulan		Bank [®]	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Nisbah modal				
Sebelum dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET I	17.593%	17.831%	16.036%	16.094%
Nisbah Modal Tahap 1	17.593%	17.831%	16.036%	16.094%
Jumlah Nisbah Modal	20.039%	20.455%	18.644%	19.083%
Selepas dividen dicadangkan dan DRP*:				
Nisbah Modal CET I	16.887%	17.200%	15.061%	15.220%
Nisbah Modal Tahap 1	16.887%	17.201%	15.061%	15.220%
Jumlah Nisbah Modal	19.333%	19.825%	17.669%	18.210%

[®] Nisbah kecukupan modal Bank terdiri daripada modal asas dan aset berwujud risiko diperoleh daripada Bank dan subsidiari perbankan milik penuh luar pesisir, RHB Bank (L) Ltd.

[#] Menurut perenggan 5.19 & 5.20 Risiko Pasaran Basel II - Pelarasan Nilai, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - RWA) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan terhadap portfolio perdagangannya.

⁺ Sukuk subordinat layak yang diiktiraf sebagai instrumen modal Tahap II dipegang oleh pihak ketiga sebagaimana ditetapkan di bawah perenggan 17.6 Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh subsidiari Bank disatukan sepenuhnya.

[^] Menurut dokumen dasar BNM berkaitan Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada peruntukan kerugian diukur pada amaun bersamaan dengan 12-bulan dan kerugian kredit hayat dijangka sebagaimana ditakrif di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat dan rizab kawal selia sehingga ia dibawa kepada pendedahan kredit tidak terosot nilai ditetapkan di bawah amalan seragam risiko kredit.

Termasuk rizab kawal selia layak Kumpulan dan Bank masing-masing sebanyak RM242,061,000 (2021: RM85,609,000) dan 155,937,000 (2021: RM120,542,000).

^{*} Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan/mencadangkan dividen berikut seperti yang dinyatakan dalam Nota 49:

(a) Dividen interim kedua peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, berjumlah RM1,061,843,000, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 20.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 5.0 sen sesaham; dan

(b) Dividen akhir peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, berjumlah RM1,035,730,000, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 15.0 sen sesaham dan bahagian yang boleh dipilih sebanyak 10.0 sen sesaham.

Tiada perjanjian bertulis yang tidak boleh ditarik balik daripada pemegang saham, oleh itu, jumlah dividen akhir yang dicadangkan mungkin dikurangkan sama ada dengan purata kadar pengambilan 3 tahun sebelumnya atau jika kurang daripada 3 tahun sebelumnya, purata kadar pengambilan sejarahnya, tertakluk kepada amaun tidak melebihi 50% daripada jumlah bahagian dividen yang dipilih, selaras dengan Panduan Pelaksanaan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) bertarikh 9 Disember 2020.

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

55 NISBAH KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

(b) Nisbah kecukupan modal RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank adalah seperti berikut:

	RHB Islamic Bank		RHB Investment Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Modal Tahap 1/CET I				
Modal saham	1,673,424	1,673,424	1,220,000	1,220,000
Keuntungan tertahan	4,177,805	3,716,002	426,746	481,289
Rizab lain	205	-	685	-
Rizab FVOCI	(118,059)	(28,023)	35,060	38,642
	5,733,375	5,361,403	1,682,491	1,739,931
Tolak:				
Muhibah	-	-	(372,395)	(372,395)
Pelaburan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama	-	-	(704,352)	(717,155)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda yang berkaitan)	(4,227)	(2,976)	(25,592)	(30,183)
Aset cukai tertunda	(100,598)	(102,565)	(13,300)	(22,684)
55% daripada keuntungan terkumpul yang timbul daripada perubahan nilai instrumen FVOCI	-	-	(19,283)	(21,253)
Potongan lain [#]	(941)	(918)	-	(71)
Jumlah Modal CET I/Modal Tahap I	5,627,609	5,254,944	547,569	576,190
Modal Tahap II				
Sukuk subordinat	750,000	750,000	-	-
Obligasi subordinat memenuhi semua kriteria berkaitan	-	-	100,000	200,000
Lebihan peruntukan layak mengatasi kerugian dijangka	140,835	134,679	-	-
Peruntukan am [^]	55,462	52,467	7,933	10,428
Jumlah Modal Tahap II	946,297	937,146	107,933	210,428
Jumlah Modal	6,573,906	6,192,090	655,502	786,618
Nisbah modal				
Sebelum dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET I	17.828%	17.635%	31.348%	29.319%
Nisbah Modal Tahap 1	17.828%	17.635%	31.348%	29.319%
Jumlah Nisbah Modal	20.826%	20.780%	37.528%	40.027%
Selepas dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET I	17.033%	16.849%	29.058%	24.231%
Nisbah Modal Tahap 1	17.033%	16.849%	29.058%	24.231%
Jumlah Nisbah Modal	20.031%	19.994%	35.238%	34.938%

[#] Menurut perenggan 5.19 & 5.20 Risiko Pasaran Basel II – Pelarasan Nilai, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – RWA) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan terhadap portfolio perdagangannya.

[^] Menurut dokumen dasar BNM berkaitan Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada peruntukan kerugian diukur pada amaun bersamaan dengan 12-bulan dan kerugian kredit hayat dijangka sebagaimana ditakrif di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat dan rizab kawal selia sehingga ia dibawa kepada pendedahan kredit tidak terosot nilai ditetapkan di bawah amalan seragam risiko kredit.

Termasuk rizab kawal selia layak RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank masing-masing sebanyak RM34,664,000 (2021: RM41,763,000) dan RM7,850,000 (2021: RM10,400,000).

55 NISBAH KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

(c) Pecahan butiran aset berwajaran risiko dalam pelbagai kategori berwajaran risiko adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Bank [@] RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
2022				
Risiko kredit	118,007,600	85,761,518	28,280,645	634,603
Risiko pasaran	3,358,227	3,075,095	170,490	188,204
Risiko operasi	14,047,918	9,171,749	3,114,515	923,914
Jumlah aset berwajaran risiko	135,413,745	98,008,362	31,565,650	1,746,721
2021				
Risiko kredit	115,070,774	83,477,653	27,011,235	834,269
Risiko pasaran	3,201,115	2,617,689	201,515	162,040
Risiko operasi	13,211,976	8,766,298	2,585,628	968,930
Jumlah aset berwajaran risiko	135,413,745	94,861,640	29,798,378	1,965,239

[@] Nisbah kecukupan modal Bank merangkumi asas modal dan aset berwajaran risiko yang berasal dari Subsidiari Bank dan perbankan milik penuh luar pesisir, RHB Bank (L) Ltd.

Jumlah aset berwajaran risiko Kumpulan dan Bank dikira berdasar Garis Panduan BNM ke atas Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko: Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam bagi Risiko Kredit dan Pendekatan Seragam bagi Risiko Pasaran dan Pendekatan Petunjuk Asas bagi Risiko Operasi (Basel II).

Jumlah aset berwajaran risiko RHB Islamic Bank dikira berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM bagi Bank-bank Islam ('CAFIB'): Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam bagi Risiko Kredit dan Pendekatan Seragam bagi Risiko Pasaran dan Pendekatan Petunjuk Asas bagi Risiko Operasi (Basel II).

Jumlah aset berwajaran risiko RHB Investment Bank dikira berdasarkan Garis Panduan BNM ke atas Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko: Pendekatan Seragam bagi Risiko Kredit dan Pasaran dan Pendekatan Petunjuk Asas bagi Risiko Operasi (Basel II).

(d) Nisbah kecukupan modal RHB Bank Cambodia adalah seperti berikut:

	2022	2021
Sebelum dividen dicadangkan: Nisbah solvensi	16.581%	17.685%
Selepas dividen dicadangkan: Nisbah solvensi	16.581%	17.685%

Nisbah Solvensi RHB Bank Cambodia adalah nisbah pematuhan pengawalseliaan yang hampir menyamai piawaian di Kemboja dan dihitung mengikut Prakas B7-00-46, B7-04-206 dan B7-07-135 yang dikeluarkan oleh Bank Nasional Kemboja. Nisbah ini diterbitkan sebagai nilai bersih RHB Bank Cambodia dibahagikan dengan aset berwajaran risiko dan perkara di luar kunci kira-kira. Keperluan nisbah solvensi kawal selia minimum di Kemboja adalah 15%.

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

56 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan


Risiko adalah sesuatu yang sedia wujud dalam aktiviti Kumpulan dan ia diurus menerusi sesuatu proses pengenalpastian, pengukuran dan pemantauan yang berterusan dengan tertakluk kepada batas serta kawalan lain. Selain daripada risiko kredit, Kumpulan terdedah kepada pelbagai jenis risiko lain seperti risiko pasaran, kecairan, operasi, undang-undang, Syariah, strategik, serta silang sempadan, dan bentuk risiko berlainan yang sedia wujud dalam strategi, rangkaian produk serta liputan geografi.

Pengurusan risiko yang berkesan adalah asas kepada keupayaan untuk memacu pertumbuhan mampan dan nilai pemegang saham di samping mengekalkan kelebihan daya saing. Justeru itu, ia merupakan bahagian utama dalam pengurusan risiko yang proaktif bagi persekitaran operasi Kumpulan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan mentadbir pengurusan risiko dalam Kumpulan seperti berikut:

1. Ia memberi gambaran holistik tentang persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan dengan pengurusan risiko disasarkan ke arah meminimumkan kerugian dan perlindungan terhadap kerugian yang mungkin berlaku, terutamanya menerusi kegagalan pemeriksaan dan kawalan yang efektif dalam organisasi.
2. Ia menetapkan perkembangan strategik pengurusan risiko ke arah menjadi sebuah syarikat yang mencipta nilai. Ia direalisasi dengan membina keupayaan dan infrastruktur yang serba canggih dalam pengurusan risiko, serta memantapkan penaksiran risiko bagi mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan diwakili dalam gambar rajah berikut:



56 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

Ciri-ciri utama rangka kerja ialah:

Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah berada di puncak struktur tadbir urus dan bertanggungjawab dalam aktiviti strategi pengurusan tadbir urus risiko Kumpulan/entiti masing-masing, selera, rangka kerja dan pengawasan pengurusan risiko.

Bagi menguruskan perniagaan dan risiko kesemua syarikat subsidiari secara bersepadu, jawatankuasa pada peringkat Kumpulan ditubuhkan untuk memastikan ketekalan amalan. Bagaimanapun, Kumpulan mengekalkan jawatankuasa khusus entiti untuk meningkatkan kebolehubahan dan ketangkasan dalam mengurus kawal selia khusus dan keperluan perniagaan. Setiap Jawatankuasa Risiko Lembaga yang melapor langsung kepada Lembaga masing-masing, menyediakan pengawasan dan membantu Lembaga masing-masing untuk mengkaji semula falsafah pengurusan risiko keseluruhan, rangka kerja, dasar, dan model, dan isu risiko berkaitan dan unik kepada perniagaannya.

Tanggungjawab untuk menyelia pengurusan harian risiko perusahaan dan hal-hal modal ditugaskan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ('GCRC') yang terdiri daripada pihak Pengurusan Kanan Kumpulan yang melapor kepada jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan serta Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ('GMC'). Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan ('IBRMC') bertanggungjawab terhadap mengawasi perkara-perkara pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank sementara Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ('ALCO Kumpulan') memantau risiko pasaran, risiko kecairan dan pengurusan kunci kira-kira.

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan ('GCRO') yang melapor langsung kepada Pengarah Urusan Kumpulan bertanggungjawab untuk fungsi pengurusan risiko. Peranan dan tanggungjawab utama GCRO ialah:

1. Memudahkan penetapan hala tuju strategik dan dasar keseluruhan mengenai pengurusan dan kawalan risiko Kumpulan;
2. Memastikan amalan terbaik industri dalam pengurusan risiko digunakan di seluruh Kumpulan, termasuk penetapan parameter pengurusan dan model risiko;
3. Membina budaya proaktif, seimbang dan sesuai risiko dalam Kumpulan; dan
4. Menasihati pelbagai jawatankuasa pengurusan kanan, peringkat pengurusan dan pelbagai entiti Lembaga Pengarah Kumpulan mengenai isu risiko dan kesan mungkin kepada pencapaian objektif dan strategi Kumpulan.

GCRO disokong oleh ketua pegawai risiko pelbagai entiti dan pelbagai pasukan dalam fungsi pengurusan risiko:

1. Fungsi utama ketua pegawai risiko pelbagai entiti adalah untuk menilai dan mengurus risiko perusahaan dan berhubung dengan pengawal selia dalam entiti/negara masing-masing dalam skop fungsinya. Mereka disokong oleh pasukan pengurusan risiko masing-masing dengan sokongan daripada fungsi pengurusan risiko Kumpulan.
2. Fungsi pengurusan risiko ialah pasukan yang mengkhusus dalam risiko masing-masing dan bertanggungjawab dalam memantau dengan aktif pengurusan risiko fungsian seluruh Kumpulan dan menyokong pelbagai entiti/ketua pegawai risiko masing-masing. Pengurusan Risiko dan Kredit Kumpulan terdiri daripada Pengurusan Risiko Kredit Kumpulan, Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan, Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan, Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan, Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber Kumpulan, Pengurusan Risiko Syariah, Strategi dan Transformasi Risiko, Pengurusan Risiko Perniagaan, Pengurusan Kredit Kumpulan, Pengurusan Risiko Bank Pelaburan & Risiko Serantau dan Pengurusan Risiko Insurans.

Selera Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan Kumpulan dan objektif perniagaan keseluruhan setiap entiti dan profil risiko yang diinginkan. Ia menerangkan jenis dan tahap risiko Kumpulan bersedia menerima dalam menyampaikan strategi perniagaan dan melaporkannya melalui pelbagai metrik yang membolehkan Kumpulan menguruskan sumber modal dan jangkaan para pemegang saham.

Penjajaran strategi perniagaan Kumpulan dengan strategi risiko dan sebaliknya dinyatakan melalui penetapan selera risiko dan perniagaan tahunan Kumpulan, serta pelan belanjawan kewangan yang dipermudah oleh integrasi pelbagai langkah risiko dalam pengurusan modal.

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

56 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)


(a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

Ciri-ciri utama rangka kerja ialah (sambungan):

Budaya Risiko

Kumpulan berpegang kepada prinsip 'Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua' dan pengurusan risiko diurus melalui model 'tiga barisan pertahanan'. Unit perniagaan/fungsian entiti operasi masing-masing dalam Kumpulan bertanggungjawab secara kolektif untuk mengenal pasti, mengurus dan melapor risiko.

Pendekatan ini berdasarkan model 'tiga barisan pertahanan' seperti digambarkan di bawah:



Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko mengenal pasti, menaksir, mengukur, mengawal, memantau dan melapor/menganalisis. Ini memastikan bahawa pendedahan risiko dikendalikan dengan secukupnya dan pulangan yang menampung risiko yang diambil.

- Pengenalpastian: Pengenalpastian dan analisis risiko yang wujud dan potensi risiko adalah suatu proses yang berterusan bagi memudahkan dan mengenal pasti risiko dalam operasi perniagaan Kumpulan dengan proaktif dan tepat pada waktunya. Ini memastikan bahawa risiko boleh diurus dan dikawal mengikut selera risiko Kumpulan dan entiti khusus sekiranya perlu.
- Penilaian dan Pengukuran: Risiko diukur, dinilai dan diagregat menggunakan metodologi pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif menyeluruh, dan proses tersebut juga berfungsi sebagai alat penting kerana ianya menyediakan penilaian kecukupan modal dan kesolvenan.
- Mengawal: Risiko dikenal pasti ketika proses pengenalpastian hendaklah diurus secukupnya untuk mengawal kerugian risiko. Ia juga memastikan pendedahan risiko diurus dalam selera risiko Kumpulan atau entiti.
- Memantau: Proses memantau yang efektif memastikan bahawa Kumpulan menyedari keadaan pendedahan berbanding dengan selera diluluskan dan memudahkan pengenalpastian awal potensi masalah tepat pada masanya dengan menggunakan pemantauan yang sedang berlaku dan berterusan bagi pendedahan risiko dan pelbagai langkah mitigasi/kawalan risiko.
- Analisis dan Pelaporan: Analisis risiko dan laporan yang disediakan di entiti masing-masing dan peringkat disatukan serta di peringkat perniagaan sentiasa dirujuk kepada pihak pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah daripada entiti Kumpulan yang berkaitan untuk memastikan risiko kekal mengikut selera risiko yang ditetapkan dan bagi menyokong proses membuat keputusan yang bermaklumat

Pelaporan dan analitik juga dipertingkatkan secara berterusan untuk menyediakan risikan risiko kepada pihak berkepentingan berkaitan dalam Kumpulan untuk memudahkan membuat keputusan yang lebih berkesan.

56 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

Ciri-ciri utama rangka kerja ialah (sambungan):

Dokumentasi Risiko

Kumpulan mengiktiraf bahawa pelaksanaan sistem dan proses pengurusan risiko yang berkesan mesti disokong oleh set dokumentasi dan infrastruktur yang mantap. Bagi mencapai tujuan ini, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, dasar dan dokumen kawalan lain yang berkaitan bagi memastikan amalan dan proses yang jelas dilaksanakan secara konsisten seluruh Kumpulan.

Infrastruktur Risiko

Kumpulan menyusun sumber dan bakatnya ke dalam fungsi pengurusan risiko khusus, dan melabur dalam teknologi, termasuk pengurusan data untuk menyokong aktiviti pengurusan risiko Kumpulan. Warga kerja mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas, diberi akses kepada maklumat risiko yang relevan dan terkini, dan kebebasan untuk terus meningkatkan kecekapan melalui pembelajaran dan program pembangunan.

Sistem dan peralatan risiko direka bentuk untuk menyediakan kebolehcapaian maklumat risiko yang melengkapkan proses pengurusan risiko. Ketersediaan data untuk analitik dan pemantauan, papan pemuka dan pelaporan membantu dalam meningkatkan keupayaan pengurusan risiko secara berterusan. Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan telah berkembang menjadi papan pemuka yang berpandukan analitik yang merangkumi elemen unjuran kuantitatif dan kualitatif yang berpandangan ke hadapan.

Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan Kumpulan untuk mengkaji secara berterusan keupayaan pengurusan risikonya untuk menguruskan risiko dengan berkesan dan menambah baik amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan. Oleh itu, Kumpulan telah memulakan perjalanan transformasi yang berusaha untuk penambahbaikan bagi kecekapan dan keberkesanan yang lebih baik.

Bidang risiko utama

Sebagai sebuah institusi perbankan dengan aktiviti utama meliputi perbankan runcit, perbankan perniagaan, perbankan korporat dan khidmat nasihat serta produk dan perkhidmatan perbendaharaan dan perniagaan berkaitan sekuriti dan niaga hadapan, Kumpulan tertakluk kepada risiko perniagaan yang wujud dalam industri perkhidmatan kewangan. Biasanya, risiko perniagaan boleh dikelaskan secara meluas seperti berikut:

SGS bertujuan untuk memotivasikan pekerja, menarik bakat dan mengekalkan pekerja utama menerusi geran saham biasa di Bank ('Saham RHB Bank') sehingga 2% daripada jumlah bilangan saham terbitan Bank (tidak termasuk saham perbendaharaan, sekiranya ada) pada bila-bila masa ketika tempoh SGS bagi warga kerja dan Pengarah Eksekutif Bank dan syarikat subsidiarinya (tidak termasuk syarikat subsidiari yang dormant) yang memenuhi kriteria kelayakan ('Pekerja Layak'). SGS akan ditadbir oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga ('BNRC') yang terdiri daripada individu tertentu yang akan dilantik oleh pihak Lembaga dari semasa ke semasa dan akan berkuat kuasa untuk tempoh sembilan tahun bermula dari tarikh kuat kuasa pelaksanaan SGS.

Pada 4 Julai 2022, Bank telah membuat tawaran sebanyak 4,685,000 Saham RHB Bank pada RM5.71 sesaham kepada Pekerja Layak, dengan tempoh letak hak saham yang ditawarkan adalah 3 tahun dari tarikh peristiwa. Perbelanjaan berkaitan SGS diiktiraf dalam penyata kewangan dari tarikh tawaran berkuat kuasa menurut MFRS 2 'Bayaran Berasaskan Saham'.

Pergerakan saham SGS yang diberikan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tarikh tawaran	Pada 1 Januari 2022 Unit '000	Tawaran Unit' 000	Dilucuthakkan Unit' 000	Pada 31 Disember 2022 Unit '000
4 Julai 2022	-	4,685	(128)	4,557

Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

59 PERISTIWA PENTING SEMASA TAHUN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tahun Semasa

(3) Memorandum Persefahaman ('MoU') dengan Axiata Group Berhad ('Kumpulan Axiata')

Pada 2 Jun 2021, Bank telah memeterai MoU dengan Kumpulan Axiata untuk bersama-sama meneroka potensi peluang kerjasama strategik yang berikut:

- (i) untuk meningkatkan ekosistem pelanggan bersama yang menawarkan penyelesaian digital yang digabungkan;
- (ii) untuk bersama-sama memohon kepada BNM untuk mendapatkan lesen perbankan digital; dan
- (iii) untuk sama-sama meneroka peluang potensi lain yang bersesuaian.

Tempoh MoU adalah untuk tempoh dua tahun dari tarikh pemulaannya pada 2 Jun 2021 dan boleh dilanjutkan pada syarat yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak.

Berikutan pemeteraian MoU itu, Bank pada hari yang sama telah memeterai perjanjian dengan Boost Holdings Sdn Bhd ('Boost Holdings'), anak syarikat 75.36% Axiata bagi tujuan mengawal selia terma permohonan bersama kepada BNM untuk lesen perbankan digital. Permohonan bersama untuk lesen perbankan digital telah dikemukakan kepada BNM pada 30 Jun 2021.

Pada 29 April 2022, Bank telah menerima kelulusan bersyarat daripada BNM untuk permohonan bersama bagi lesen perbankan digital oleh Boost Holdings dan Bank, tertakluk kepada syarat bahawa bank digital yang dicadangkan hendaklah memulakan operasi dalam tempoh 24 bulan dari 8 April 2022.

Tertakluk kepada memenuhi keperluan kesediaan operasi oleh BNM dan kalau tiada sebarang kejadian yang tidak dijangka, cadangan perbankan digital disasarkan untuk beroperasi pada separuh kedua 2023, dan akan memberi tumpuan kepada mereka yang kurang mendapat perkhidmatan, tidak mendapat perkhidmatan dan/atau segmen yang tidak mempunyai akaun bank terutamanya dalam Malaysia dengan tujuan membina sektor kewangan yang lebih inklusif di Malaysia.

(4) Cadangan penamatan operasi perniagaan syarikat subsidiari di Hong Kong

RHB Hong Kong Limited ('RHB Hong Kong') dan syarikat subsidiarinya (secara kolektif, 'Kumpulan RHB Hong Kong'), pada 4 Disember 2019 telah memutuskan bahawa mereka akan mula menamatkan operasi perniagaan ('Cadangan Penamatan'). RHB Hong Kong ialah syarikat subsidiari milik penuh RHB Investment Bank, yang seterusnya merupakan syarikat subsidiari milik penuh Bank.

Menurut Cadangan Penamatan, Kumpulan RHB Hong Kong akan menghentikan penawaran perkhidmatan kewangan kepada pelanggan sedia ada dan mereka yang berpotensi menjadi pelanggan secara beransur-ansur. RHB Investment Bank, selaku pemegang saham Kumpulan RHB Hong Kong akan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk memastikan penutupan operasi perniagaan yang teratur.

Persekitaran operasi pembrokeran yang semakin mencabar di Hong Kong telah menyebabkan kerugian dicatatkan bagi Kumpulan RHB Hong Kong. Akibatnya, tiada situasi yang berdaya maju bagi Kumpulan RHB Hong Kong untuk meneruskan operasi perniagaannya. Cadangan Penamatan akan membolehkan RHB Investment Bank untuk fokus semula kepada pelbagai usaha dan sumber dalam memacu pertumbuhan jangka panjang dalam pasaran ASEAN lain selari dengan strategi lebih besar Kumpulan Perbankan RHB.

59 PERISTIWA PENTING SEMASA TAHUN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tahun Terdahulu

(5) Pelupusan RHB International Trust (L) Ltd ('RHBIT')

Pada 11 Mac 2021, RHB Bank (L) Ltd ('RHBBL') telah menyempurnakan pelupusan semua kepentingan ekuiti dalam RHBIT kepada Pacific Trustees Berhad untuk pertimbangan tunai sebanyak USD173,490 (bersamaan dengan RM713,000).

Sebelum penyempurnaan pelupusan RHBIT, RHBBL telah pada 1 Mac 2021 menyempurnakan pemerolehan semua kepentingan ekuiti RHB Corporate Services Sdn Bhd ('RHBCS') daripada RHBIT untuk pertimbangan tunai sebanyak RM470,041 (bersamaan dengan USD115,396).

Aliran tunai dan aset bersih RHBIT pada tarikh pelupusan adalah seperti berikut:

	RM'000
Tunai dan dana jangka pendek	337
Deposit berkanun	102
Lain-lain aset	19
Lain-lain liabiliti	(191)
Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	(6)
Peruntukan cukai	(97)
Rizab terjemahan	(203)
Jumlah liabiliti bersih dinyahiktiraf	(39)
Keuntungan ke atas pelupusan syarikat subsidiari	752
Pertimbangan jualan	713
Tolak: Pertimbangan luar jangka	(219)
Aliran masuk tunai ke atas pelupusan syarikat subsidiari	494

Keputusan kewangan daripada pelupusan tersebut dalam tempoh antara awal tahun kewangan hingga tarikh pelupusan tidak ketara kepada Kumpulan.

60 PERISTIWA SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Pada 19 Januari 2023, Bank telah menerbitkan Nota Subordinat dengan nilai nominal RM500 juta di bawah program RM5 bilion (atau setara dengannya dala mata wang lain) nota jangka sederhana pelbagai mata wang. Nota Subordinat diterbitkan untuk tempoh 10 tidak boleh dipanggil 5 tahun dengan kadar kupon tetap 4.51% setahun, dibayar setiap setengah tahun secara tertunggak sepanjang tempoh nota tersebut.

Penyata Para Pengarah

Menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir dan Mohd Rashid Mohamad, selaku dua orang Pengarah RHB Bank Berhad menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 8 hingga 195 telah dinyatakan agar memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah:

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
PENGERUSI

MOHD RASHID MOHAMAD
PENGARAH PENGURUSAN KUMPULAN

Kuala Lumpur
27 Februari 2023

Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 251(1) Akta Syarikat 2016

Saya, Nik Rizal Kamil, selaku Pegawai utama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan RHB Bank Berhad, mengakui dengan ikhlas dan sesungguhnya bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 8 hingga 195 adalah, pada pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh keyakinan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

NIK RIZAL KAMIL
(Keahlian MIA No: 50894)

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh yang bernama di atas, Nik Rizal Kamil di Kuala Lumpur, Malaysia pada 27 Februari 2023.

PESURUHJAYA SUMPAH
Kuala Lumpur

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli-ahli RHB Bank Berhad

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan RHB Bank Berhad ('Bank') dan syarikat subsidiari ('Kumpulan') memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2022, dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Apa yang telah kami audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Bank, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022 bagi Kumpulan dan Bank, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 8 hingga 195.

Asas kepada pendapat

Kami telah melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian 'Tanggungjawab Juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan' di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Kumpulan dan Bank menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ('Undang-undang Kecil') dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ('Kod IESBA'), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Pendekatan audit kami

Sebagai sebahagian daripada usaha pembentukan audit, kami telah menentukan kematangan dan menilai risiko-risiko bagi salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Khususnya, kami mengambil kira bilamana para Pengarah membuat pertimbangan yang subjektif; sebagai contoh, berhubung dengan anggaran perakaunan penting yang melibatkan membuat andaian dan mempertimbangkan peristiwa masa hadapan yang tidak pasti. Sebagaimana dalam semua pengauditan, kami juga menangani isu risiko pengurusan mengetepikan kawalan dalaman, termasuk antara perkara lain, pertimbangan sama ada terdapat bukti berat sebelah yang mewakili risiko salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan.

Kami telah membentuk skop pengauditan untuk melaksanakan kerja-kerja yang mencukupi bagi membolehkan kami memberi pendapat ke atas penyata kewangan secara keseluruhan, dengan mengambil kira struktur Kumpulan dan Bank, proses perakaunan dan kawalan, serta industri yang Kumpulan dan Bank beroperasi.

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli-ahli RHB Bank Berhad

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara-perkara utama audit

Perkara-perkara utama audit, menurut pertimbangan profesional kami, adalah perkara-perkara paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan semasa. Perkara-perkara ini ditangani dalam konteks pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami selanjutnya, dan kami tidak memberikan pendapat berasingan mengenai perkara-perkara tersebut.

Perkara utama audit	Bagaimana pengauditan kami menangani perkara utama audit
<p><i>Peruntukan bagi kerugian kredit pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan bagi Kumpulan dan Bank</i></p> <p>Rujuk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dasar perakaunan 22; - Anggaran perakaunan kritikal (2); dan - Nota 7, 8, 44, 56(e)(vii) kepada penyata kewangan. <p>MFRS 9 memperkenalkan model rosot nilai kerugian kredit dijangka ('ECL') yang memerlukan penggunaan model-model yang kompleks dan andaian penting mengenai keadaan ekonomi masa hadapan dan tingkah laku kredit.</p> <p>Bidang ini memerlukan tumpuan kerana para Pengarah membuat pertimbangan penting dalam menggunakan keperluan perakaunan untuk mengukur ECL, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memilih model penilaian kolektif yang bersesuaian bagi pengiraan ECL. Model-model tersebut sememangnya kompleks dan pertimbangan digunakan dalam menentukan struktur model yang sesuai; - Mengenal pasti pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan bagi yang telah mengalami peningkatan risiko kredit yang ketara; dan - Andaian yang digunakan di dalam model ECL seperti jangkaan aliran tunai masa hadapan, faktor makroekonomi yang berpandangan jauh, dan set-set data yang akan digunakan sebagai input kepada model tersebut, termasuk mengenal pasti dan mengira pelarasan kepada output model (pelarasan tindihan model) 	<p><u>Penilaian individu</u></p> <p>Kami telah menilai reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan ke atas proses mengenal pasti pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan yang telah mengalami peningkatan ketara dalam risiko kredit, proses mengenal pasti peristiwa kerugian dan proses unjuran aliran tunai masa hadapan bagi menentukan jumlah ECL. Di samping itu, kami telah menguji sampel pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan yang dipilih berdasarkan risiko dengan tumpuan khusus pada kesan COVID-19 terhadap industri berisiko tinggi, dan membentuk pendapat kami sama ada penilaian yang telah dilakukan oleh para Pengarah ke atas berlakunya peristiwa kerugian atau peningkatan risiko kredit yang ketara adalah wajar. Di mana peristiwa kerugian atau peningkatan risiko kredit yang ketara telah dikenal pasti, kami menyemak ECL yang dikira bagi pendedahan yang ditaksir secara individu. Kami menyemak unjuran aliran tunai masa hadapan yang disediakan oleh para Pengarah untuk mengira jumlah ECL. Kami menilai kewajaran andaian yang mendasari aliran tunai yang diunjurkan. Di samping itu, kami telah membandingkan anggaran nilai cagaran di dalam unjuran aliran tunai dengan laporan-laporan penilaian luaran.</p> <p><u>Penilaian kolektif</u></p> <p>Untuk menentukan kesesuaian model ECL penilaian kolektif MFRS 9 yang dilaksanakan oleh Kumpulan dan Bank, kami telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menilai kaedah yang wujud di dalam model ECL penilaian kolektif yang digunakan terhadap keperluan MFRS 9; - Menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan berkaitan dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Tadbir urus dan pembangunan model, termasuk pembinaan model, kelulusan model dan pengesahan model; • Data yang digunakan untuk menentukan peruntukan bagi kerugian kredit; dan • Pengiraan, semakan dan kelulusan terhadap pengiraan ECL - Menilai dan mempertimbangkan kemunasabahan andaian ramalan masa depan; - Menilai dan menguji pengenalpastian dan pengiraan pelarasan tindihan kepada ECL disebabkan oleh kesan COVID-19; - Memeriksa ketepatan data dan pengiraan jumlah ECL, berdasarkan sample. <p>Berdasarkan prosedur-prosedur di atas, keputusan penilaian kami terhadap peruntukan bagi kerugian kredit bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan adalah selaras dengan penilaian para Pengarah.</p>

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara-perkara utama audit (sambungan)

Perkara utama audit	Bagaimana pengauditan kami menangani perkara utama audit
<p><i>Ujian kemerosotan muhibah bagi Kumpulan</i></p> <p>Rujuk kepada dasar perakaunan 7, anggaran perakaunan kritikal (3) dan Nota 19 kepada penyata kewangan.</p> <p>Sebagaimana yang diperlukan oleh MFRS 136, penilaian kemerosotan tahunan dilakukan ke atas baki muhibah berjumlah RM2,654.1 juta. Jumlah boleh diperoleh semula daripada setiap unit penajaan tunai (CGU) dengan muhibah yang diperuntukkan ditentukan berdasarkan nilai yang lebih tinggi di antara nilai yang digunakan ("VIU") dan nilai saksama ditolak kos pelupusan. Para Pengarah telah menentukan VIU sebagai jumlah boleh diperoleh semula untuk CGU.</p> <p>Kami memberi tumpuan kepada bidang ini kerana saiz jumlah bawaan muhibah, yang mewakili 0.85% daripada jumlah aset dan kerana para Pengarah membuat anggaran yang ketara mengenai aliran tunai masa depan CGU ini dan kadar diskaun yang dikenakan terhadap setiap CGU.</p>	<p>Kami telah menguji penilaian kemerosotan muhibah oleh para Pengarah dengan melaksanakan prosedur-prosedur berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bersetuju dengan unjuran aliran tunai setiap CGU kepada bajet yang diluluskan oleh para Pengarah bagi CGU masing-masing. Kami juga membandingkan unjuran sebelumnya kepada keputusan sebenar setiap CGU untuk menilai kewajaran andaian yang digunakan dalam unjuran aliran tunai; - Menilai kewajaran kadar diskaun yang mencerminkan risiko khusus yang berkaitan dengan setiap CGU berdasarkan maklumat luaran; - Menilai kewajaran kadar pertumbuhan melebihi tiga tahun ('Kadar Pertumbuhan Terminal') berdasarkan hasil sejarah, tinjauan ekonomi dan ramalan industri; dan - Melaksanakan analisis kepekaan ke atas Kadar Pertumbuhan Terminal dan kadar diskaun yang digunakan dalam penentuan aliran tunai VIU untuk menilai potensi kesan kemungkinan perubahan yang munasabah kepada mana-mana andaian ini ke atas jumlah yang boleh diperoleh semula untuk setiap CGU. <p>Berdasarkan bukti yang diperoleh, kami mendapati bahawa andaian yang digunakan oleh para Pengarah dalam penilaian rosot nilai muhibah adalah konsisten dengan pemahaman kami.</p>

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Bank bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Pengarah, yang telah kami peroleh sebelum tarikh laporan juruaudit ini, dan Laporan Tahunan, yang dijangkakan akan dikemukakan kepada kami selepas tarikh tersebut, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Bank serta laporan juruaudit kami.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak selaras secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Bank atau maklumat yang kami peroleh daripada audit atau sebaliknya nampak salah nyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan tugas yang telah dilaksanakan, menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara tentang maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan berhubung perkara ini.

Tanggungjawab para Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Bank bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Bank untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Bank atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli-ahli RHB Bank Berhad

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan

Objektif kami ialah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Bank secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah merupakan satu tahap jaminan yang tinggi, namun bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara. Salah nyata boleh wujud daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau agregat, ia secara munasabah dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menjadi asas bagi pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan sengaja, salah nyata, atau mengetepikan kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi membolehkan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Bank.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Kumpulan atau Bank meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan atau Bank menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Bank mewakili urusan niaga dan peristiwa asas dalam cara yang mencapai pembentangan yang saksama.
- (f) Mendapatkan bukti audit yang mencukupi berkaitan dengan maklumat kewangan entiti atau aktiviti syarikat dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat terhadap penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap hala tuju, pengawasan dan prestasi audit kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya atas pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, merancang skop dan masa pengauditan serta dapatan audit yang signifikan, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Kami juga menyediakan kenyataan kepada para Pengarah bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan berkomunikasi dengan mereka tentang hubungan dan perkara lain yang secara munasabahnya boleh dianggap mempengaruhi kebebasan kami, dan jika berkenaan, tindakan yang diambil untuk menghapuskan ancaman atau perlindungan yang digunakan.

Berdasarkan perkara yang telah dimaklumkan kepada para Pengarah, kami mengenal pasti perkara yang paling penting dalam mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan semasa dan oleh itu merupakan perkara audit utama. Kami menerangkan perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan jika undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam tentang perkara itu atau apabila, dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara itu tidak perlu dinyatakan dalam laporan kami kerana kesan buruk daripada perbuatan demikian akan secara munasabahnya dijangka jauh melebihi manfaat kepentingan awam susulan daripada komunikasi demikian.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA YANG LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami melaporkan bahawa syarikat subsidiari yang tidak kami audit dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli-ahli Bank, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan-akauntan Bertauliah

ONG CHING CHUAN
02907/11/2023 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
27 Februari 2023

PENDEDAHAN BASEL II TUNGGAK 3

PADA 31 DISEMBER 2022

204	Kenyataan oleh Pengarah Urusan Kumpulan	232	Penggunaan Penarafan Luaran
205	Pengenalan	234	Model Penarafan Kredit Dalaman
206	Skop Aplikasi	243	Pemantauan dan Kawalan Risiko Kredit
207	Pengurusan Modal	249	Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/ Pembiayaan
208	Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)	257	Risiko Pasaran
208	Pelaksanaan Basel III	260	Pendedahan Ekuiti dalam Buku Perbankan
209	Nisbah Kecukupan Modal	261	Risiko Kecairan
210	Keperluan Modal Minimum dan Aset Berwajaran Risiko (RWA)	262	Risiko Kadar Faedah/Kadar Risiko Pulangan dalam Buku Perbankan
212	Struktur Modal	264	Risiko Operasi
213	Pengurusan Risiko	268	Risiko Rentas Sempadan Negara
215	Risiko Kredit	268	Risiko Reputasi
216	Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit	268	Risiko Ketidakpatuhan Syariah dan Tadbir Urus
216	Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit	270	Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan (PSIA)
218	Pendedahan Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga (CCR)	272	Kenyataan-kenyataan Memandang Ke Hadapan
218	Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan		



No. Jadual	Deskripsi	Muka surat
Jadual 1	Nisbah Kecukupan Modal	209
Jadual 2	Aset Berwajaran Risiko (RWA) mengikut Jenis-jenis Risiko	210
Jadual 3a & 3b	Aset Berwajaran Risiko mengikut Jenis-jenis Risiko dan Keperluan Modal Minimum	210-211
Jadual 4	Struktur Modal	212
Jadual 5a & 5b	Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Pengurangan Risiko Kredit (CRM) mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira)	219-222
Jadual 6a & 6b	Pendedahan pada Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit)	223-224
Jadual 7a & 7b	Pendedahan Risiko Kredit (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) mengikut Pengagihan Geografi	225-226
Jadual 8a & 8b	Pendedahan Risiko Kredit (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) mengikut Sektor Industri	227-228
Jadual 9a & 9b	Pendedahan Risiko Kredit (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) mengikut Baki Kematangan	229-230
Jadual 10a & 10b	Portfolio di bawah Pendekatan Seragam mengikut Wajaran Risiko	231
Jadual 11a & 11b	Pendedahan Berkadar Mengikut Penarafan oleh Institusi-institusi Penilaian Kredit Luaran (ECAIs)	232-233
Jadual 12a & 12b	Pendedahan Tertakluk kepada Wajaran Risiko Penyelesaian di bawah Pendekatan IRB	236
Jadual 13a & 13b	Pendedahan di bawah Pendekatan IRB mengikut Jalur PD, Pendedahan Purata Wajaran Kerugian Akibat Keingkaran (LGD) dan Pendedahan Purata Wajaran Risiko	237-240
Jadual 14a & 14b	Pendedahan di bawah Pendekatan A-IRB mengikut Julat EL dan Pendedahan Purata Wajaran Risiko	241-242
Jadual 15	Pendedahan di bawah Pendekatan IRB mengikut Kerugian Sebenar berbanding Kerugian Dijangka	243
Jadual 16a & 16b	Pengurangan Risiko Kredit Portfolio di bawah Pendekatan Seragam	244-245
Jadual 17a & 17b	Pengurangan Risiko Kredit Portfolio di bawah Pendekatan IRB	246-247
Jadual 18a & 18b	Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Sektor Industri	252
Jadual 19	Caj Bersih/(Masuk Kira Semula) dan Hapus Kira Pinjaman/Pembiayaan bagi Rosot Nilai mengikut Sektor Industri	253
Jadual 20a & 20b	Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Pengagihan Geografi	254
Jadual 21a & 21b	Penyesuaian Perubahan kepada Peruntukan Pinjaman/Pembiayaan bagi Kerugian Kredit	255-256
Jadual 22a & 22b	Aset Berwajaran Risiko Pasaran dan Keperluan Modal Minimum	258-259
Jadual 23	Pendedahan Ekuiti dalam Buku Perbankan	260
Jadual 24a & 24b	Risiko Kadar Faedah/Kadar Risiko Pulangan dalam Buku Perbankan	263
Jadual 25a & 25b	Aset Berwajaran Risiko Operasi dan Keperluan Modal Minimum	267
Jadual 26	Pendedahan Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan	272
Jadual 27	Glosari Istilah	273

Kenyataan oleh Pengarah Urusan Kumpulan

Selaras dengan keperluan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II) - Keperluan Pendedahan (Tunggak 3), dan bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan RHB Bank Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan penyaksian bahawa pendedahan Basel II Tunggak 3 RHB Bank Berhad bagi tahun kewangan 31 Disember 2022 adalah tepat dan lengkap.

MOHD RASHID BIN MOHAMAD
Pengarah Urusan Kumpulan

PENDEDAHAN BASEL II TUNGGAK 3


Pada 31 Disember 2022

1.0 PENGENALAN

Dokumen ini menerangkan profil risiko, amalan pengurusan risiko dan kedudukan kecukupan modal Kumpulan Perbankan RHB selaras dengan keperluan pendedahan seperti digariskan dalam Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II) – Keperluan Pendedahan (Tunggak 3) diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (Garis Panduan Tunggak 3 BNM).

Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - Aset Berwajaran Risiko) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Aset Berwajaran Risiko) menyediakan dan menetapkan pendekatan bagi mengukur aset berwajaran risiko untuk risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi.

Basel II memperkenalkan pendekatan berasaskan risiko bagi modal kawal selia dengan caj berbeza bagi risiko operasi di samping caj pasaran risiko pasaran dan kredit sedia ada. Basel II dirangka sebagai pemangkin bagi teknik pengurusan risiko yang lebih maju, budaya pengurusan risiko perusahaan yang menyeluruh dan peningkatan dalam tadbir urus dan pendedahan awam. Pendekatan Basel II berdasarkan tiga tunggak boleh digambarkan seperti di bawah:



Tunggak 1 menyediakan garis panduan bagi pengiraan aset berwajaran risiko untuk risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi, dan amaun minimum modal kawal selia yang mesti dipegang oleh bank-bank terhadap risiko ditanggung. Bagi tujuan mematuhi keperluan pengawalseliaan di bawah Tunggak 1 Basel II, pendekatan yang diguna pakai oleh entiti-entiti perbankan masing-masing dalam Kumpulan adalah seperti berikut:

Entiti	Risiko kredit	Risiko Pasaran	Risiko Operasi
RHB Bank Berhad	Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam	Pendekatan Seragam	Pendekatan Penunjuk Asas
RHB Islamic Bank Berhad			
RHB Investment Bank Berhad	Pendekatan Seragam		

Tunggak 2 mempunyai dua komponen seperti berikut:

- Meletakkan obligasi ke atas bank-bank untuk membangunkan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko dan persekitaran kawalan institusi perbankan; dan
- Meletakkan obligasi ke atas pihak berkuasa kawal selia untuk menilai sejauh mana institusi-institusi perbankan menilai keperluan modal mereka berbanding risiko dan mengambil tindakan, sekiranya perlu.

Tunggak 3 merangkumi komunikasi luaran tentang risiko dan maklumat modal oleh bank. Tujuan pendedahan Tunggak 3 adalah untuk melengkapkan keperluan modal minimum di bawah Tunggak 1 dan proses kajian semula penyeliaan di bawah Tunggak 2 dengan menggalakkan kecekapan pasaran menerusi set keperluan pendedahan yang membenarkan peserta pasaran untuk mengakses maklumat mengenai struktur modal institusi perbankan, pendedahan risiko, proses pengurusan risiko dan kecukupan modal secara keseluruhannya.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

1.0 PENGENALAN (SAMBUNGAN)

Asas Pendedahan

Laporan pendedahan Tunggak 3 tahunan diterbitkan selaras dengan Garis Panduan Tunggak 3 BNM. Laporan pendedahan ini telah disahkan dan diluluskan secara dalaman sejajar dengan Polisi Pendedahan Basel II Tunggak 3: Kumpulan Perbankan RHB.

Maklumat Perbandingan

Dokumen ini merangkumi maklumat kualitatif dan kuantitatif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dengan maklumat kuantitatif berbanding tahun kewangan sebelumnya berakhir 31 Disember 2021.

Kekerapan Pendedahan

Pendedahan kualitatif yang terkandung di sini dikemas kini setiap tahun atau lebih kerap jika terdapat perubahan ketara dalam tempoh pelaporan interim. Pendedahan mengenai kecukupan modal dan struktur dibuat setiap suku tahunan dan semua pendedahan kuantitatif lain dibuat setiap setengah tahun selaras dengan tempoh pelaporan Kumpulan.

Medium dan Lokasi Pendedahan

Laporan pendedahan Tunggak 3 Kumpulan boleh didapati di bawah bahagian Perhubungan Pelabur laman sesawang Kumpulan di www.rhbgroup.com sebagai laporan berasingan dalam Laporan Tahunan Kumpulan 2022 selepas nota-nota penyata kewangan.

2.0 SKOP APLIKASI

Dalam dokumen Tunggak 3 ini, maklumat RHB Bank Berhad dibentangkan secara disatukan, iaitu RHB Bank Berhad dengan operasi luar negara dan syarikat-syarikat subsidiarinya dan dirujuk sebagai "Kumpulan Perbankan RHB" atau "Kumpulan".

Keperluan modal Kumpulan secara amnya adalah berdasarkan prinsip penyatuan yang diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangannya, kecuali di mana jenis pelaburan akan ditolak daripada modal yang layak selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Komponen Modal).

Selaras dengan piawaian perakaunan bagi pelaporan kewangan, semua syarikat subsidiari Kumpulan Perbankan RHB disatukan sepenuhnya mulai tarikh kawalan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Rujuk Nota 5 kepada penyata kewangan untuk senarai entiti-entiti disatukan.

Kumpulan Perbankan RHB menawarkan pekhidmatan kewangan perbankan Islam menerusi syarikat subsidiari milik sepenuhnya, RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic Bank).

Pemindahan dana atau modal kawal selia dalam Kumpulan Perbankan RHB tertakluk kepada kelulusan pemegang saham dan kawal selia.

Pada tahun kewangan 2022, tiada ketidakcukupan modal dalam RHB Bank Berhad atau mana-mana syarikat subsidiarinya.

3.0 PENGURUSAN MODAL

Objektif keseluruhan pengurusan modal adalah untuk mengurus modal dengan berhemat dan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk memacu pertumbuhan perniagaan mampan dan mencari peluang-peluang strategik bagi menambah nilai pemegang saham dan berada sejajar dengan selera risiko.

Kecukupan modal ialah sejauh mana sumber modal pada kunci kira-kira Kumpulan mencukupi untuk menampung keperluan modal perniagaan sekarang dan pada masa hadapan yang boleh dijangka. Ia juga menunjukkan keupayaan Kumpulan untuk menyediakan pembiayaan merentasi kitaran perniagaan dan memenuhi sebarang kontingensi tanpa menjejaskan kepentingan pendeposit dan pelabur. Kumpulan menyasarkan untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk memacu pertumbuhan perniagaan yang mampan menerusi struktur modal yang optimum sambil memenuhi keperluan kawal selia.

Pengurusan modal komprehensif Kumpulan menyasarkan untuk mewujudkan amalan pengurusan modal yang mantap sejajar dengan keperluan ICAAP BNM. Aktiviti utama pengurusan modal kami melibatkan perkara berikut:

- **Strategi Modal**

Strategi modal termasuk penentuan sasaran modal di bawah kedua-dua keadaan pasaran biasa dan tertekan di mana pertimbangan diberikan kepada objektif strategik perniagaan dan risiko yang berkaitan, penarafan luaran dan keperluan kecukupan modal kawal selia. Penilaian kecukupan modal yang komprehensif dilaksanakan setiap setengah tahun untuk memastikan tahap modal sasaran adalah bersesuaian.

- **Perancangan Modal**

Berdasarkan hala tuju strategik dan keperluan kawal selia, Kumpulan merumuskan pelan modal yang komprehensif dan memandang ke hadapan untuk:

- menyokong profil risiko keseluruhan dan meramal permintaan modal untuk risiko-risiko ketara di mana modal dipegang dianggap sesuai dan sejajar dengan selera risiko Kumpulan;
- menyediakan modal yang mencukupi untuk pertumbuhan perniagaan, perubahan dalam campuran aset atau untuk liputan kerugian tidak dijangka.

Pelan modal menerangkan tindakan yang diperlu diambil untuk mendapatkan modal tepat pada masanya dalam kedua-dua keadaan biasa dan tertekan seperti yang diandaikan dalam senario tekanan. Bagi tujuan perancangan modal, kecukupan modal dinilai dalam unjuran kewangan pelbagai tahun di bawah kedua-dua senario biasa dan tertekan, yang objektifnya adalah untuk memastikan Kumpulan mengekalkan modal yang mencukupi berasaskan perancangan hadapan.

Kumpulan juga mewujudkan pelan pembiayaan luar jangka modal yang membentuk sebahagian daripada pelan modal. Pelan modal, bersama dengan analisis dan tindakan yang dicadangkan, dikaji semula oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan dibincangkan di jawatankuasa masing-masing sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah yang berkaitan untuk kelulusan.

- **Peruntukan/Penstruktur/Pengoptimuman Modal**

Kumpulan menentukan jumlah modal yang diperuntukkan kepada setiap entiti dan talian perniagaan berdasarkan sasaran prestasi modal dan pembiayaan yang tersedia. Peruntukan modal yang cekap mendorong pulangan untuk para pemegang saham Kumpulan.

Penstruktur modal memberi kesan kepada Kumpulan menerusi kesannya ke atas aliran tunai dan kos modal. Kumpulan mengguna pakai penstruktur modal yang memaksimumkan nilai dan meminimumkan kos keseluruhan modal. Bagi mencapai struktur modal yang optimum, Kumpulan menentukan tahap, campuran dan struktur modal dalaman dan kawal selia selaras dengan tahap aktiviti perniagaan semasa dan terancang, selera risiko dan tahap kecukupan modal yang diingini.

Kumpulan mengoptimumkan modalnya dengan menyepadukan modal berasaskan risiko ke dalam strateginya dan menyelaraskan ini dengan pengukuran prestasi.

Kumpulan juga menyasar untuk mencapai keseimbangan antara pembayaran dividen dan keperluan untuk mengekalkan pendapatan agar konsisten dengan kekuatan modalnya sambil menyokong pengembangan perniagaan. Lembaga mengkaji semula cadangan pembayaran dividen setiap tahun.


Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

3.1 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)

Selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai ICAAP di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II) – Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Tunggak 2) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (CAFIB) – Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Tunggak 2), Kumpulan melaksanakan ICAAP dengan objektif untuk membentuk penjabaran yang kukuh antara risiko dan modal. Kecukupan modal dinilai berhubung dengan profil risiko Kumpulan dan strategi yang ditetapkan untuk mengekalkan tahap modal yang bersesuaian.

Rangka Kerja ICAAP yang dibangunkan dan diterima pakai di seluruh Kumpulan meringkaskan keperluan utama ICAAP kepada dua kategori berfungsi, iaitu; Pengukuran ICAAP dan Pengurusan ICAAP seperti yang digambarkan di bawah:



3.2 Pelaksanaan Basel III

Basel III ialah satu set langkah pembaharuan yang komprehensif yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan sejak 2010 untuk mengukuhkan peraturan, penyeliaan dan pengurusan risiko sektor perbankan. Langkah-langkah tersebut termasuk kedua-dua kecairan dan pembaharuan modal.

Kumpulan telah melaksanakan Basel III untuk pengurusan modal dan kecairan. Nisbah modal Kumpulan; Nisbah Perlindungan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) ditetapkan melebihi keperluan kawal selia seperti yang diperlukan di bawah Basel III. Walaupun BNM telah memberikan kelonggaran semasa tempoh pandemik, Kumpulan dapat mengekalkan LCR dan NSFR melebihi keperluan kawal selia Basel III sebanyak 100%.

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

3.3 Nisbah Kecukupan Modal

Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM dan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank-bank Islam (Komponen Modal) menetapkan keperluan am mengenai kecukupan modal kawal selia dan komponen modal kawal selia yang layak. Institusi perbankan dikehendaki mengekalkan, pada setiap masa, nisbah kecukupan modal minimum berikut:

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap I (CET I)	4.5%
Nisbah Modal Tahap I	6.0%
Jumlah Nisbah Modal	8.0%

Di samping itu, Kumpulan dikehendaki mengekalkan penampunan modal tambahan dalam bentuk modal CET I melebihi nilai minimum CET I, Tahap I dan jumlah nisbah modal yang dinyatakan di atas. Penampunan modal hendaklah terdiri daripada penampunan pemuliharaan modal (CCB) sebanyak 2.50% dan penampunan modal kitaran balas (CCyB) antara 0% hingga 2.50%. CCB bertujuan untuk membolehkan sistem perbankan menghadapi tekanan masa hadapan manakala CCyB bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhannya daripada pembentukan risiko sistemik ketika peningkatan ekonomi apabila pertumbuhan kredit agregat cenderung berlebihan. CCyB ditentukan berdasarkan purata wajaran kadar CCyB yang terpakai dalam bidang kuasa Kumpulan apabila Kumpulan mempunyai pendedahan kredit. BNM akan memaklumkan sebarang keputusan mengenai kadar CCyB sehingga 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut digunakan.

Selaras dengan Rangka Kerja Bank Domestik Penting Secara Sistemik (D-SIB) BNM, Kumpulan tidak ditetapkan sebagai D-SIB dalam Kajian Kestabilan Kewangan untuk Separuh Pertama 2022. Walaupun Kumpulan tidak perlu mengekalkan penampunan modal yang lebih tinggi, penetapan status D-SIB akan terus dipantau dengan teliti untuk sebarang perubahan.

Nisbah modal RHB Bank Berhad berasaskan penyatuan (Kumpulan Perbankan RHB), RHB Bank Berhad berasaskan global (RHB Bank), RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 adalah:

Jadual 1: Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah Modal	Kumpulan Perbankan RHB		RHB Bank		RHB Islamic Bank		RHB Investment Bank	
	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021
Sebelum cadangan dividen								
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap I	17.593%	17.831%	16.036%	16.094%	17.828%	17.635%	31.348%	29.319%
Nisbah Modal Tahap I	17.593%	17.831%	16.036%	16.094%	17.828%	17.635%	31.348%	29.319%
Jumlah Nisbah Modal	20.039%	20.455%	18.644%	19.083%	20.826%	20.780%	37.528%	40.027%
Selepas cadangan dividen dan DRP*								
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap I	16.887%	17.200%	15.061%	15.220%	17.033%	16.849%	29.058%	24.231%
Nisbah Modal Tahap I	16.887%	17.201%	15.061%	15.220%	17.033%	16.849%	29.058%	24.231%
Jumlah Nisbah Modal	19.333%	19.825%	17.669%	18.210%	20.031%	19.994%	35.238%	34.938%

* Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan/mencadangkan dividen berikut:

- Dividen interim kedua peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, berjumlah RM1,061,843,000, terdiri daripada bahagian tunai 20.0 sen sesaham dan bahagian boleh pilih sebanyak 5.0 sen sesaham; dan
- Dividen akhir peringkat satu sebanyak 25.0 sen sesaham berjumlah RM1,035,730,000, terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 15.0 sen sesaham dan bahagian boleh pilih sebanyak 10.0 sen sesaham.

Tiada aku janji bertulis yang tidak boleh ditarik balik daripada pemegang sahamnya, oleh itu amaun dividen akhir yang dicadangkan boleh dikurangkan sama ada dengan purata kadar pengambilan 3 tahun sebelumnya atau jika kurang daripada 3 tahun sebelumnya, sejarah purata kadar pengambilan yang tersedia, tertakluk kepada jumlah tidak melebihi 50% daripada jumlah bahagian dividen yang boleh dipilih, selaras dengan Panduan Pelaksanaan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) bertarikh 9 Disember 2020.

Nisbah modal di atas adalah melebihi paras minimum yang diperlukan oleh BNM.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

3.4 Keperluan Modal Minimum dan Aset Berwajaran Risiko (RWA)

Jadual berikut menunjukkan pecahan RWA mengikut jenis-jenis risiko pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021:

Jadual 2: Aset Berwajaran Risiko (RWA) mengikut Jenis-jenis Risiko

Jenis-jenis Risiko	Kumpulan Perbankan RHB		RHB Bank		RHB Islamic Bank		RHB Investment Bank	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
RWA Kredit	118,007,600	115,070,774	85,761,518	83,477,653	33,635,942	33,329,415	634,603	834,269
RWA Kredit Diserap oleh PSIA	-	-	-	-	(5,355,297)	(6,318,180)	-	-
RWA Pasaran	3,358,227	3,201,115	3,075,095	2,617,689	170,490	201,515	188,204	162,040
RWA Operasi	14,047,918	13,211,976	9,171,749	8,766,298	3,114,515	2,585,628	923,914	968,930
Jumlah RWA	135,413,745	131,483,865	98,008,362	94,861,640	31,565,650	29,798,378	1,746,721	1,965,239

Jadual berikut menunjukkan pecahan RWA mengikut jenis-jenis risiko dan keperluan modal yang sepadan pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021:

Jadual 3a: Aset Berwajaran Risiko mengikut Jenis-jenis Risiko dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2022

Jenis-jenis Risiko	RWA				Keperluan Modal Minimum			
	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Risiko Kredit, yang mana	118,007,600	85,761,518	28,280,645	634,603	9,440,608	6,860,921	2,262,452	50,769
Di bawah Pendekatan Asas Penarafan Dalam (F-IRB)	57,108,249	44,089,160	16,591,922	-	4,568,660	3,527,133	1,327,354	-
Di bawah Pendekatan Lanjutan Penarafan Dalam (A-IRB)	28,519,011	18,078,298	10,537,071	-	2,281,521	1,446,264	842,966	-
Di bawah Pendekatan Seragam	32,380,340	23,594,060	6,506,949	634,603	2,590,427	1,887,524	520,556	50,769
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan F-IRB	-	-	(3,629,132)	-	-	-	(290,331)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan A-IRB	-	-	(27,368)	-	-	-	(2,189)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan Seragam	-	-	(1,698,797)	-	-	-	(135,904)	-
Risiko Pasaran								
Di bawah Pendekatan Seragam	3,358,227	3,075,095	170,490	188,204	268,658	246,008	13,639	15,056
Risiko Operasi								
Di bawah Pendekatan Penunjuk Asas	14,047,918	9,171,749	3,114,515	923,914	1,123,834	733,740	249,161	73,913
Jumlah	135,413,745	98,008,362	31,565,650	1,746,721	10,833,100	7,840,669	2,525,252	139,738

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

3.4 Keperluan Modal Minimum dan Aset Berwajaran Risiko (RWA) (sambungan)

Jadual 3b: Aset Berwajaran Risiko mengikut Jenis-jenis Risiko dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2021

Jenis-jenis Risiko	RWA				Keperluan Modal Minimum			
	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Risiko Kredit, yang mana	115,070,774	83,477,653	27,011,235	834,269	9,205,662	6,678,212	2,160,899	66,742
Di bawah Pendekatan Asas Penarafan Dalaman (F-IRB)	57,177,727	44,194,293	17,575,302	-	4,574,218	3,535,543	1,406,024	-
Di bawah Pendekatan Lanjutan Penarafan Dalaman (A-IRB)	27,874,370	18,443,749	9,507,477	-	2,229,950	1,475,500	760,598	-
Di bawah Pendekatan Seragam	30,018,677	20,839,611	6,246,636	834,269	2,401,494	1,667,169	499,731	66,742
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan F-IRB	-	-	(4,628,281)	-	-	-	(370,262)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan A-IRB	-	-	(7,965)	-	-	-	(637)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan Seragam	-	-	(1,681,934)	-	-	-	(134,555)	-
Risiko Pasaran								
Di bawah Pendekatan Seragam	3,201,115	2,617,689	201,515	162,040	256,089	209,415	16,121	12,963
Risiko Operasi								
Di bawah Pendekatan Penunjuk Asas	13,211,976	8,766,298	2,585,628	968,930	1,056,958	701,304	206,850	77,514
Jumlah	131,483,865	94,861,640	29,798,378	1,965,239	10,518,709	7,588,931	2,383,870	157,219

Keperluan modal untuk tiga jenis risiko diperoleh dengan mendarabkan aset berwajaran risiko sebanyak 8%.

RWA Kredit untuk Kumpulan Perbankan RHB meningkat sebanyak RM2.9 bilion terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan dalam REIT Singapura dan portfolio gadai janji kediaman.

RWA Pasaran meningkat sebanyak RM157 juta terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam caj risiko kadar faedah yang disumbangkan terutamanya oleh caj risiko keluk hasil.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

4.0 STRUKTUR MODAL

Komponen jumlah modal yang layak dinyatakan dalam Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Komponen Modal). Ini termasuk dana-dana pemegang saham, selepas pelarasan berkaitan pengawalseliaan, dan instrumen modal layak yang diterbitkan oleh Kumpulan. Modal Tahap I terdiri terutamanya daripada modal saham biasa, keuntungan tertahan dan rizab-rizab lain. Modal Tahap II merangkumi obligasi subordinat, lebihan peruntukan yang layak ke atas kerugian dijangka dan peruntukan am. Rujuk kepada Nota 55 dalam Penyata Kewangan bagi butiran instrumen modal ini.

Jadual berikut mewakili kedudukan modal Kumpulan dan RHB Bank pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021:

Jadual 4: Struktur Modal

	Kumpulan Perbankan RHB		RHB Bank [®]	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Modal Ekuiti Biasa Tahap I/Modal Tahap I				
Modal saham biasa berbayar	8,145,585	7,612,612	8,145,585	7,612,612
Keuntungan tertahan	19,196,884	18,689,157	14,479,618	13,954,209
Rizab-rizab lain	836,784	704,808	610,659	491,179
Rizab nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain (FVOCI)	(599,020)	406,012	(517,256)	394,726
Tolak:				
Muhibah	(2,638,198)	(2,638,198)	(1,714,913)	(1,714,913)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda yang berkaitan)	(602,106)	(567,938)	(524,689)	(503,178)
Cukai aset tertunda	(384,052)	(425,268)	(271,633)	(291,577)
55% keuntungan terkumpul daripada pertukaran nilai instrumen kewangan FVOCI	-	(223,307)	-	(217,099)
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	(102,425)	(102,425)	(4,461,272)	(4,448,364)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	(25)	(12)	-	-
Potongan lain [#]	(30,313)	(11,043)	(29,388)	(10,691)
Jumlah Modal Ekuiti Biasa Tahap I	23,823,114	23,444,398	15,716,711	15,266,904
Kepentingan bukan kawalan yang layak diiktiraf sebagai Modal Tahap I	159	170	-	-
Jumlah Modal Tahap I	23,823,273	23,444,568	15,716,711	15,266,904
Modal Tahap II				
Obligasi subordinat memenuhi semua kriteria berkaitan Instrumen modal layak syarikat subsidiari yang diterbitkan kepada pihak ketiga ⁺	1,999,353	2,249,289	1,999,353	2,249,289
Lebihan peruntukan yang layak ke atas kerugian dijangka	393,975	398,771	-	-
Peruntukan Am [^]	513,764	510,312	373,005	375,828
Tolak:				
Pelaburan dalam instrumen modal entiti-entiti kewangan dan insurans/takaful	-	-	(88,116)	-
Jumlah Modal Tahap II	3,311,846	3,451,084	2,556,005	2,835,822
Jumlah Modal	27,135,119	26,895,652	18,272,716	18,102,726

[®] Nisbah kecukupan modal Bank terdiri daripada modal asas dan aset berlawanan risiko yang diperoleh daripada Bank dan syarikat subsidiari perbankan luar pesisir yang dimiliki sepenuhnya oleh RHB Bank (L) Ltd.

[#] Selaras dengan Risiko Pasaran Basel II Perenggan 5.19 & 5.20 - Pelarasan Penilaian, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - Aset Berlawanan Risiko) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan terhadap portfolio perdagangannya.

⁺ Sukuk subordinat yang layak yang diiktiraf sebagai instrumen modal Tahap II yang dipegang oleh pihak ketiga seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 18.6 Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM yang diterbitkan oleh syarikat subsidiari Bank yang disatukan sepenuhnya.

[^] Menurut dokumen dasar BNM berkaitan Pelaporan Kewangan bagi Institusi-institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada peruntukan kerugian yang diukur pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit jangkaan 12 bulan hayat seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dan rizab kawal selia, setakat mana ianya berkait rapat dengan pendedahan rosot nilai bukan kredit, ditentukan di bawah pendekatan seragam bagi risiko kredit.

Termasuk rizab kawal selia Kumpulan dan Bank yang layak sebanyak RM242,061,000 (31 Disember 2021: RM85,609,000) dan RM155,937,000 (31 Disember 2021: RM120,542,000)

5.0 PENGURUSAN RISIKO


Risiko adalah sesuatu yang wujud dalam aktiviti Kumpulan dan ia diurus menerusi proses pengenalpastian, pengukuran dan pemantauan yang berterusan, tertakluk kepada pengehadan dan kawalan lain. Selain daripada risiko kredit, Kumpulan terdedah kepada pelbagai jenis risiko lain seperti risiko pasaran, kecairan, operasi, perundangan, syariah, strategik dan rentas sempadan, serta bentuk risiko lain yang wujud dalam strategi, rangkaian produk serta liputan geografi.

Pengurusan risiko yang efektif adalah asas untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan mempertingkatkan nilai para pemegang saham, di samping mengekalkan kelebihan daya saing, dan justeru itu, ia merupakan bahagian utama dalam pengurusan risiko proaktif dalam persekitaran operasi Kumpulan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan mentadbir pengurusan risiko dalam Kumpulan seperti berikut:

- Ia memberi gambaran holistik tentang persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan, dengan pengurusan risiko disasarkan ke arah meminimumkan kerugian dan perlindungan terhadap kerugian yang mungkin berlaku, terutamanya menerusi kegagalan semakan dan kawalan yang berkesan dalam organisasi.
- Ia menetapkan perkembangan strategik pengurusan risiko ke arah mewujudkan sebuah syarikat yang mencipta nilai. Ini boleh direalisasikan dengan membina keupayaan dan infrastruktur yang serba canggih dalam pengurusan risiko, serta menambahbaik pengkuantitian risiko bagi mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan diwakili dalam gambar rajah berikut:



Ciri-ciri utama rangka kerja ialah:

Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah berada di puncak struktur tadbir urus risiko dan pada asasnya bertanggungjawab ke atas strategi pengurusan risiko, selera, rangka kerja dan pengawasan aktiviti pengurusan risiko Kumpulan/entiti masing-masing.

Bagi mengurus perniagaan dan risiko merentasi semua syarikat subsidiari secara bersepadu, jawatankuasa peringkat Kumpulan diwujudkan untuk memastikan ketekalan amalan. Bagaimanapun, Kumpulan mengekalkan jawatankuasa khusus entiti untuk membenarkan lebih banyak kelonggaran dan ketangkasan dalam menguruskan keperluan kawal selia dan perniagaan yang khusus. Setiap Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang melapor terus kepada Lembaga Pengarah masing-masing memberi pengawasan dan membantu Lembaga Pengarah masing-masing dalam mengkaji semula falsafah pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan, rangka kerja, polisi-polisi dan model, dan isu risiko yang berkaitan dan unik kepada perniagaan.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

5.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab penyeliaan pengurusan harian risiko perusahaan dan hal-hal modal ditugaskan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan yang melapor kepada jawatankuasa lembaga pengarah berkaitan dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC). Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan bertanggungjawab bagi pengawasan hal-hal pengurusan risiko berkaitan dengan perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank manakala Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan (ALCO Kumpulan) megawasi risiko pasaran, risiko kecairan dan pengurusan kunci kira-kira.

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan (GCRO) yang melapor terus kepada Pengarah Urusan, bertanggungjawab terhadap fungsi pengurusan risiko. Peranan dan tanggungjawab utama GCRO adalah:

1. Membantu menetapkan hala tuju strategik dan dasar keseluruhan mengenai pengurusan dan kawalan risiko Kumpulan;
2. Memastikan amalan terbaik industri dalam pengurusan risiko diguna pakai merentasi Kumpulan termasuk penetapan parameter-parameter pengurusan risiko dan model-model risiko;
3. Membina budaya proaktif, seimbang dan berorientasikan risiko dalam Kumpulan; dan
4. Menasihati pengurusan kanan, jawatankuasa peringkat pengurusan, jawatankuasa risiko peringkat lembaga dan Lembaga Pengarah entiti-entiti Kumpulan mengenai isu risiko dan kesan mungkin ke atas Kumpulan dalam mencapai objektif dan strategi.

GCRO disokong oleh ketua pegawai risiko entiti-entiti dan pelbagai pasukan dalam fungsi pengurusan risiko:

1. Fungsi utama ketua pegawai risiko entiti-entiti adalah untuk menilai dan mengurus risiko perusahaan dan berhubung dengan pengawal selia di negara/entiti di bawah bidang kuasa masing-masing. Mereka disokong oleh pasukan pengurusan risiko masing-masing dengan sokongan daripada fungsi pengurusan risiko Kumpulan.
2. Fungsi pengurusan risiko adalah pasukan yang mengkhusus dalam risiko dan tanggungjawab masing-masing bagi pengawasan aktif pengurusan fungsi risiko seluruh Kumpulan dan menyokong ketua pegawai risiko/entiti masing-masing. Pengurusan Risiko dan Kredit Kumpulan terdiri daripada Pengurusan Risiko Kredit Kumpulan, Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan, Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan, Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan, Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber Kumpulan, Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan, Risiko Strategi & Transformasi, Pengurusan Risiko Perusahaan, Pengurusan Kredit Kumpulan, Risiko Perbankan Pelaburan dan Serantau, dan Pengurusan Risiko Insurans.

Selera Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan keseluruhan Kumpulan dan setiap entiti serta profil risiko yang diinginkan. Ia menerangkan jenis dan tahap risiko yang Kumpulan bersedia untuk menerima dalam melaksanakan strategi perniagaannya, dan dilaporkan menerusi pelbagai metrik yang membolehkan Kumpulan menguruskan sumber modal dan jangkaan pemegang saham.

Penjajaran strategi perniagaan Kumpulan dengan strategi risikonya, dan sebaliknya dinyatakan menerusi penetapan selera risiko, pelan perniagaan tahunan dan belanjawan kewangan Kumpulan, yang difasilitasi oleh penyepaduan langkah risiko dalam pengurusan modal.

Budaya Risiko

Kumpulan berpegang kepada prinsip 'Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua' dan pengurusan risiko diurus menerusi model "pertahanan tiga barisan". Unit perniagaan/fungsian bagi entiti operasi masing-masing dalam Kumpulan bertanggungjawab secara kolektif untuk mengenal pasti, mengurus dan melapor risiko.

Pendekatan ini berdasarkan model 'pertahanan tiga barisan' seperti digambarkan di bawah:

BARISAN PERTAMA Tahap Perniagaan/Fungsian	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab mengurus risiko harian dan isu pematuhan • Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan membantu unit perniagaan/fungsian dalam hal-hal risiko harian dan isu pematuhan
BARISAN KEDUA Pengurusan Risiko Kumpulan & Pematuhan Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab menyelia, mewujudkan urus tadbir dan memberikan sokongan kepada unit perniagaan/fungsian mengenai hal-hal risiko dan pematuhan
BARISAN KETIGA Audit Dalaman Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah bahawa pengurusan risiko dan pematuhan berfungsi dengan berkesan seperti yang dirancang

5.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko mengenal pasti, menilai dan mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan/menganalisis risiko. Ini memastikan bahawa pendedahan risiko diuruskan dengan memuaskan dan pulangan yang dijangkakan mengimbangi risiko yang diambil.

- Pengenalpastian: Pengenalpastian dan analisis risiko yang sedia ada dan berpotensi adalah proses yang berterusan, untuk memudahkan pengenalpastian risiko yang proaktif dan tepat pada masanya dalam operasi perniagaan Kumpulan, termasuk risiko yang baharu muncul. Ini memastikan bahawa risiko boleh diurus dan dikawal mengikut selera risiko Kumpulan dan entiti tertentu, sekiranya perlu.
- Penilaian dan Pengukuran: Risiko diukur, dinilai dan diagregatkan menggunakan metodologi pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif yang komprehensif, dan proses ini juga berfungsi sebagai alat penting kerana ia menyediakan penilaian kecukupan modal dan kesolvenan.
- Pengawasan: Risiko yang dikenal pasti semasa proses pengenalpastian risiko mesti diuruskan dengan secukupnya dan dikurangkan untuk mengawal risiko kerugian. Ini juga untuk memastikan pendedahan risiko diuruskan mengikut selera risiko Kumpulan atau entiti.
- Pemantauan: Proses pemantauan yang berkesan memastikan Kumpulan mengetahui keadaan pendedahannya berbanding selera yang diluluskan dan untuk memudahkan pengenalpastian awal masalah yang berpotensi tepat pada masanya menerusi pemantauan yang sedang berlangsung dan berterusan terhadap pendedahan risiko dan langkah kawalan/mitigasi risiko.
- Analitik dan Pelaporan: Analisis dan laporan risiko disediakan oleh entiti masing-masing dan pada peringkat yang disatukan serta peringkat perniagaan; dan sentiasa dirujuk kepada pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah entiti Kumpulan yang berkaitan untuk memastikan risiko yang dikenal pasti kekal dalam selera yang ditetapkan dan bagi menyokong proses membuat keputusan yang bermaklumat. Pelaporan dan analitik juga sedang dipertingkatkan secara berterusan untuk menyediakan maklumat yang diperlukan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan dalam Kumpulan untuk memudahkan membuat keputusan yang lebih berkesan.

Tambahan lagi, pengurusan risiko berusaha untuk memastikan keputusan risiko adalah konsisten dengan objektif strategik perniagaan dan dalam selera risiko.

Dokumentasi Risiko

Kumpulan menyedari bahawa pelaksanaan sistem dan proses pengurusan risiko yang berkesan mesti disokong oleh satu set dokumentasi yang mantap. Bagi tujuan ini, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, polisi dan dokumen kawalan lain yang berkaitan bagi memastikan amalan dan proses yang ditakrifkan dengan jelas dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan. Dokumen-dokumen tertakluk kepada proses kajian semula yang mantap untuk memastikan ia kekal terkini.

Infrastruktur Risiko

Kumpulan telah menyusun sumber dan bakatnya ke dalam fungsi tertentu, dan melabur dalam teknologi, termasuk pengurusan data untuk menyokong aktiviti pengurusan risiko Kumpulan. Warga kerja mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas, diberi akses kepada maklumat risiko yang berkaitan dan terkini, dan peluang untuk terus meningkatkan kecekapan menerusi program pembelajaran dan pembangunan.

Sistem dan alatan risiko direka bentuk untuk menyediakan kebolehaksesan maklumat risiko yang melengkapkan proses pengurusan risiko. Ketersediaan data untuk analisis dan pemantauan, serta papan pemuka dan pelaporan membantu dalam meningkatkan keupayaan pengurusan risiko secara berterusan. Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan telah berkembang dan dipacu secara lebih analitikal dengan papan pemuka yang merangkumi elemen unjuran kuantitatif dan kualitatif yang berpandangan ke hadapan.

Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan Kumpulan untuk mengkaji semula keupayaan pengurusan risiko secara berterusan untuk mengurus risiko dengan berkesan dan untuk menambah baik amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan. Oleh itu, Kumpulan telah memulakan perjalanan transformasi dengan berusaha untuk penambahbaikan untuk kecekapan dan keberkesanan yang lebih baik.

6.0 RISIKO KREDIT

Takrifan Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan pelanggan atau rakan niaga untuk memenuhi obligasi kewangan dan kontrak mereka mengikut terma yang dipersetujui. Ia berpunca terutamanya daripada pinjaman/pembiayaan, pembiayaan perdagangan, penempatan, pengunderaitan, pelaburan, lindung nilai dan aktiviti perdagangan daripada kedua-dua urusan niaga dalam dan luar kunci kira-kira Kumpulan. Risiko kredit tidak berlaku secara berasingan kerana peristiwa risiko tertentu (contohnya turun naik kadar faedah dan pertukaran asing) boleh menimbulkan kedua-dua risiko pasaran dan kredit.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

Takrifan Risiko Kredit (sambungan)

6.1 Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

Jawatankuasa Kredit Kumpulan (GCC) ialah jawatankuasa pengurusan kanan yang diberi kuasa untuk meluluskan atau menolak semua pelaburan kewangan, kredit rakan niaga dan pinjaman/pembiayaan sehingga had ambang yang ditetapkan. GCC akan mengarah, memantau, menyemak dan mempertimbangkan isu-isu yang boleh memberi impak material kepada kualiti buku pinjaman/aset Kumpulan semasa dan masa hadapan. GCC juga bertindak sebagai badan yang, menerusi jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, mencadangkan kepada Lembaga Pengarah masing-masing, mengenai hal-hal yang berkaitan dengan risiko kredit (seperti penilaian/kelulusan/prosedur kredit dan pengunderaitan, dan kuasa pemberian pinjaman/pembiayaan yang diwakilkan).

Jawatankuasa Pengunderaitan Pelaburan Kumpulan (GIUC) mempertimbangkan, meluluskan dan menolak cadangan berkaitan perniagaan pembrokeran saham/ekuiti/niaga hadapan seperti pengunderaitan ekuiti, derivatif ekuiti dan produk berstruktur, dan pembiayaan margin saham.

Fungsi utama Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah (BCC) adalah (i) mengesahkan, memveto atau mengenakan syarat yang lebih ketat ke atas kredit Kumpulan yang diluluskan dengan sewajarnya oleh GCC dan/atau GIUC, (ii) mengawasi pengurusan akaun rosot nilai dan berisiko tinggi, dan (iii) meluluskan urus niaga kredit kepada pihak yang berkaitan sehingga had ambang yang ditetapkan. BCC juga menyokong pinjaman/pembiayaan polisi dan pinjaman/pembiayaan yang diwajibkan oleh BNM untuk dirujuk kepada ahli Lembaga Pengarah masing-masing untuk kelulusan.

Pengurusan Kredit Kumpulan mempunyai tanggungjawab yang berfungsi untuk memastikan proses dalaman dan piawaian pengunderaitan kredit dipatuhi sebelum cadangan pembiayaan diluluskan. Semua cadangan pembiayaan dinilai terlebih dahulu untuk kelayakan kredit oleh unit perniagaan asal sebelum dinilai oleh pengurus kredit bebas dan diputuskan oleh pihak berkuasa pemberian pinjaman/pembiayaan/jawatankuasa berkaitan.

Semua had pendedahan pembiayaan diluluskan dalam rangka kerja pihak berkuasa kelulusan kredit yang ditetapkan. Pendedahan pembiayaan yang besar selanjutnya tertakluk kepada semakan kredit pasca kelulusan berasaskan persampelan oleh Audit Dalaman Kumpulan. Dengan pengecualian permohonan kredit untuk program pinjaman/pembiayaan yang diluluskan oleh Bank yang boleh diluluskan secara automatik oleh sistem asal pinjaman atau penyelia unit perniagaan, semua kemudahan kredit lain, adalah tertakluk kepada penilaian bebas oleh pasukan penilai kredit yang khusus dan berpengalaman di Ibu Pejabat. Bagi semakan dan kawalan yang wajar, kelulusan bersama atau tambahan diperlukan untuk semua pinjaman/pembiayaan budi bicara antara perniagaan dan penaja jamin kredit bebas, kecuali untuk pembiayaan akhir, yang hanya boleh dinilai satu per satu oleh penyemak bebas. Pinjaman/pembiayaan yang melebihi had kuasa pinjaman/pembiayaan yang ditugaskan akan diserahkan kepada jawatankuasa berkaitan untuk kelulusan.

Bagi Pengurusan Risiko Kumpulan, Pengurusan Risiko Kredit Kumpulan mempunyai tanggungjawab yang berfungsi untuk pengurusan risiko kredit, pemantauan risiko portfolio, pelaporan risiko dan pembangunan polisi dan garis panduan kredit. Kumpulan juga menjalankan ujian tekanan kredit secara berkala untuk menilai kerentanan portfolio kredit terhadap peristiwa risiko kredit yang negatif.

Pelaporan tetap risiko dibentangkan kepada pengurusan kanan, jawatankuasa masing-masing dan Lembaga Pengarah. Laporan-laporan ini merangkumi pelbagai aspek risiko kredit seperti kualiti portfolio, kerugian dijangka dan pendedahan risiko tumpuan. Pelaporan sedemikian membolehkan pengurusan kanan mengenal pasti trend kredit yang negatif, mengambil tindakan pembetulan segera, dan memastikan pembuatan keputusan terlaras risiko yang sesuai.

6.2 Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Rangka kerja pengurusan risiko kredit Kumpulan adalah berasaskan Dasar Risiko Kredit BNM. Kumpulan mematuhi Polisi Kredit Kumpulan yang menyokong pembangunan budaya kredit yang kukuh dengan objektif mengekalkan portfolio yang pelbagai, dan pulangan berjawaran risiko yang andal dan memuaskan. Keperluan pengawal selia terkini dan amalan industri terbaik sentiasa diterapkan dalam pengemaskinian Polisi Kredit Kumpulan.

Proses pengurusan risiko kredit Kumpulan didokumenkan dalam Garis Panduan Kredit Kumpulan (GCG) dan Manual Prosedur Kredit Kumpulan (GCPM) yang menetapkan prosedur operasi dan garis panduan yang mengawal proses kredit dalam Kumpulan.

GCG dan GCPM telah direka bentuk untuk memastikan bahawa:

- Proses permulaan, pentadbiran, penyeliaan kredit dan pengurusan pinjaman/pembiayaan serta pendahuluan dilaksanakan secara konsisten dan seragam oleh perniagaan asal dan fungsi sokongan kredit lain dalam Kumpulan.
- Prosedur dan garis panduan yang mentadbir fungsi kredit mematuhi polisi-polisi kredit Kumpulan.

Pinjaman/Pembiayaan kepada Pelanggan Korporat dan Institusi

Pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan korporat dan institusi dinilai secara individu dan diberi penarafan risiko. Penaja jamin kredit mengenal pasti dan mentaksiri risiko kredit pelanggan korporat atau institusi besar, atau kumpulan pelanggan, dengan mengambil kira profil kewangan dan perniagaan, faktor industri dan ekonomi, cagar atau sokongan kredit lain.

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.2 Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit (sambungan)

Risiko Kredit daripada Aktiviti Pelaburan atau Perdagangan

Dalam melaksanakan aktiviti perdagangan atau pelaburan, Kumpulan juga terdedah kepada risiko kredit daripada aktiviti perdagangan, derivatif dan sekuriti hutang. Garis panduan kredit yang berkaitan diwujudkan untuk mentadbir risiko kredit menerusi panduan mengenai derivatif, lindung nilai dan aktiviti berkaitan pelaburan bagi pendedahan yang berbeza.

Pinjaman/Pembiayaan kepada Pengguna dan Perniagaan Kecil

Bagi program pinjaman/pembiayaan runcit dan perniagaan kecil, risiko kredit diuruskan berasaskan portfolio dengan memanfaatkan model penarafan kredit dalaman; Produk pinjaman/pembiayaan runcit terdiri daripada gadaai janji kediaman/pembiayaan rumah, kad kredit, pembiayaan kenderaan bermotor, pinjaman/pembiayaan hartanah komersial, pembiayaan peribadi, dan pembiayaan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Manakala bagi pinjaman/pembiayaan bukan program perniagaan kecil, risiko kredit ditaksir dan dilanjutkan berasaskan set kriteria penerimaan risiko kredit yang ditakrifkan dengan jelas, semakan pasca kelulusan yang kerap dan pemantauan risiko kredit untuk membolehkan penilaian risiko yang teliti, membuat keputusan yang objektif, pemrosesan kecekapan kos. dan pengurusan portfolio yang berkesan.

Pinjaman/Pembiayaan bagi Pembiayaan Margin Saham

Pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan margin saham adalah berasaskan kemudahan kredit/pembiayaan yang disediakan kepada pelanggan untuk dagangan atau penebusan sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad menurut Peraturan Bursa Securities.

Bagi pembiayaan margin saham, risiko kredit dikurangkan menerusi penubuhan satu struktur/matriks penguasa kelulusan yang sewajarnya bagi perlanjutan had dagangan/kredit. Mengikut garis panduan yang ditakrifkan dengan jelas dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai, pengurusan risiko kredit juga merangkumi penilaian kredit yang sistematik, pemantauan rapi had, pendedahan dan risiko penumpuan kepada rakan niaga atau pengeluar, menerusi prosedur laporan pengurusan yang tepat pada masa.

Transformasi Kredit

Bank telah memulakan perjalanan transformasi kredit hujung ke hujung untuk menyokong pertumbuhan perniagaan sambil melindungi kualiti aset. Ia meliputi segmen perniagaan teras Perbankan Komuniti (iaitu portfolio runcit) dan Perbankan Borong (iaitu portfolio bukan runcit). Sehingga kini, penambahbaikan perniagaan telah diperhatikan dalam kelulusan kredit, masa pusing ganti dan kutipan/pemulihan, menerusi pelaksanaan/cubaan perintis.

Bilik Gerakan Kredit

Teruskan mengekalkan Bilik Gerakan Kredit untuk mengemudi, menyelaraskan dan memastikan pelaksanaan strategi bantuan pembayaran balik Kumpulan yang berkesan apabila keadaan pasaran beralih kepada fasa endemik, dalam tindak balas yang konsisten dan berstruktur di seluruh Kumpulan Perbankan RHB.

Pengukuran Risiko Kredit

Bersama dengan pertimbangan dan pengalaman, pengukuran atau kuantifikasi risiko memainkan peranan penting dalam membuat keputusan pengambilan risiko dan pengurusan portfolio bermaklumat. Memandangkan sifat risiko kredit berbeza mengikut jenis pembiayaan, Kumpulan menggunakan alat pengukur risiko kredit yang berbeza, agar risiko kredit bagi setiap jenis pembiayaan digambarkan dengan sewajarnya. Alat pengukur ini dibangunkan bagi pendedahan kredit material, di bawah Berasaskan Penarafan Dalaman (IRB).

Berikut mewakili dimensi yang dipertimbangkan dalam pengukuran risiko kredit:

1. Kebarangkalian Keingkaran (PD)
Kebarangkalian keingkaran merujuk kepada kemungkinan seseorang peminjam/pelanggan tidak berupaya untuk memenuhi obligasi hutang. Bagi pembiayaan korporat/bukan runcit, kebarangkalian keingkaran diukur mengikut penarafan penanggung obligasi (atau pelanggan) yang diperolehi daripada sistem penarafan risiko untuk menentukan tahap risiko keingkaran penanggung obligasi. Penarafan risiko setiap penanggung obligasi dikemas kini dengan tetap bagi memastikan bahawa ia mencerminkan risiko keingkaran terkini penghutang/pelanggan. Bagi pendedahan/pembiayaan runcit, risiko keingkaran diukur menerusi model skor masing-masing iaitu penggunaan kad skor, tatalaku kad skor dan kad skor berpusatkan pelanggan.
2. Kerugian Akibat Keingkaran (LGD)
LGD ialah jumlah kerugian yang ditanggung apabila peminjam/pelanggan ingkar. Bagi pembiayaan korporat, LGD ditentukan menerusi pelarasan pengurangan risiko kredit, di mana liputan cagaran dan keselamatan akan menentukan tahap LGD bagi urusan niaga tertentu. Bagi pembiayaan runcit, LGD ditentukan pada tahap segmen (atau kumpulan) masing-masing.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.2 Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit (sambungan)

3. Pendedahan Pada Keingkaran (EAD)
EAD dikira daripada baki tertunggak semasa dan ketersediaan barisan pembiayaan yang terikat Dalam hal ini, faktor utama ialah obligasi Kumpulan yang berkaitan dengan barisan pembiayaan yang tersedia. Bagi pembiayaan korporat, EAD diukur pada pendedahan obligor individu mengikut Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Aset Berwajaran Risiko). Bagi pembiayaan runcit, prinsip pengukuran risiko kredit adalah serupa, tetapi diukur secara terkumpul, berasaskan model dalaman.

6.3 Pendedahan Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga (CCR)

Pengurusan pendedahan luar kunci kira-kira Kumpulan berikut adalah menurut pendekatan pengurusan risiko kredit seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6.2 dokumen ini:

- Jaminan kewangan dan surat kredit tunggu sedia, yang merupakan akujanji bahawa Kumpulan akan membuat pembayaran sekiranya pelanggannya tidak dapat memenuhi obligasinya kepada pihak ketiga. Pendedahan ini membawa risiko kredit yang sama seperti pinjaman/pembiayaan walaupun ia bersifat luar jangka;
- Surat kredit berdokumen dan komersial, yang diusahakan oleh Kumpulan bagi pihak pelanggannya. Pendedahan ini biasanya disandarkan oleh penghantaran barang yang berkaitan dengannya;
- Komitmen untuk melanjutkan pembiayaan, termasuk bahagian-bahagian kemudahan pembiayaan yang belum digunakan atau belum dikeluarkan;
- Saluran kad kredit yang belum digunakan; dan
- Amaun kredit setara bagi instrumen kewangan derivatif.

Risiko Kredit Rakan Niaga

Risiko Kredit Rakan Niaga ialah risiko di mana rakan niaga kepada urus niaga ingkar sebelum penyelesaian akhir aliran tunai urus niaga. Kerugian ekonomi akan berlaku jika urus niaga atau portfolio urus niaga dengan rakan niaga mempunyai nilai ekonomi yang positif pada masa keingkaran. Berbeza dengan pendedahan firma kepada risiko kredit menerusi pinjaman/pembiayaan, di mana pendedahan kepada risiko kredit adalah unilateral dan hanya bank pemberi pinjaman yang menghadapi risiko kerugian, CCR mewujudkan risiko kerugian dua hala: nilai pasaran urus niaga boleh positif atau negatif kepada mana-mana rakan niaga kepada urus niaga. Nilai pasaran tidak pasti dan boleh berubah mengikut masa dengan pergerakan faktor asas pasaran.

Risiko rakan niaga biasanya dikaitkan dengan dua kelas produk kewangan yang luas:

- Derivatif atas kaunter (OTC) seperti swap kadar faedah/keuntungan, niaga depan FX dan swap keingkaran kredit.
- Urus niaga pembiayaan sekuriti seperti repo dan repo berbalik; dan pinjaman/pembiayaan sekuriti.

Instrumen kewangan derivatif dimeterai untuk tujuan lindung nilai atau perdagangan proprietari yang dikawal oleh had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan kawalan dalaman.

Sebarang kerugian kewangan dikira berasaskan kos untuk menggantikan instrumen kewangan derivatif yang ingkar dengan kontrak lain yang serupa dalam pasaran. Kos penggantian adalah setara dengan perbezaan antara nilai asal derivatif pada masa kontrak dengan rakan niaga yang ingkar dan nilai saksama semasa pengganti yang serupa pada harga pasaran semasa.

Semua kedudukan derivatif kewangan tertunggak ditanda kepada pasaran setiap hari. Kumpulan memantau kedudukan rakan niaga dan segera menambahkan sebarang kekurangan dalam tahap ambang kepada pihak yang berkaitan untuk tindakan seterusnya.

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit atau Pendedahan Pada Keingkaran (EAD) pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021, diasingkan oleh:

- pelbagai jenis kelas aset, menunjukkan butiran pendedahan mengikut jenis pendekatan, sebelum dan selepas pengurangan risiko kredit (CRM), RWA yang sepadan dan keperluan modal;
- pendedahan di luar kunci kira-kira dan risiko kredit rakan niaga;
- pengagihan geografi;
- sektor industri; dan
- baki tempoh matang

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5a: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Pengurangan Risiko Kredit (CRM) mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan Seragam (SA)</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Bank Pusat & Badan Berdaulat	38,123,599	38,123,599	1,287,238	102,979
Entiti Sektor Awam	12,133,337	11,960,479	258,179	20,654
Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	17,836,309	17,836,309	5,828,467	466,277
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus Dana	564,070	564,070	520,053	41,604
Korporat	12,671,165	10,839,487	8,273,432	661,875
Kawal Selia Runcit	10,809,819	9,970,697	8,342,211	667,377
Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	1,043,232	1,034,909	365,274	29,222
Aset Berisiko Lebih Tinggi	689,881	689,881	1,034,821	82,786
Aset-aset Lain	4,504,817	4,504,817	2,474,453	197,956
Pendedahan Ekuiti	813,587	813,587	813,587	65,087
Pendedahan Keingkar	412,217	411,662	557,448	44,596
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	99,602,033	96,749,497	29,755,163	2,380,413
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	2,471,503	1,972,965	508,703	40,696
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	11,894,736	8,158,572	2,113,144	169,052
Pendedahan Keingkar	15,752	15,644	3,330	266
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	14,381,991	10,147,181	2,625,177	210,014
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira di bawah SA	113,984,024	106,896,678	32,380,340	2,590,427
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan F-IRB</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Korporat, yang mana	85,960,642	85,960,642	48,626,117	3,890,089
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pendedahan dengan pelarasan saiz firma)	45,924,370	47,908,829	24,465,139	1,957,211
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	27,623,781	27,623,781	16,453,892	1,316,311
Pendedahan Pinjaman Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	1,891,516	1,535,369	1,191,947	95,356
Hartanah Berpendapatan	10,520,975	8,892,663	6,515,139	521,211
Pendedahan Keingkar	3,036,436	3,036,436	31,147	2,492
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	88,997,078	88,997,078	48,657,264	3,892,581

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5a: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Pengurangan Risiko Kredit (CRM) mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) pada 31 Disember 2022 (sambungan)

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	440,586	440,586	348,524	27,882
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	8,629,658	8,629,658	4,869,919	389,594
Pendedahan Keingkararan	4,532	4,532	-	-
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	9,074,776	9,074,776	5,218,443	417,476
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan A-IRB</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Runcit, yang mana	114,945,790	114,945,790	22,402,515	1,792,201
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	64,997,816	64,997,816	9,342,386	747,391
Pendedahan Runcit Kitaran Layak	1,937,597	1,937,597	1,112,436	88,995
Pendedahan Sewa Beli	9,689,197	9,689,197	2,974,732	237,978
Pendedahan Runcit Lain	38,321,180	38,321,180	8,972,961	717,837
Pendedahan Keingkararan	2,710,444	2,710,444	1,772,935	141,835
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	117,656,234	117,656,234	24,175,450	1,934,036
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	-	-	-	-
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	18,079,051	18,079,051	2,661,909	212,953
Pendedahan Keingkararan	45,431	45,431	67,368	5,389
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	18,124,482	18,124,482	2,729,277	218,342
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira sebelum faktor penskalaan di bawah Pendekatan IRB	233,852,570	233,852,570	80,780,434	6,462,435
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira selepas faktor penskalaan, 1.06 di bawah Pendekatan IRB			85,627,260	6,850,181
Jumlah (Pendedahan di bawah Pendekatan SA dan Pendedahan di bawah Pendekatan IRB)	347,836,594	340,749,248	118,007,600	9,440,608

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5b: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Pengurangan Risiko Kredit (CRM) mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan Seragam (SA)</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Bank Pusat & Badan Berdaulat	35,033,964	35,033,964	1,423,771	113,902
Entiti Sektor Awam	11,683,719	11,612,119	236,735	18,939
Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	15,649,525	15,649,525	5,399,150	431,932
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus Dana	444,735	444,735	397,631	31,810
Korporat	9,515,896	7,968,339	6,568,385	525,471
Kawal Selia Runcit	10,346,590	9,444,337	8,031,210	642,497
Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	980,341	973,673	344,118	27,529
Aset Berisiko Lebih Tinggi	627,060	627,060	940,590	75,247
Aset-aset Lain	4,689,205	4,689,205	2,779,269	222,342
Pendedahan Ekuiti	815,699	815,699	815,699	65,256
Pendedahan Keingkaran	357,543	356,012	352,701	28,216
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	90,144,277	87,614,668	27,289,259	2,183,141
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	1,325,057	1,124,125	302,216	24,177
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	9,344,730	6,827,150	2,424,143	193,931
Pendedahan Keingkaran	15,409	15,295	3,059	245
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	10,685,196	7,966,570	2,729,418	218,353
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira di bawah SA	100,829,473	95,581,238	30,018,677	2,401,494
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan F-IRB</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Korporat, yang mana	85,030,639	85,030,639	49,120,636	3,929,651
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pendedahan dengan pelarasan saiz firma)	45,691,339	47,292,646	25,329,312	2,026,345
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	28,389,583	28,389,583	16,659,270	1,332,742
Pendedahan Pinjaman Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	1,638,344	1,571,659	1,196,887	95,751
Hartanah Berpendapatan	9,311,373	7,776,751	5,935,167	474,813
Pendedahan Keingkaran	2,749,991	2,749,991	54,232	4,338
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	87,780,630	87,780,630	49,174,868	3,933,989

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5b: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Pengurangan Risiko Kredit (CRM) mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) pada 31 Disember 2021 (sambungan)

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	186,692	186,692	226,851	18,148
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	8,747,227	8,747,227	4,539,533	363,163
Pendedahan Keingkararan	13,118	13,118	-	-
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	8,947,037	8,947,037	4,766,384	381,311
<u>Pendedahan di bawah Pendekatan A-IRB</u>				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Runcit, yang mana	108,209,719	108,209,719	23,493,197	1,879,456
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	55,825,969	55,825,969	9,345,650	747,652
Pendedahan Runcit Kitaran Layak	1,816,933	1,816,933	1,124,102	89,928
Pendedahan Sewa Beli	9,165,730	9,165,730	2,980,699	238,456
Pendedahan Runcit Lain	41,401,087	41,401,087	10,042,746	803,420
Pendedahan Keingkararan	1,534,010	1,534,010	396,753	31,740
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	109,743,729	109,743,729	23,889,950	1,911,196
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	-	-	-	-
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	15,415,984	15,415,984	2,329,435	186,355
Pendedahan Keingkararan	45,898	45,898	77,191	6,175
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	15,461,882	15,461,882	2,406,626	192,530
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira sebelum faktor penskalaan di bawah Pendekatan IRB	221,933,278	221,933,278	80,237,828	6,419,026
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira selepas faktor penskalaan, 1.06 di bawah Pendekatan IRB			85,052,097	6,804,168
Jumlah (Pendedahan di bawah Pendekatan SA dan Pendedahan di bawah Pendekatan IRB)	322,762,751	317,514,516	115,070,774	9,205,662

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 6a: Pendedahan pada Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Jumlah Prinsipal/ Nosional RM'000	Nilai		Jumlah Setara Kredit RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000
		Saksama	Positif		
Jenis Perkara		Kontrak	Derivatif		
		RM'000	RM'000		
Pengganti kredit langsung	1,410,617			1,316,820	664,899
Item luar jangka berkaitan urus niaga	2,788,293			1,327,195	679,421
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri	984,888			208,415	181,106
Pembelian aset hadapan, deposit hadapan, saham dan sekuriti separa berbayar yang mewakili komitmen dengan pengeluaran tertentu	-			-	-
Peminjaman sekuriti bank atau peletakan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk keadaan di mana ianya timbul daripada urus niaga bersifat repo	8,573,179			8,573,179	193,204
Kontrak berkaitan pertukaran asing	7,252,460	49,011		205,263	147,290
1 tahun atau kurang	6,801,923	46,821		147,145	85,465
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	450,537	2,190		58,118	61,825
Melebihi 5 tahun	-	-		-	-
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	2,173,478	43,515		86,236	52,933
1 tahun atau kurang	361,089	-		903	808
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	1,812,389	43,515		85,333	52,125
Melebihi 5 tahun	-	-		-	-
Kontrak berkaitan ekuiti	326,183	35,482		55,115	2,020
1 tahun atau kurang	323,093	35,416		54,802	2,020
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	3,090	66		313	-
Melebihi 5 tahun	-	-		-	-
Kontrak komoditi	311,060	2,332		7,614	3,330
1 tahun atau kurang	57,542	-		-	-
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	203,518	2,332		7,614	3,330
Melebihi 5 tahun	50,000	-		-	-
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian penghasilan bersih bilateral yang sah	130,925,191	776,244		2,557,867	651,654
Komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia formal dan barisan kredit/pembiayaan, dengan tempoh matang asal melebihi 1 tahun	34,119,924			26,137,086	7,811,291
Komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia formal dan barisan kredit/pembiayaan, dengan tempoh matang asal sehingga 1 tahun	1,601,881			394,727	47,318
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh Bank tanpa notis terlebih dahulu atau dibatalkan secara automatik disebabkan oleh kemerosotan dalam kebolehpercayaan kredit peminjam	16,329,254			711,732	138,431
Jumlah	206,796,408	906,584		41,581,249	10,572,897

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 6b: Pendedahan pada Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Jumlah Prinsipal/ Nosional RM'000	Nilai		Jumlah Setara Kredit RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000
		Saksama	Positif Kontrak Derivatif RM'000		
Jenis Perkara					
Pengganti kredit langsung	1,394,350			1,299,080	696,965
Item luar jangka berkaitan urus niaga	3,077,649			1,475,325	759,897
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan lupus sendiri	977,071			209,385	171,048
Pembelian aset hadapan, deposit hadapan, saham dan sekuriti separa berbayar yang mewakili komitmen dengan pengeluaran tertentu	35,530			35,530	-
Peminjaman sekuriti bank atau peletakan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk keadaan di mana ianya timbul daripada urus niaga bersifat repo	5,424,754			5,424,754	219,637
Kontrak berkaitan pertukaran asing	8,199,461		13,185	128,677	64,846
1 tahun atau kurang	8,178,635		11,208	125,451	63,329
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	20,826		1,977	3,226	1,517
Melebihi 5 tahun	-		-	-	-
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	1,800,798		12,041	39,005	37,982
1 tahun atau kurang	599,657		5,327	6,826	6,804
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	1,201,141		6,714	32,179	31,178
Melebihi 5 tahun	-		-	-	-
Kontrak berkaitan ekuiti	572,524		69,455	103,893	-
1 tahun atau kurang	568,238		69,273	103,367	-
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	4,286		182	526	-
Melebihi 5 tahun	-		-	-	-
Kontrak komoditi	254,299		8,588	21,472	7,923
1 tahun atau kurang	29,116		-	-	-
Lebih daripada 1 hingga 5 tahun	175,183		8,588	21,472	7,923
Melebihi 5 tahun	50,000		-	-	-
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian penghasilan bersih bilateral yang sah	86,061,242		179,417	1,227,971	418,316
Komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia formal dan barisan kredit/pembiayaan, dengan tempoh matang asal melebihi 1 tahun	32,851,076			24,033,299	7,287,011
Komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia formal dan barisan kredit/pembiayaan, dengan tempoh matang asal sehingga 1 tahun	1,712,664			440,886	111,254
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh Bank tanpa notis terlebih dahulu atau dibatalkan secara automatik disebabkan oleh kemerosotan dalam kebolehpercayaan kredit peminjam	15,415,727			654,838	127,549
Jumlah	157,777,145		282,686	35,094,115	9,902,428

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.4 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 7a: Pendedahan Risiko Kredit (Sebelum Pengurangan Risiko Kredit) mengikut Pengagihan Geografi pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Malaysia (Termasuk Labuan)	Singapura	Thailand	Brunei	Kemboja	Laos	Hong Kong	Indonesia	Vietnam	Jumlah
Kelas Pendedahan	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendedahan di bawah Pendekatan Seragam										
Bank Pusat & Badan Berdaulat	34,877,065	5,725,816	843,491	130,638	838,891	180,721	-	-	-	42,596,622
Entiti Sektor Awam	12,543,738	494,856	192,831	-	-	-	-	-	-	13,231,425
Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	17,531,249	5,521,034	25,290	315,498	326,616	39,913	678	82,766	19,468	23,862,512
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus										
Dana	612,560	1,804	-	-	-	-	-	-	-	614,364
Korporat	6,544,495	3,617,079	2,532,901	104,649	2,134,192	27,693	-	59,322	-	15,020,331
Kawal Selia Runcit	5,810,395	4,186,049	71,799	105,003	1,233,311	49,688	-	86,153	19,051	11,561,449
Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	82,799	1,005,537	-	700	-	-	-	-	-	1,089,036
Aset Berisiko Lebih Tinggi	689,480	-	253	-	110	-	-	38	-	689,881
Aset-aset Lain	3,703,352	415,705	137,146	30,781	145,329	12,743	124	55,365	4,272	4,504,817
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	14,381,991	984,449	4,234,810
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira	113,984,024	12,725,616	7,087,346

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.7 Pemantauan dan Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual 16b: Pengurangan Risiko Kredit Portfolio di bawah Pendekatan Seragam pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar Sebelum Pengurangan Risiko Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Jaminan/ Derivatif Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Cagaran Kewangan Layak RM'000
Kelas Pendedahan			
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>			
Bank Pusat & Badan Berdaulat	35,033,964	-	-
Entiti Sektor Awam	11,683,719	10,507,489	71,600
Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	15,649,525	305,493	-
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus Dana Korporat	444,735	-	-
Kawal Selia Runcit	9,515,896	991,492	1,547,557
Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	10,346,590	360,244	902,253
Aset Berisiko Lebih Tinggi	980,341	-	6,668
Aset-aset Lain	627,060	-	-
Pendedahan Ekuiti	4,689,205	-	-
Pendedahan Keingkar	815,699	-	-
Pendedahan Keingkar	357,543	3,691	1,531
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	90,144,277	12,168,409	2,529,609
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>			
Derivatif OTC	1,325,057	-	200,932
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	9,344,730	2,545,420	2,517,580
Pendedahan Keingkar	15,409	15,294	114
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	10,685,196	2,560,714	2,718,626
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira	100,829,473	14,729,123	5,248,235

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.7 Pemantauan dan Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual 17a: Pengurangan Risiko Kredit Portfolio di bawah Pendekatan IRB pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar Sebelum Pengurangan Risiko Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Jaminan/ Derivatif Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Cagaran Kewangan Layak RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Cagaran Layak Lain RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Korporat, yang mana	85,960,642	23,448,304	3,062,440	17,133,523
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pendedahan dengan pelarasan saiz firma)	45,924,370	16,566,743	742,925	4,947,159
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	27,623,781	4,897,102	2,319,515	12,186,364
Pendedahan Pinjaman Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	1,891,516	356,147	-	-
Hartanah Berpendapatan	10,520,975	1,628,312	-	-
Runcit, yang mana	114,945,790	146,580	7,680,608	79,141,818
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	64,997,816	-	-	64,809,094
Pendedahan Runcit Kitaran Layak	1,937,597	-	-	-
Pendedahan Sewa Beli	9,689,197	-	-	-
Pendedahan Runcit Lain	38,321,180	146,580	7,680,608	14,332,724
Pendedahan Keingkar	5,746,880	64,871	32,056	1,839,521
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	206,653,312	23,659,755	10,775,104	98,114,862
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	440,586	-	2,056	-
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	26,708,709	1,424,785	886,031	15,067,776
Pendedahan Keingkar	49,963	-	249	30,340
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	27,199,258	1,424,785	888,336	15,098,116
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira	233,852,570	25,084,540	11,663,440	113,212,978

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.7 Pemantauan dan Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual 17b: Pengurangan Risiko Kredit Portfolio di bawah Pendekatan IRB pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar Sebelum Pengurangan Risiko Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Jaminan/ Derivatif Kredit RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Cagaran Kewangan Layak RM'000	Pendedahan Kasar Dilindungi oleh Cagaran Layak Lain RM'000
Kelas Pendedahan				
<u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u>				
Korporat, yang mana	85,030,639	24,019,912	3,024,339	17,511,416
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pendedahan dengan pelarasan saiz firma)	45,691,339	17,237,094	768,095	4,473,035
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	28,389,583	5,181,511	2,256,244	13,038,381
Pendedahan Pinjaman Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	1,638,344	66,685	-	-
Hartanah Berpendapatan	9,311,373	1,534,622	-	-
Runcit, yang mana	108,209,719	88,759	7,935,963	73,355,404
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Kediaman	55,825,969	-	-	55,642,836
Pendedahan Runcit Kitaran Layak	1,816,933	-	-	-
Pendedahan Sewa Beli	9,165,730	-	-	-
Pendedahan Runcit Lain	41,401,087	88,759	7,935,963	17,712,568
Pendedahan Keingkar	4,284,001	63,564	24,712	1,021,324
Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira	197,524,359	24,172,235	10,985,014	91,888,144
<u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u>				
Derivatif OTC	186,692	-	1,283	-
Pendedahan luar kunci kira-kira selain daripada derivatif OTC atau derivatif kredit	24,163,211	2,402,627	849,929	12,493,694
Pendedahan Keingkar	59,016	-	20	27,977
Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira	24,408,919	2,402,627	851,232	12,521,671
Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira	221,933,278	26,574,862	11,836,246	104,409,815

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.7 Pemantauan dan Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Risiko Penumpuan Kredit

Penumpuan risiko merujuk kepada pendedahan yang berpotensi menghasilkan kerugian yang cukup besar untuk mengancam kedudukan kewangan sesebuah institusi perbankan. Penumpuan risiko timbul daripada pendedahan berlebihan kepada satu rakan niaga atau kumpulan rakan niaga yang yang berhubung, instrumen tertentu atau segmen pasaran tertentu.

Kumpulan menguruskan kepelbagaian portfolionya untuk mengelakkan risiko penumpuan kredit yang tidak wajar. Risiko penumpuan kredit wujud dalam pinjaman/pembiayaan kepada sekumpulan pelanggan tunggal, peminjam/pelanggan yang terlibat dalam aktiviti yang serupa, atau pelbagai kumpulan peminjam/pelanggan yang boleh dijejaskan oleh faktor-faktor ekonomi atau saham sandaran/kaunter sandaran atau lain-lain faktor. Bagi menguruskan risiko penumpuan ini, ambang/had pendedahan yang sewajarnya ditetapkan.

Analisis bagi sebarang pendedahan tunggal yang besar dan kumpulan pendedahan dijalankan secara berkala dan unit pinjaman/pembiayaan menjalankan pengemaskinian akaun, pemantauan dan pengurusan pendedahan ini secara berkala. Di samping itu, Kumpulan juga sentiasa mengemas kini garis panduan pinjaman atau pembiayaan berdasarkan semakan berkala terhadap faktor risiko sektor dan prospek ekonomi.

Pemantauan Kredit dan Kajian Semula Tahunan

Kumpulan sering memantau pendedahan kredit, prestasi portfolio dan trend luaran yang boleh memberi kesan terhadap hasil pengurusan risiko. Laporan pengurusan risiko dalaman dihasilkan untuk Pengurusan Kanan, jawatankuasa-jawatankuasa risiko masing-masing dan Lembaga Pengarah, dan termasuk maklumat mengenai kualiti portfolio, peralihan penarafan kredit dan penumpuan pendedahan risiko.

Selain daripada penilaian kualitatif berterusan oleh pengurus-pengurus perhubungan akaun, kajian semula dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan maklumat terkini mengenai kedudukan kewangan pelanggan, kedudukan pasaran, keadaan industri dan ekonomi dan perlakuan akaun. Pinjaman/pembiayaan tertentu boleh dikaji semula secara lebih kerap megikuti kesesuaian keadaan. Keadaan sedemikian mungkin timbul jika, sebagai contoh, Kumpulan percaya bahawa risiko yang lebih tinggi wujud dalam industri tertentu, atau peminjam/pelanggan mempamerkan isyarat amaran awal seperti keingkaran kewajipan kepada pembekal atau institusi kewangan lain atau menghadapi masalah aliran tunai atau masalah lain.

Dalam Pengurusan Risiko dan Kredit Kumpulan, terdapat mekanisme untuk pemantauan kredit bagi mengesan pinjaman/pembiayaan bermasalah (akaun senarai pantau) untuk pemantauan intensif di bawah Pengurusan Kredit Senarai Pantau. Ini ialah akaun yang mungkin menunjukkan corak masalah awal atau pada peringkat awal delikueni tetapi belum ingkar. Bagi kes-kes ini, jabatan Pengurusan Kredit Senarai Pantau akan mengendalikan penilaian bebas dan bekerjasama rapat dengan unit-unit perniagaan untuk melaksanakan strategi untuk menangani hubungan pinjaman/perniagaan di bawah Pengurusan Kredit Senarai Pantau untuk memulihkan akaun selepas perbincangan dengan peminjam/pelanggan untuk menentukan punca utama masalah yang boleh mengakibatkan penjadualan semula, penstrukturan semula atau strategi "keluar" digunakan. Untuk akaun-akaun yang lebih besar atau terpilih, mesyuarat kemas kini kedudukan diadakan secara berkala dengan unit perniagaan untuk mengkaji semula atau menyemak strategi-strategi terbabit. Garis panduan yang berkaitan diperhalusi dari semasa ke semasa, untuk mengenal pasti, memantau dan menyelesaikan akaun tersebut dengan lebih baik.

Audit Dalaman Kumpulan menjalankan kajian bebas pasca kelulusan secara persampelan untuk memastikan kualiti penilaian kredit dan piawaian kelulusan adalah selaras dengan piawaian pengunderaitan kredit dan dasar pembiayaan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Kumpulan, serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan

Kumpulan mengguna pakai garis panduan BNM mengenai Pelaporan Kewangan. Prinsip-prinsip dalam garis panduan ini adalah selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9), yang mematuhi rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Model kemerosotan nilai MFRS 9 memerlukan pengiktirafan kerugian dijangka kredit (ECL) untuk semua aset kewangan, kecuali untuk aset kewangan yang dikelaskan atau ditetapkan sebagai Nilai Saksama Melalui Keuntungan & Kerugian atau FVTPL dan sekuriti ekuiti yang diklasifikasikan di bawah Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain atau FVOCI, yang tidak tertakluk kepada penilaian kemerosotan nilai. Perkara-perkara di luar kunci kira-kira yang tertakluk kepada ECL termasuk jaminan kewangan dan komitmen pinjaman belum dibayar.

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Kumpulan pada mulanya menilai sama ada wujudnya bukti objektif rosot nilai bagi aset kewangan yang penting secara individu. Jika Kumpulan menentukan wujudnya bukti objektif rosot nilai, iaitu kerugian kredit, bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, ECL jangka hayat akan dikenal pasti bagi rosot nilai yang berlaku. Aset kewangan yang penting secara individu tetapi tidak mengalami rosot nilai dan tidak penting secara individu akan dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko kredit yang serupa (seperti kualiti kredit, jenis instrumen, penarafan risiko kredit, penggunaan kredit, tahap cagaran dan faktor lain yang berkaitan) untuk penilaian kolektif. Secara kolektif, peruntukan penilaian individu dan peruntukan penilaian kolektif membentuk jumlah peruntukan kredit yang dijangka untuk Kumpulan.

ECL akan ditaksir menggunakan pendekatan yang mengelaskan aset kewangan kepada tiga tahap yang mencerminkan perubahan dalam kualiti kredit aset kewangan sejak pengiktirafan awal:

Peringkat 1: ECL 12 bulan – tidak terosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit di mana tidak terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan yang tidak mengalami rosot. nilai kredit pada asalnya, ECL yang dikaitkan dengan kebarangkalian peristiwa keingkaran yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang akan diiktiraf.

Peringkat 2: ECL Hayat – tidak terosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit yang terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara sejak pengiktirafan awal dan yang tidak terosot nilai kredit, ECL yang dikaitkan dengan kebarangkalian peristiwa keingkaran yang berlaku bagi tempoh hayat akan datang akan diiktiraf.

Peringkat 3: ECL Hayat – terosot nilai kredit

Aset kewangan dinilai sebagai terosot nilai kredit apabila satu atau lebih bukti objektif keingkaran yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset tersebut telah berlaku. Bagi aset kewangan yang telah terosot nilai kredit, ECL hayat akan diiktiraf.

Perubahan pada ECL di antara dua tempoh tersebut akan diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian.

Penilaian kemerosotan nilai risiko kredit sejak pengiktirafan awal adalah penting dalam menentukan titik pertukaran antara keperluan untuk mengukur peruntukan berdasarkan ECL 12 bulan dan satu yang berdasarkan ECL hayat. Penilaian kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menganggarkan peningkatan risiko kredit yang ketara dengan membandingkan risiko berlakunya keingkaran ke atas aset kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko berlakunya keingkaran pada aset kewangan pada tarikh pengiktirafan awal.

Penilaian risiko kredit, serta anggaran ECL, dikehendaki tidak berat sebelah, berwajaran kebarangkalian dan harus mempertimbangkan kesemua maklumat yang tersedia ada yang berkaitan dengan penilaian, termasuk maklumat tentang peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan yang munasabah dan boleh disokong mengenai peristiwa masa depan dan keadaan ekonomi pada tarikh pelaporan. Pengukuran ECL adalah berdasarkan produk terdiskaun model-model PD, LGD dan EAD. Model-model ECL yang tertentu memanfaatkan model Berdasarkan Penarafan Dalam (IRB) Basel II Kumpulan sedia ada, yang mana boleh dilaksanakan atau tersedia, dengan pelarasan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan MFRS 9.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Penilaian Individu – Pencetus Rosot Nilai

Peminjam/Pelanggan yang dinilai di bawah Peruntukan Rosot Nilai (IA) akan dikelaskan sebagai rosot nilai di bawah mana-mana situasi berikut:

1. Apabila prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya, mana-mana kemudahan peminjam/pelanggan lampau tempoh lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dan ke atas.
2. Dalam kes kemudahan kitaran (contohnya kemudahan overdraf), peminjam/pelanggan kemudahan tersebut akan dikelaskan sebagai rosot nilai sekiranya jumlah tertunggak kekal melebihi had diluluskan bagi tempoh lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dan ke atas.
3. Apabila jumlah lampau tempoh atau jumlah tertunggak melebihi had yang diluluskan selama kurang dari 90 hari atau 3 bulan, pinjaman/pembiayaan menunjukkan kelemahan (rujuk pencetus rosot nilai) yang boleh menyebabkannya dikelaskan sebagai rosot nilai.
4. Apabila pembayaran balik pinjaman/pembiayaan dijadualkan pada selang 3 bulan atau lebih, peminjam/pelanggan dikelaskan sebagai rosot nilai sebaik sahaja keingkaran berlaku.
5. Apabila berlaku mana-mana satu Pencetus Status Mandatori (MST), kedua-dua Pencetus Status Sampingan (AST) 1 dan AST 4 atau mana-mana tiga AST dan ke atas. MST dan AST ini adalah peristiwa pencetus yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Kumpulan untuk memudahkan pengelasan rosot nilai.
6. Dalam kes pembiayaan margin saham, peminjam/pelanggan dikelaskan sebagai rosot nilai apabila nisbah jual paksa berlaku dan selepas satu tempoh di mana jual paksa telah bermula atau di mana margin kewangan melangkaui ambang nisbah jual paksa yang ditetapkan.

Nota:

Bagi kemudahan R&R, pelanggan akan dikelaskan sebagai rosot nilai mengikut perenggan 1 hingga 4 di atas berdasarkan terma yang disemak semula atau distruktur semula.

Peruntukan Rosot Nilai Individu

Peminjam/pelanggan di bawah penilaian individu dan dicituskan sama ada oleh mana-mana satu MST, kedua-dua AST 1 dan AST 4, atau mana-mana 3 AST dan ke atas akan dikelaskan sebagai rosot nilai. Oleh itu, penilaian rosot nilai akan dilakukan ke atas peminjam/pelanggan, berdasarkan anggaran aliran tunai/realisasi cagaran masa depan yang munasabah dan didokumenkan yang dijangka pulih daripada peminjam/pelanggan yang rosot nilai iaitu nilai bersih semasa bagi aliran tunai masa depan adalah terdiskaun berdasarkan kadar faedah/keuntungan efektif asal dan dibandingkan dengan nilai bawaan. Sebarang rosot nilai ke atas kekurangan akan diperuntukkan sepenuhnya dengan serta-merta.

Pengelasan Semula dan Pemulihan Peminjam/Pelanggan Rosot Nilai

Peminjam/pelanggan rosot nilai boleh dikelaskan semula sebagai status bukan rosot nilai di bawah keadaan berikut:

1. Apabila pembayaran balik pinjaman/pembiayaan peminjam/pelanggan yang rosot nilai telah bertambah baik dengan prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya, kemudahannya dengan Kumpulan adalah kurang daripada 90 hari atau 3 bulan.
2. Apabila peminjam menunjukkan kelemahan yang boleh menyebabkannya dikelaskan sebagai rosot nilai, walaupun pinjaman lampau tempoh adalah kurang 90 hari atau 3 bulan, peminjam boleh dikelaskan semula kepada status tidak rosot nilai apabila kelemahan-kelemahan telah ditangani atau diselesaikan.
3. Apabila peminjam/pelanggan dinilai secara individu sebagai rosot nilai disebabkan oleh mana-mana satu MST atau kedua-dua AST1 dan AST4 atau mana-mana tiga dan ke atas, peminjam/pelanggan boleh dikelaskan semula kepada status tidak rosot nilai apabila pencetus-pencetus ini telah ditangani dan diselesaikan.
4. Apabila akaun margin saham peminjam/pelanggan tidak lagi memenuhi kriteria rosot nilai di atas.

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Hapus Kira Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai

Semua pinjaman/pembiayaan yang memenuhi mana-mana satu daripada kriteria berikut, boleh disyorkan untuk dihapus kira:

1. Dianggap tidak boleh dipulihkan, tidak bernilai dan dengan prospek pemulihan yang tipis.
2. Pengecualian di bawah skim penyelesaian komposit yang diluluskan.
3. Projek terbengkalai tanpa tiada tanda-tanda pemulihan. Definisi projek terbengkalai mestilah mematuhi definisi yang dinyatakan di bawah penilaian bagi projek terbengkalai.
4. Projek yang telah siap tetapi dibiarkan terbengkalai atau tiada penghunian selama 12 bulan dengan 2 pusingan lelongan batal. Ini termasuk unit/lot di kompleks/projek yang sama tetapi tidak dilelong atas sebab penjimatan kos.
5. Pinjaman/pembiayaan yang bercagarkan hartanah yang telah menjalani sekurang-kurangnya 5 pusingan lelongan batal.
6. Pinjaman/pembiayaan yang bercagarkan hartanah dengan baki tertunggak di bawah RM5,000 tertakluk kepada penghakiman yang diperolehi terhadap semua dan peminjam/pelanggan tidak dapat dihubungi.
7. Bagi pinjaman/pembiayaan runcit dan berprogram, hapus kira boleh dipercepatkan bagi penuaan 12 bulan dan ke atas, dengan syarat tindakan undang-undang di mana sekurang-kurangnya writ saman telah difailkan.
8. Bagi kes kad kredit dan pembiayaan peribadi, penuaan adalah sekurang-kurangnya 6 bulan dan ke atas.

Hapus kira pinjaman/pembiayaan rosot nilai separa dibenarkan dalam keadaan berikut:

1. Nilai sekuriti (amaun boleh dipulih dalam kes IA) adalah kurang daripada baki tertunggak (termasuk prinsipal, faedah terakru dan caj-caj lain) dan tiada penambahan kepada kekurangan sekuriti.
2. Kekurangan nilai sekuriti ke atas baki tertunggak (termasuk prinsipal, faedah terakru dan sebarang caj lain) tidak boleh dikutip dan tidak bernilai; atau
3. Pinjaman/pembiayaan bercagarkan hartanah yang dikelaskan sebagai rosot nilai > 3 tahun dengan 3 pusingan lelongan batal. Baki tertunggak dikurangkan kepada 50% daripada nilai cagaran, dengan kekurangan akan dihapus kira.
4. Kumpulan berada di peringkat akhir untuk merealisasikan sekuriti/cagaran; atau
5. Baki tertunggak diturun nilai kepada nilai sekuriti iaitu kekurangan nilai sekuriti ke atas baki tertunggak dihapus kira.
6. Selepas pelupusan sekuriti, kekurangan yang timbul daripada penolakan hasil lelongan terhadap baki tertunggak yang diturun nilai, jika ada, akan dihapus kira serta-merta.
7. Dalam kes pengaturan penyelesaian yang diluluskan, Kumpulan akan menurunkan nilai tertunggak kepada jumlah penyelesaian yang diluluskan pada tarikh kelulusan perjanjian penyelesaian.

Polisi hapus kira kemerosotan nilai nilai pinjaman/pembiayaan ini bertujuan untuk menyediakan metodologi yang tepat pada masanya dan konsisten untuk pinjaman/pembiayaan yang dihapus kira dan mencerminkan nilai sebenar aset dalam buku Kumpulan.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan pinjaman/pembiayaan rosot nilai dan lampau tempoh serta peruntukan bagi kerugian kredit mengikut sektor industri pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021:

Jadual 18a: Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Sektor Industri pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Pinjaman/ Pembiayaan Rosot Nilai RM'000	Pinjaman/ Pembiayaan Lampau Tempoh RM'000	Peruntukan bagi Kerugian Kredit RM'000
Sektor Industri			
Pertanian	12,112	21,630	58,610
Perlombongan & Kuari	20,471	928	14,027
Perkilangan	215,294	99,455	189,901
Bekalan Elektrik, Gas & Air	9,965	5	11,401
Pembinaan	421,948	169,288	284,253
Pemborongan, Perdagangan Runcit, Restoran & Hotel	355,838	356,589	690,227
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	37,677	20,747	163,159
Kewangan, Insurans/Takaful, Hartanah & Perniagaan	334,117	224,594	355,870
Pendidikan, Kesihatan & Lain-lain	892,141	116,029	745,948
Isi Rumah	937,738	4,588,089	1,020,031
Lain-lain	51,430	106,845	176,575
Jumlah	3,288,731	5,704,199	3,710,002

Jadual 18b: Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Sektor Industri pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Pinjaman/ Pembiayaan Rosot Nilai RM'000	Pinjaman/ Pembiayaan Lampau Tempoh RM'000	Peruntukan bagi Kerugian Kredit RM'000
Sektor Industri			
Pertanian	11,396	3,973	49,039
Perlombongan & Kuari	2,876	11,583	39,766
Perkilangan	228,378	20,621	192,643
Bekalan Elektrik, Gas & Air	12,606	2,257	50,422
Pembinaan	343,966	40,773	251,313
Pemborongan, Perdagangan Runcit, Restoran & Hotel	287,307	121,038	926,837
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	275,606	13,946	343,307
Kewangan, Insurans/Takaful, Hartanah & Perniagaan	276,180	53,514	297,438
Pendidikan, Kesihatan & Lain-lain	684,197	63,633	423,363
Isi Rumah	794,530	1,782,114	915,644
Lain-lain	33,465	53,800	120,345
Jumlah	2,950,507	2,167,252	3,610,117

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan caj bersih/(masuk kira semula) dan hapus kira pinjaman/pembiayaan bagi rosot nilai mengikut sektor industri pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021:

Jadual 19: Caj Bersih/(Masuk Kira Semula) dan Hapus Kira Pinjaman/Pembiayaan bagi Rosot Nilai mengikut Sektor Industri

Kumpulan Perbankan RHB	Tempoh Dua Belas Bulan Berakhir 2022		Tempoh Dua Belas Bulan Berakhir 2021	
	Caj Bersih/ (Masuk Kira Semula) bagi ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000	Hapus Kira bagi ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000	Caj Bersih/ (Masuk Kira Semula) bagi ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000	Hapus Kira bagi ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000
Sektor Industri				
Pertanian	(36,359)	-	(266)	(7)
Perlombongan & Kuari	(1,057)	-	(524)	(177,366)
Perkilangan	17,824	(16,866)	9,395	(194,901)
Bekalan Elektrik, Gas & Air	(932)	-	(50,917)	(70)
Pembinaan	30,968	(21,223)	32,554	(32,408)
Pemborongan, Perdagangan Runcit, Restoran & Hotel	95,114	(29,845)	14,986	(76,117)
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	(21,325)	(93,581)	6,200	(138,446)
Kewangan, Insurans/Takaful, Hartanah & Perniagaan	27,537	(21,330)	20,625	(7,051)
Pendidikan, Kesihatan & Lain-lain	264,638	(307)	416,979	(5,858)
Isi Rumah	312,684	(212,531)	253,140	(336,110)
Lain-lain	125,821	(98,897)	6,912	(4,674)
Jumlah	814,913	(494,580)	709,084	(973,008)

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan pinjaman/pembiayaan rosot nilai dan lampau tempoh serta peruntukan bagi kerugian kredit Kumpulan mengikut pengagihan geografi pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021:

Jadual 20a: Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Pengagihan Geografi pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Pinjaman/ Pembiayaan Rosot Nilai RM'000	Pinjaman/ Pembiayaan Lampau Tempoh RM'000	Peruntukan bagi Kerugian Kredit RM'000
Pengagihan Geografi			
Malaysia	2,007,232	4,762,066	2,644,895
Pesisir Labuan	756,636	-	745,329
Singapura	198,679	460,927	147,976
Thailand	82,032	94,492	81,497
Brunei	5,973	30,953	2,073
Kemboja	234,447	282,176	65,432
Laos	3,732	73,585	22,800
Jumlah	3,288,731	5,704,199	3,710,002

Jadual 20b: Pinjaman/Pembiayaan Rosot Nilai dan Lampau Tempoh serta Peruntukan bagi Kerugian Kredit mengikut Pengagihan Geografi pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Pinjaman/ Pembiayaan Rosot Nilai RM'000	Pinjaman/ Pembiayaan Lampau Tempoh RM'000	Peruntukan bagi Kerugian Kredit RM'000
Pengagihan Geografi			
Malaysia	1,669,228	1,749,920	2,530,342
Pesisir Labuan	678,850	-	419,582
Singapura	372,719	263,332	457,245
Thailand	94,355	700	80,249
Brunei	4,806	12,432	957
Kemboja	127,567	21,699	69,806
Laos	2,982	119,169	51,936
Jumlah	2,950,507	2,167,252	3,610,117

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian perubahan kepada peruntukan pinjaman/pembiayaan bagi kerugian kredit pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021:

Jadual 21a: Penyesuaian Perubahan kepada Peruntukan Pinjaman/Pembiayaan bagi Kerugian Kredit pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	ECL 12 bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL Hayat Tidak Terosot Nilai Kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada awal tahun kewangan	1,015,663	1,186,991	1,407,463	3,610,117
Perubahan disebabkan aset kewangan yang diiktiraf dalam baki permulaan yang telah:				
- Dipindahkan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	196,146	(179,726)	(16,420)	-
- Dipindahkan kepada ECL Hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(31,853)	65,382	(33,529)	-
- Dipindahkan kepada ECL Hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(15,483)	(51,693)	67,176	-
	148,810	(166,037)	17,227	-
Perubahan dalam risiko kredit	(352,433)	9,865	1,191,823	849,255
Pembelian dan Pengasalan	113,114	118,999	27,149	259,262
Hutang lapuk dihapus kira	-	-	(494,580)	(494,580)
Perubahan kepada metodologi model	(11,434)	(40,369)	(1,303)	(53,106)
Penyahiktirafan	(70,097)	(54,600)	(419,983)	(544,680)
Perbezaan pertukaran	2,478	678	37,384	40,540
Penyesuaian perubahan lain	-	-	43,194	43,194
Baki pada akhir tahun kewangan	846,101	1,055,527	1,808,374	3,710,002

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

6.8 Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian perubahan kepada peruntukan pinjaman/pembiayaan bagi kerugian kredit pada 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2021 (sambungan):

Jadual 21b: Penyesuaian Perubahan kepada Peruntukan Pinjaman/Pembiayaan bagi Kerugian Kredit pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	ECL 12 bulan (Peringkat 1) RM'000	ECL Hayat Tidak Terosot Nilai Kredit (Peringkat 2) RM'000	ECL Hayat Terosot Nilai Kredit (Peringkat 3) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada awal tahun kewangan	812,037	1,385,283	1,609,038	3,806,358
Perubahan disebabkan aset kewangan yang diiktiraf dalam baki permulaan yang telah:				
- Dipindahkan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	259,949	(236,692)	(23,257)	-
- Dipindahkan kepada ECL Hayat tidak terosot nilai kredit (Peringkat 2)	(51,684)	157,604	(105,920)	-
- Dipindahkan kepada ECL Hayat terosot nilai kredit (Peringkat 3)	(9,678)	(86,802)	96,480	-
	198,587	(165,890)	(32,697)	-
Perubahan dalam risiko kredit	(37,862)	164,989	953,753	1,080,880
Pembelian dan Pengasalan	115,170	72,551	24,452	212,173
Hutang lapuk dihapus kira	-	-	(973,008)	(973,008)
Perubahan kepada metodologi model	7,191	(79,599)	3,426	(68,982)
Penyahiktirafan	(78,646)	(145,393)	(239,850)	(463,889)
Pemindahan kepada pelaburan kewangan pada kos terlunas	-	(50,496)	-	(50,496)
Perbezaan pertukaran	(814)	5,546	5,916	10,648
Penyesuaian perubahan lain	-	-	56,433	56,433
Baki pada akhir tahun kewangan	1,015,663	1,186,991	1,407,463	3,610,117

7.0 RISIKO PASARAN

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang timbul daripada pergerakan negatif dalam pemacu pasaran, seperti kadar faedah/keuntungan, lebaran kredit, harga ekuiti, kadar pertukaran mata wang dan harga komoditi. Di bawah takrifan ini, risiko pasaran meliputi:

- Kadar keuntungan/faedah dan risiko ekuiti berkaitan dengan instrumen kewangan dalam buku dagangan; dan
- Risiko pertukaran asing dan risiko komoditi dalam buku dagangan dan perbankan.

Kumpulan berurus niaga dalam instrumen kewangan seperti kertas hutang dan instrumen derivatif seperti niaga hadapan, pertukaran dan pilihan. Instrumen derivatif adalah kontrak yang ciri dan nilainya diperoleh daripada instrumen asas yang boleh menjadi rujukan kepada asas yang mungkin membentuk kadar faedah/keuntungan, kadar pertukaran, kertas hutang, atau ekuiti, indeks dan komoditi.

Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan dalam Pengurusan Risiko Kumpulan ialah tahap kerja yang membentuk fungsi terpusat untuk menyokong pengurusan kanan dalam pembangunan rangka kerja risiko pasaran, had risiko, mengoperasikan proses dan melaksanakan metodologi pengukuran untuk memastikan kawalan dan pengawasan risiko yang mencukupi disediakan. Tanggungjawab utama menguruskan risiko pasaran sebagai barisan pertahanan pertama kekal di unit perniagaan masing-masing.

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan (ALCO Kumpulan), GCRC dan IBRMC memainkan peranan yang kritikal dalam mengurus risiko pasaran dan menyokong jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko pasaran secara keseluruhan. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini kerap bermesyuarat dan merupakan forum di mana keputusan strategik dan taktikal dibuat bagi pengurusan risiko pasaran; ini termasuk pembangunan strategi risiko pasaran Kumpulan, struktur pengurusan risiko pasaran dan polisi-polisi serta teknik-teknik pengukuran yang akan dilaksanakan.

Kumpulan telah menubuhkan Penyata Polisi Buku Dagangan Kumpulan, rangka kerja dan had risiko sebagai panduan untuk pengurusan risiko pasaran. Dokumen ini disemak secara berkala dan/atau apabila berlaku perubahan dalam peristiwa penting yang mempunyai kesan ketara terhadap pematuhan polisi atau perubahan peraturan.

Pengukuran dan Kawalan Risiko Pasaran

Kumpulan menggunakan alat pemantauan dan penilaian risiko untuk mengukur kedudukan buku dagangan dan faktor risiko pasaran. Alat penilaian risiko statistik dan bukan statistik yang digunakan termasuk Nilai Berisiko (VaR), analisis kepekaan dan ujian tekanan.

Kumpulan mengamalkan pendekatan sistematik dalam menguruskan risiko-risiko ini mengikut jenis instrumen dan sifat pendedahan. Risiko pasaran terutamanya dipantau dan dikawal melalui struktur had dan pencetus iaitu mengurangkan kerugian, VaR, had dagangan dan nosional yang ditetapkan mengikut saiz kedudukan dan selera toleransi risiko. Di samping itu, Kumpulan menjalankan ujian tekanan secara berkala ke atas portfolio masing-masing untuk memastikan risiko pasaran di bawah keadaan pasaran yang tidak normal.

Pemantauan dan Pelaporan Risiko Pasaran

Bagi kawalan risiko pasaran yang berkesan, pencetus tindakan pengurusan yang ditetapkan dan had risiko ditetapkan dan dipantau secara aktif. Hanya aktiviti perdagangan yang diluluskan boleh dilaksanakan oleh unit perniagaan tertentu dalam had yang diperuntukkan. Semua kedudukan dagangan dipantau secara bebas setiap hari dan mengikut prosedur peningkatan yang ditetapkan dan tindakan utama yang perlu diambil. Laporan pendedahan risiko pasaran dibentangkan kepada pengurusan kanan, jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan Lembaga Pengarah.

Aktiviti Lindung Nilai

Aktiviti lindung nilai yang ditetapkan untuk perakaunan lindung nilai dikawal oleh Polisi Lindung Nilai Kumpulan yang menetapkan keseluruhan aktiviti lindung nilai yang boleh dilaksanakan oleh Kumpulan dan prosedur kawalan seterusnya seperti pengukuran keberkesanan dan pelaporan kepada ALCO Kumpulan. Instrumen lindung nilai yang digunakan untuk mengurangkan risiko termasuk opsyen, niaga hadapan, kontrak hadapan dan swap yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pelaksanaan lindung nilai dijalankan oleh bahagian berkaitan melalui fungsi perbendaharaan Kumpulan dengan kelulusan ALCO Kumpulan.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

7.0 RISIKO PASARAN (SAMBUNGAN)

Pemulihan Modal bagi Risiko Pasaran

Kumpulan mengguna pakai Pendekatan Seragam untuk menghitung keperluan modal risiko pasaran selaras dengan Garis Panduan BNM. Aset berwajaran risiko pasaran dan keperluan modal yang sepadan bagi Kumpulan, RHB Bank, RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 22a: Aset Berwajaran Risiko Pasaran dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Kedudukan Panjang RM'000	Kedudukan Pendek RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	117,635,599	116,989,465	2,785,745	222,860
Risiko Kedudukan Ekuiti	71,918	46,157	106,072	8,486
Risiko Mata Wang Asing	414,814	272,076	387,929	31,034
Risiko Opsyen	32,149	61,629	78,481	6,278
Jumlah			3,358,227	268,658

RHB Bank	Kedudukan Panjang RM'000	Kedudukan Pendek RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	118,198,456	117,392,948	2,735,751	218,860
Risiko Kedudukan Ekuiti	258	-	710	57
Risiko Mata Wang Asing	131,463	362,984	337,207	26,977
Risiko Opsyen	2,612	15,473	1,427	114
Jumlah			3,075,095	246,008

RHB Islamic Bank	Kedudukan Panjang RM'000	Kedudukan Pendek RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Keuntungan	13,712,284	13,659,288	109,266	8,741
Risiko Kedudukan Ekuiti	-	-	-	-
Risiko Mata Wang Asing	6,956	61,224	61,224	4,898
Risiko Opsyen	-	-	-	-
Jumlah			170,490	13,639

RHB Investment Bank	Kedudukan Panjang RM'000	Kedudukan Pendek RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	8,670	8,622	-	-
Risiko Kedudukan Ekuiti	38,413	27,636	33,187	2,655
Risiko Mata Wang Asing	113,465	698	113,465	9,077
Risiko Opsyen	12,640	27,636	41,552	3,324
Jumlah			188,204	15,056

Nota:

Pada 31 Disember 2022,

1. Kumpulan Perbankan RHB tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko komoditi, risiko inventori dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
2. RHB Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko kedudukan ekuiti, risiko komoditi, risiko inventori dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
3. RHB Islamic Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko kedudukan ekuiti, risiko komoditi, risiko inventori, risiko opsyen dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
4. RHB Investment Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko komoditi dan risiko inventori. Risiko kedudukan ekuiti dihitung berdasarkan kedudukan panjang bersih dan kedudukan pendek bersih.

7.0 RISIKO PASARAN (SAMBUNGAN)

Pemulihan Modal bagi Risiko Pasaran (sambungan)

Kumpulan mengguna pakai Pendekatan Seragam untuk menghitung keperluan modal risiko pasaran selaras dengan Garis Panduan BNM. Aset berwajaran risiko pasaran dan keperluan modal yang sepadan bagi Kumpulan, RHB Bank, RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 ditunjukkan dalam jadual di bawah (sambungan):

Jadual 22b: Aset Berwajaran Risiko Pasaran dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Kedudukan Panjang RM'000	Kedudukan Pendek RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	78,808,602	78,158,365	1,950,110	156,009
Risiko Kedudukan Ekuiti	86,932	68,750	99,883	7,990
Risiko Mata Wang Asing	1,137,784	124,696	1,113,097	89,048
Risiko Opsyen	75,691	150,728	38,025	3,042
Jumlah			3,201,115	256,089
RHB Bank				
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	82,721,361	82,113,579	1,852,821	148,226
Risiko Kedudukan Ekuiti	-	-	-	-
Risiko Mata Wang Asing	787,136	143,531	762,449	60,996
Risiko Opsyen	75,691	81,978	2,419	193
Jumlah			2,617,689	209,415
RHB Islamic Bank				
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Keuntungan	13,736,843	13,697,737	176,507	14,120
Risiko Kedudukan Ekuiti	-	-	-	-
Risiko Mata Wang Asing	4,828	25,008	25,008	2,001
Risiko Opsyen	-	-	-	-
Jumlah			201,515	16,121
RHB Investment Bank				
Risiko Pasaran				
Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Keuntungan	6,741	3,392	3,291	263
Risiko Kedudukan Ekuiti	80,624	68,750	40,672	3,254
Risiko Mata Wang Asing	82,471	730	82,471	6,598
Risiko Opsyen	-	68,750	35,606	2,848
Jumlah			162,040	12,963

Nota:

Pada 31 Disember 2021,

1. Kumpulan Perbankan RHB tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko komoditi, risiko inventori dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
2. RHB Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko kedudukan ekuiti, risiko komoditi, risiko inventori dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
3. RHB Islamic Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko kedudukan ekuiti, risiko komoditi, risiko inventori, risiko opsyen dan pendedahan risiko pasaran yang diserap oleh PSIA.
4. RHB Investment Bank tidak mempunyai sebarang pendedahan di bawah risiko komoditi dan risiko inventori. Risiko kedudukan ekuiti dihitung berdasarkan kedudukan panjang bersih dan kedudukan pendek bersih.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

8.0 PENDEDAHAN EKUITI DALAM BUKU PERBANKAN

Risiko ekuiti ialah risiko penurunan nilai boleh direalisasikan bersih bagi pendedahan ekuiti dalam buku perbankan. Ini termasuk:

- Pelaburan dalam sekuriti (pegangan ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai, sama ada langsung/tidak langsung, dan termasuk ekuiti persendirian); dan
- Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama.

Kumpulan memegang kedudukan akibat dari penukaran ekuiti hutang dan untuk tujuan sosio-ekonomi dan bukan sosio-ekonomi yang dianggap sebagai instrumen bukan dagangan. Pemegangan pelaburan ekuiti yang didagangkan secara umum merangkumi saham disebut harga, yang didagangkan secara aktif dalam bursa saham. Semua pendedahan ekuiti dagangan awam dan pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada nilai saksama.

Garis panduan Rosot Nilai Kumpulan memberi panduan bagi penukaran ekuiti hutang dan pengurusan pendedahan sedemikian bagi memastikan ia diurus secara berkesan dan diambil kira dalam buku Kumpulan.

Bagi tujuan modal kawal selia, Kumpulan Perbankan RHB menerima pakai Pendekatan Seragam untuk menghitung pendedahan risiko berwajaran. Aset berwajaran risiko pelaburan ekuiti Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 adalah seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 23: Pendedahan Ekuiti dalam Buku Perbankan

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kredit Kasar		Aset Berwajaran Risiko	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Jenis Ekuiti				
Diniagakan secara awam				
Pelaburan dalam dana unit amanah	51,028	55,928	51,028	55,928
Pegangan pelaburan ekuiti	25,018	2,352	25,018	2,352
Dimiliki secara persendirian				
Untuk tujuan sosio-ekonomi	737,541	757,419	737,541	757,419
Untuk tujuan bukan sosio-ekonomi	689,881	627,060	1,034,821	940,590
Jumlah	1,503,468	1,442,759	1,848,408	1,756,289
			2022 RM'000	2021 RM'000
Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi Kumulatif daripada Penjualan dan Pembubaran			(535)	19,444
Jumlah Keuntungan/(Kerugian) Tidak Direalisasi bersih			609,020	659,095

9.0 RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan ialah risiko Kumpulan tidak dapat mengekalkan aset cair yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangannya apabila tiba masanya dan berurus niaga pada kos yang munasabah. Risiko kecairan juga timbul daripada ketidakupayaan untuk menguruskan penurunan yang tidak dirancang atau perubahan dalam sumber pembiayaan.

Terdapat dua jenis-jenis risiko kecairan, iaitu risiko kecairan pendanaan dan kecairan pasaran. Risiko kecairan pendanaan adalah risiko di mana Kumpulan tidak dapat memenuhi secara efisien kedua-dua keperluan aliran tunai semasa dan masa hadapan dan cagaran yang dijangka dan tidak dijangka tanpa menjejaskan sama ada operasi harian atau kedudukan kewangan Kumpulan. Risiko kecairan pasaran adalah risiko di mana Kumpulan tidak boleh mengimbangi atau menghapuskan kedudukan pada harga pasaran kerana kedalaman pasaran yang tidak mencukupi atau gangguan pasaran.

Peranan utama bank dari segi pengantaraan kewangan ialah transformasi deposit jangka pendek kepada pembiayaan jangka panjang. Dengan memenuhi peranan transformasi kematangan, bank sememangnya terdedah kepada ketidakpadanan mudah tunai dan seterusnya risiko pembiayaan dan kecairan pasaran. Melalui Polisi Risiko Kecairan Kumpulan, Kumpulan menguruskan risiko pembiayaan dan kecairan pasaran untuk memastikan operasi perbankan berterusan tanpa gangguan dalam keadaan biasa dan tertekan. Objektif utama yang menyokong Polisi Risiko Kecairan Kumpulan termasuk mengekalkan keyakinan pasaran kewangan pada setiap masa, melindungi kepentingan pemegang kepentingan utama dan memenuhi keperluan kecairan kawal selia.

ALCO Kumpulan menyokong jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan melaksanakan peranan penting dalam pengurusan risiko kecairan, dan bertanggungjawab untuk mewujudkan strategi yang membantu dalam mengawal dan mengurangkan sebarang potensi pendedahan kepada risiko kecairan. ALCO Kumpulan bermesyuarat secara kerap dan merupakan forum di mana keputusan strategik dan taktikal dibuat untuk pengurusan risiko kecairan dan profil kunci kira-kira Kumpulan. Data, maklumat dan peristiwa ekonomi global dan domestik dibincangkan pada mesyuarat ALCO Kumpulan yang membolehkan Kumpulan menentukan tindakan dan reaksinya dalam pasaran modal. ALCO Kumpulan juga merupakan badan tadbir urus yang menetapkan kadar faedah/keuntungan untuk produk liabiliti serta kadar rujukan untuk produk dan perkhidmatan pembiayaan. ALCO Kumpulan disokong oleh Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan (ALM Kumpulan) di peringkat kerja. ALM Kumpulan memantau had risiko kecairan/Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) dan melaporkan kepada Kumpulan ALCO profil risiko kecairan setiap bulan.

Proses pengurusan kecairan melibatkan pewujudan polisi dan had pengurusan, pemantauan berkala terhadap had risiko kecairan, ujian tekanan berkala, dan mewujudkan pelan pendanaan luar jangkaan. Proses-proses ini adalah tertakluk kepada kajian semula secara berkala untuk memastikan ianya kekal relevan dalam konteks keadaan pasaran semasa. Beberapa alat pengurusan risiko kecairan yang utama adalah campuran pendeposit utama, campuran sumber pendanaan, profil kematangan sumber dana dan barisan pendanaan luar jangkaan.

Kumpulan telah mengguna pakai piawaian kecairan BNM pada LCR, untuk memastikan penyelenggaraan stok aset cair berkualiti tinggi tanpa halangan yang mencukupi untuk menampung keperluan kecairan selama 30 hari kalendar di bawah keadaan tekanan kecairan. Kumpulan juga menerima pakai NSFR untuk memastikan pengkalan sumber pendanaan stabil yang mencukupi sepanjang tempoh masa sehingga satu tahun. LCR dan NSFR di peringkat Kumpulan Perbankan RHB telah dikekalkan di atas 100%.

Garis Panduan Pelan Pengurusan Insiden Kecairan Kumpulan menetapkan garis panduan untuk menguruskan krisis kecairan, mengenal pasti tanda amaran awal kemungkinan kejadian kecairan dan keperluan untuk pemantauan risiko kecairan yang lebih tinggi dan mengurangkan pendedahan risiko kecairan. Selain itu, ia juga mengenal pasti individu-individu dan unit-unit yang bertanggungjawab untuk merumus dan melaksanakan tindak balas Kumpulan terhadap peristiwa kecairan. Garis Panduan Pelan Pengurusan Insiden Kecairan Kumpulan juga meliputi keseluruhan operasi Kumpulan termasuk operasi cawangan asing. Garis Panduan ini diwujudkan untuk menguruskan sebarang kemungkinan insiden mudah tunai negatif yang boleh dilaksanakan tepat pada masanya supaya tindakan sewajarnya boleh diambil untuk mengurangkan sebarang perkembangan pasaran yang tidak dijangka.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

10.0 RISIKO KADAR FAEDAH/KADAR RISIKO PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan merujuk kepada risiko pendapatan Kumpulan dan nilai ekonomi ekuiti disebabkan oleh pergerakan negatif dalam kadar faedah/kadar penanda aras. Risiko mungkin timbul daripada ketidakpadanan dalam masa penetapan harga semula aset dan liabiliti daripada kedua-dua kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira dalam buku perbankan, perubahan dalam cerun dan bentuk keluk hasil, risiko asas dan risiko opsyen.

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan terdiri daripada:

- Risiko penentuan semula harga (risiko ketidakpadanan)
 - Timbul daripada perbezaan masa dalam kematangan (bagi kadar tetap) dan penentuan semula harga (bagi kadar terapung) aset dan liabiliti bank, dan kedudukan luar kunci kira-kira. Walaupun ketidakpadanan penentuan semula harga sebegini adalah asas kepada perniagaan perbankan, ianya boleh mendedahkan pendapatan bank dan nilai asas ekonomi kepada turun naik yang tidak dijangka apabila kadar faedah/penanda aras berubah-ubah;
- Risiko asas
 - Timbul daripada korelasi yang tidak sempurna dalam pelarasan kadar yang diperoleh dan dibayar pada instrumen yang berbeza dengan ciri penentuan harga semula yang serupa. Apabila kadar faedah/penanda aras berubah, perbezaan ini boleh menimbulkan perubahan yang tidak dijangka dalam aliran tunai dan tebaran pendapatan antara aset, liabiliti dan instrumen luar kunci kira-kira yang sama tempoh matang atau kekerapan penetapan harga semula;
- Risiko keluk hasil
 - Timbul apabila peralihan keluk hasil yang tidak dijangka mempunyai kesan buruk ke atas pendapatan Kumpulan atau nilai asas ekonomi; dan
- Pilihan terbenam
 - Timbul terutamanya daripada pilihan terbenam dalam banyak kedudukan buku perbankan (contohnya beberapa produk gadai janji kadar tetap/pembiayaan perumahan memberikan peminjam/pelanggan pilihan untuk membuat pembayaran awal pinjaman/pembiayaan tanpa penalti dan deposit panggilan di mana pelanggan mempunyai pilihan untuk mengeluarkan dana deposit pada bila-bila masa).

Pendapatan Berisiko (EaR) dan Nilai Ekonomi Ekuiti (EVE) digunakan untuk menilai risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Ia dikira berdasarkan profil jurang harga semula buku perbankan menggunakan templat standard BNM. Aset dan liabiliti ditimba berdasarkan baki tempoh sehingga matang atau tarikh harga semula seterusnya. Pengukuran EaR dan EVE dijalankan setiap bulan.

ALCO Kumpulan menyokong jawatankuasa-jawatankuasa risiko Lembaga Pengarah dalam membangunkan polisi, strategi dan had bagi pengurusan pendedahan risiko kunci kira-kira. ALM Kumpulan dalam Pengurusan Risiko Kumpulan menyokong ALCO Kumpulan dalam pemantauan dan pelaporan bulanan bagi profil kadar faedah/kadar pulangan risiko buku perbankan. Objektif utama dalam menguruskan risiko kunci kira-kira adalah untuk menguruskan pendapatan faedah/keuntungan bersih dan nilai ekonomi ekuiti, serta bagi memastikan bahawa pendedahan risiko kadar faedah/kadar pulangan risiko dalam buku perbankan dikekalkan dalam had risiko toleransi yang ditetapkan.

Di samping itu, Risiko Kadar Faedah Kumpulan/Risiko Kadar Pulangan dalam Polisi Buku Perbankan diwujudkan untuk menyediakan tadbir urus risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Pencetus kepekaan kadar faedah/penanda aras digunakan ke atas pendapatan bagi pusat keuntungan masing-masing dalam Kumpulan. Kumpulan sentiasa mempertimbangkan ekonomi dan keperluan untuk meningkatkan atau mengurangkan risiko kadar faedah/kadar pulangan nilai risiko pulangan.

Selaras dengan Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan Kumpulan dalam Polisi Buku Perbankan untuk mencapai keseimbangan antara keuntungan daripada aktiviti perbankan dan meminimumkan risiko kepada pendapatan dan modal daripada perubahan dalam kadar faedah/penanda aras; risiko kadar faedah/kadar pulangan risiko kepada pendapatan dikawal menggunakan selera risiko, MAT dan prosedur penambahan yang dikenal pasti.

Ujian tekanan juga sering dilakukan untuk menentukan kecukupan modal dalam menangani kesan pergerakan kadar faedah/penanda aras yang melampau dalam kunci kira-kira. Ujian sebegini juga dilakukan untuk memberi amaran awal terhadap potensi kerugian melampau, memudahkan pengurusan proaktif risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan dalam persekitaran perubahan pasaran kewangan yang mendadak.

10.0 RISIKO KADAR FAEDAH/KADAR RISIKO PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN (SAMBUNGAN)

Kesan perubahan dalam kadar faedah/penanda aras kepada pendapatan bersih dan nilai ekonomi pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 24a: Risiko Kadar Faedah/Kadar Risiko Pulangan dalam Buku Perbankan pada 31 Disember 2022

Kumpulan Perbankan RHB	Kesan ke atas Kedudukan pada Tempoh Laporan (100 mata asas) Anjakan Selari			
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan		Peningkatan/(Penurunan) dalam Nilai Ekonomi	
	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000
Mata Wang				
MYR – Ringgit Malaysia	505,058	(505,058)	(1,478,785)	1,478,785
USD – Dolar Amerika Syarikat	(87,662)	87,662	9,609	(9,609)
Lain-lain ¹	55,199	(55,199)	12,292	(12,292)
Jumlah	472,595	(472,595)	(1,456,884)	1,456,884

Jadual 24b: Risiko Kadar Faedah/Kadar Risiko Pulangan dalam Buku Perbankan pada 31 Disember 2021

Kumpulan Perbankan RHB	Kesan ke atas Kedudukan pada Tempoh Laporan (100 mata asas) Anjakan Selari			
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan		Peningkatan/(Penurunan) dalam Nilai Ekonomi	
	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000
Mata Wang				
MYR – Ringgit Malaysia	527,971	(527,971)	(1,371,131)	1,371,131
USD – Dolar Amerika Syarikat	(37,190)	37,190	49,581	(49,581)
Lain-lain ¹	56,602	(56,602)	(24,437)	24,437
Jumlah	547,383	(547,383)	(1,345,987)	1,345,987

Nota:

1. Termasuk GBP, EUR, SGD dan lain-lain
2. Pendedahan EaR dan EVE adalah tambahan dan tidak mengambil kira sebarang kesan hubungan dalam pengagregatan
3. Pendapatan dan nilai ekonomi telah dikira berdasarkan pendekatan seragam yang diterima pakai oleh BNM

Kesan ke atas pendapatan bersih di atas mewakili aset dan liabiliti kewangan yang telah disediakan berdasarkan asas berikut:

- Aset dan liabiliti yang peka terhadap kadar faedah/penanda aras dengan baki tempoh matang atau tempoh penentuan semula harga sehingga satu tahun yang tidak dinyatakan dalam portfolio dagangan dimasukkan ke dalam jalur masa berdasarkan tempoh matang atau tempoh penetapan semula harga, mana-mana lebih awal.
- atu set wajar risiko dengan jalur masa masing-masing digunakan untuk mengunjurkan kesan perubahan kadar faedah/penanda aras yang berkenaan.
- Bagi aset dan liabiliti dengan tempoh matang bukan tetap, contohnya, akaun semasa dan simpanan, andaian tertentu dibuat untuk mencerminkan perilaku kepekaan sebenar item-item berkadar faedah/penanda aras.

Nilai ekonomi dicirikan oleh kesan perubahan kadar faedah/penanda aras ke atas nilai semua aliran tunai bersih, iaitu, kesan ke atas nilai ekonomi aset, liabiliti dan kedudukan luar kunci kira-kira Kumpulan. Ini memberikan pandangan yang lebih komprehensif tentang potensi kesan jangka panjang daripada perubahan dalam kadar faedah/penanda aras daripada yang ditawarkan oleh perspektif pendapatan. Senario yang digunakan adalah berdasarkan andaian bahawa semua pembolehubah utama untuk semua tempoh matang bergerak pada masa yang sama dan dengan magnitud yang sama dan tidak menggabungkan tindakan yang sebaliknya akan diambil oleh unit perniagaan dan pengurusan risiko untuk mengurangkan kesan pergerakan ini dalam pembolehubah utama.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

11.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, sumber manusia, sistem dan/atau peristiwa luaran, termasuk risiko IT, undang-undang dan ketidakpatuhan Syariah tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi. Risiko operasi wujud dalam operasi Kumpulan dan tidak boleh dihapuskan sama sekali. Kesannya mungkin dalam bentuk kerugian kewangan sebenar serta kerugian bukan kewangan seperti kehilangan reputasi, ketidakpatuhan dan tahap perkhidmatan pelanggan yang tidak memuaskan.

Salah satu perlindungan utama Kumpulan terhadap risiko operasi ialah kewujudan sistem kawalan dalaman yang kukuh, berdasarkan prinsip semakan dan imbalan dwi kawalan, pengasingan tugas, proses semakan dan pengesahan bebas, dan sistem kawalan akses dan proses kelulusan yang tersegmentasi. Kawalan ini didokumenkan melalui satu set polisi dan prosedur di peringkat perniagaan dan operasi masing-masing.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan terdiri daripada pelbagai aktiviti dan elemen, secara amnya dikelaskan kepada:

- Penambahbaikan – Kumpulan telah melaksanakan sistem pengurusan risiko operasi yang patuh Basel II untuk menyokong aliran kerja dan keupayaan analisisnya.
- Pendidikan dan Kesedaran – Kumpulan menjalankan aktiviti pengurusan perubahan untuk meningkatkan pengetahuan, budaya dan amalan pengurusan risiko warga kerja Kumpulan. Ini adalah selaras dengan prinsip dan keperluan bahawa barisan hadapan unit perniagaan dan sokongan Kumpulan adalah bertanggungjawab bagi menguruskan risiko operasi dan bertindak sebagai barisan pertama pertahanan disebabkan oleh penglibatan langsung mereka dalam saling hubungan pelanggan.
- Pemantauan dan Intervensi – Di sinilah unit kawalan risiko ibu pejabat utama, termasuk fungsi pengurusan risiko, fungsi pematuan dan fungsi audit dalaman, secara aktif menguruskan ketidakpatuhan operasi dan insiden masing-masing sebagai barisan pertahanan kedua dan ketiga. Barisan pertahanan kedua juga memantau dan menyelia tindakan pemulihan, termasuk langkah kesinambungan perniagaan dalam kes-kes yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti perniagaan seperti yang dicadangkan dan diusahakan oleh barisan pertama pertahanan.

Fungsi dan Organisasi Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan dalam Pengurusan Risiko Kumpulan mempunyai tanggungjawab berfungsi untuk pembangunan rangka kerja risiko operasi, polisi dan metodologi, dan menyediakan panduan dan maklumat kepada unit-unit perniagaan mengenai bidang risiko operasi. Tanggungjawabnya juga termasuk menimbulkan pemahaman dan kesedaran yang lebih luas tentang isu risiko operasi di semua peringkat dalam Kumpulan. Ia juga memastikan bahawa risiko operasi daripada produk, proses dan sistem baharu diurus dan dikurangkan dengan secukupnya.

Unit perniagaan dan sokongan bertanggungjawab terutamanya terhadap menguruskan risiko operasi harian masing-masing.

Pelaporan risiko operasi dibuat kepada pengurusan kanan, jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan Lembaga Pengarah secara berkala yang termasuk pelbagai maklumat risiko operasi seperti analisis risiko, pelan tindakan pengurangan risiko, hasil kaedah risiko, pelanggaran selera risiko, peristiwa risiko operasi yang ketara dan kegagalan kawalan risiko serta pengajaran yang diperoleh. Di samping itu, insiden risiko operasi utama dilaporkan kepada pengurusan kanan setiap hari. Laporan sebegini membolehkan Pengurusan Kanan dimaklumkan dan berbincang tentang kelemahan operasi yang dikenal pasti, mengambil tindakan pembetulan dengan segera dan untuk memastikan pengambilan keputusan dan pelan tindakan pengurangan risiko yang sesuai dilaksanakan.

Proses dan Kaedah Pengurusan Risiko Operasi

Kumpulan menggunakan proses pengurusan risiko operasi yang ditetapkan dalam menguruskan risiko operasi untuk membolehkan amalan pengurusan risiko operasi yang berinstitusi dan telus. Lima (5) proses tersebut adalah seperti berikut:

1. Menetapkan konteks;
2. Mengenal pasti risiko;
3. Menganalisis risiko;
4. Mengurangkan risiko; dan
5. Memantau risiko.

11.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

Proses dan Kaedah Pengurusan Risiko Operasi (sambungan)

Kumpulan menggunakan kaedah dan metodologi risiko operasi yang berkaitan untuk menyokong dan memastikan proses pengurusan risiko operasi yang berkesan. Kaedah-kaedah berikut digunakan:

- **Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (RCSA)**

RCSA ialah metodologi untuk membina profil risiko bagi setiap unit perniagaan dan sokongan. RCSA menetapkan proses berstruktur untuk pengenalpastian dan penilaian risiko operasi yang wujud, keberkesanan persekitaran kawalan, dan kecukupan pengurangan risiko yang sedia ada. Proses RCSA dipermudahkan oleh unit-unit perniagaan dan juga unit-unit sokongan berserta dengan warga kerja daripada Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan.

- **Penunjuk Risiko Utama (KRI)**

KRI adalah penunjuk boleh diukur yang digunakan untuk mengawasi dan memantau pendedahan utama risiko operasi. KRI berfungsi sebagai isyarat amaran awal; apabila penunjuk risiko melebihi nilai ambang yang ditetapkan, mesej amaran akan dihantarkan kepada senarai pengguna yang telah ditetapkan. Unit-unit perniagaan dan sokongan dikehendaki memantau pendedahan risiko mereka melalui KRI dan membangunkan plan khusus dan mantap untuk menangani penunjuk yang tidak memuaskan. KRI diserapkan ke dalam proses kritikal untuk memberi isyarat amaran awal peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan memaparkan kekerapan peristiwa sebagai mekanisme untuk penilaian dan pemantauan risiko berterusan.

- **Ujian Kawalan Utama (KCT)**

KCT adalah metodologi untuk membantu unit perniagaan/fungsian dalam melaksanakan penilaian secara berkala untuk menentukan keberkesanan kawalan utama dengan menilai sama ada prosedur/aktiviti kawalan dirancang dengan sempurna untuk mencapai matlamat fungsi dan kawalan; dan menguji sama ada kawalan utama beroperasi seperti dicadangkan dalam amalan sebenar. KCT yang berkesan membolehkan pengesanan awal kelemahan dan kekurangan kawalan yang akan membantu pengurusan kanan dan unit perniagaan/fungsian untuk segera memberi tumpuan kepada kelemahan kawalan dan mengambil tindakan tertumpu di mana ia paling diperlukan.

- **Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data Kerugian (IMLDC)**

IMLDC menyediakan proses berstruktur untuk pelaporan dan pengurusan insiden risiko operasi yang telah berlaku, dari titik penemuan sehingga penyelesaian. Unit perniagaan dan fungsian dikehendaki melaporkan dan mengurus semua insiden dan kerugian risiko operasi dalam garis masa yang ditetapkan dengan analisis lanjut punca untuk mengelakkan berulang lagi. Maklumat yang diperolehi daripada analisis tersebut juga boleh digunakan untuk menyemak keberkesanan RCSA dan KRI.

- **Analisis Senario Risiko Operasi (ORSA)**

ORSA digunakan untuk mengenal pasti senario risiko yang berkemungkinan menjadi kenyataan untuk penilaian. Senario risiko yang berkemungkinan adalah peristiwa yang mungkin mengakibatkan kerugian yang tidak dijangka dan melampau yang mungkin timbul apabila mempertimbangkan turutan kegagalan kawalan atau peristiwa penting secara berasingan. Perniagaan/unit fungsian dikehendaki menilai keputusan berpotensi yang berkait dengan pelbagai kegagalan operasi risiko, menilai kelemahan Kumpulan terhadap manifestasi senario risiko yang berkemungkinan, dan menyediakan plan pengurangan risiko yang sesuai untuk melindungi keselamatan dan keutuhan Kumpulan.

Pengurangan dan Kawalan Risiko

Strategi pengurangan risiko digunakan untuk meminimumkan risiko kepada tahap yang boleh diterima dan bertujuan untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya peristiwa yang tidak diingini serta kesannya ke atas perniagaan, sekiranya ia berlaku. Di antara kaedah-kaedah dan teknik-teknik kawalan adalah seperti berikut:

- **Memperkukuhkan kawalan dalaman**

Kawalan dalaman dibangunkan untuk mengimbangi pendedahan risiko operasi yang dihadapi oleh Kumpulan. Ia dikategorikan kepada lima komponen utama, iaitu:

- a. Persekitaran kawalan – pengawasan pengurusan dan budaya risiko, ini menetapkan nada dan bertindak sebagai asas bagi semua komponen lain;
- b. Penilaian risiko – menganalisis risiko yang telah dikenal pasti bagi mencapai matlamat dan memastikan kesemua risiko diurus dengan baik;
- c. Aktiviti kawalan – polisi dan prosedur yang dilaksanakan secara manual dan/atau berasaskan sistem bagi memastikan arahan-arahan pengurusan dilaksanakan dengan berkesan dan cekap;
- d. Maklumat dan komunikasi – maklumat risiko operasi yang berkaitan dikenal pasti dan disampaikan sewajarnya untuk membuat keputusan. Maklumat sedemikian mestilah berkesan untuk digunakan, disampaikan tepat pada masanya, kerahsiaan dipelihara, mematuhi keperluan integriti, mematuhi undang-undang/peraturan yang berkaitan, ketersediaan yang memadai dan boleh dipercayai; dan
- e. Pemantauan – penilaian berterusan dan membetulkan kekurangan kawalan dalaman untuk memastikan ianya beroperasi seperti yang dicadangkan.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

11.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

Pengurangan dan Kawalan Risiko (sambungan)

- **Pengurusan Kesenambungan Perniagaan**

Bagi mengurangkan kesan risiko operasi peristiwa luar jangkaan, Kumpulan mempunyai program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) yang berterusan dan diuruskan secara aktif untuk Kumpulan Perbankan RHB. Program BCM tertakluk kepada semakan dan ujian secara berkala termasuk inisiatif peningkatan berterusan untuk memastikan keberkesanan, kebolehpercayaan dan kefungisian, dan dengan penyelarasan dan tanggungjawab pengawasan Jabatan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Kumpulan.

Lembaga Pengarah mempunyai fungsi pengawasan menerusi BRC dan GCRC. Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan Kumpulan, yang melapor kepada GCRC, adalah jawatankuasa yang menyelia rangka kerja kesenambungan perniagaan, polisi, belanjawan dan perancangan Kumpulan.

- **Penyumberan Luar**

Disebabkan keperluan untuk menyumber luar untuk kecekapan kos dan operasi, polisi dan garis panduan disediakan untuk memastikan bahawa risiko yang timbul daripada aktiviti penyumberan luar dikenal pasti, dinilai dan diuruskan dengan secukupnya sebelum membuat sebarang pengaturturan baharu dan secara berterusan.

- **Pengurusan Insurans/Takaful**

Kumpulan mempertimbangkan pemindahan risiko melalui insurans/Takaful untuk mengurangkan risiko operasi. Kumpulan mempunyai program insurans/Takaful yang dibentuk untuk mengurangkan pendedahan kepada liabiliti dan melindungi asetnya. Kumpulan membeli insurans/Takaful daripada penanggung insurans/pembekal Takaful terkemuka dalam pasaran yang meliputi penipuan, kecurian, harta benda dan kerugian, gangguan perniagaan, liabiliti dan risiko lain yang mana ia mungkin bertanggungjawab. Perlindungan ini disediakan oleh penanggung insurans/pembekal Takaful pihak ketiga dan akan mengurangkan kesan ekonomi akibat risiko dari segi kewangan.

Risiko Teknologi

Risiko Teknologi merujuk kepada risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penggunaan Teknologi Maklumat (IT) dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf risiko yang timbul daripada kemajuan dan pergantungan kepada teknologi maklumat untuk menyokong operasi perniagaan melalui penggunaan teknologi maju dan sistem dalam talian untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang mudah dan boleh dipercayai kepada pelanggan. Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Teknologi Siber Kumpulan memastikan bahawa struktur tadbir urus diwujudkan untuk mengenal pasti, penilaian dan pengurusan risiko teknologi dalam operasi IT sedia ada serta sebelum penggunaan aplikasi dan sistem untuk pelanggan dalaman dan luaran.

Untuk memastikan bahawa sisa risiko boleh diterima, Kumpulan telah mewujudkan proses Penilaian Risiko Teknologi dan Awan untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang berkaitan secara menyeluruh dan kawalan yang sepadan untuk IT dan inisiatif pendigitalan.

Risiko Siber

Risiko Siber merujuk kepada ancaman atau kelemahan yang berpunca daripada kesalinghubungan infrastruktur teknologi dalaman ke Internet. Ini adalah risiko yang wujud yang dikaitkan dengan industri yang beralih kepada Internet sebagai saluran untuk penyampaian perkhidmatan perbankan. Kumpulan mengiktiraf risiko yang berkaitan dengan siber dan sebagai sebahagian daripada mitigasi akan sentiasa mengenal pasti peranti keselamatan yang sesuai untuk digunakan dan memastikan sumber yang mencukupi dengan set kemahiran yang betul diperuntukkan untuk menguruskan risiko ini.

Kumpulan juga melanggan pelbagai perkhidmatan perisikan ancaman untuk mendapatkan maklumat terkini tentang ancaman dan insiden siber yang boleh digunakan untuk mengurangkan risiko. Bagi terus memberi jaminan bahawa sistem aplikasi yang berhadapan dengan Internet adalah terjamin, Kumpulan menggunakan penyedia perkhidmatan keselamatan IT yang bereputasi untuk melaksanakan ujian penembusan secara berkala di mana kelemahan yang dikesan diselesaikan dengan sewajarnya dengan pengesahan daripada perunding luaran. Bagi mengukuhkan lagi kawalan, Pasukan Merah dan aktiviti penilaian kompromi dilakukan secara berkala untuk menguji keberkesanan perlindungan yang dilaksanakan.

11.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

Proses Kelulusan Produk dan Perkhidmatan Baharu

Kumpulan telah menubuhkan Polisi mengenai Pembangunan dan Kelulusan Produk dan Garis Panduan Mengenai Pengenalan Kitaran Hayat Produk & Perkhidmatan yang Baharu/Variasi yang mengawal pengurusan risiko produk baharu, perkhidmatan atau perubahan ketara padanya. Unit yang bertanggungjawab mempunyai kewajipan untuk menilai risiko operasi untuk pelancaran produk baharu dan/atau perubahan ketara dalam ciri produk atau proses berkaitan dan sistem kerja, serta memastikan risiko operasi berada pada tahap yang boleh diterima pada setiap masa.

Risiko Undang-undang

Risiko undang-undang adalah sebahagian daripada risiko operasi. Ia boleh timbul daripada kontrak yang tidak boleh dikuatkuasakan, tidak menguntungkan, defektif atau tidak disengajakan; tindakan undang-undang atau tuntutan; perkembangan undang-undang dan peraturan, atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Unit-unit perniagaan bekerjasama dengan penasihat undang-undang Kumpulan dan penasihat undang-undang luaran untuk memastikan risiko undang-undang diurus dengan berkesan.

Pemulihan Modal bagi Risiko Operasi

Kumpulan mengguna pakai Pendekatan Penunjuk Asas untuk pengiraan keperluan modal risiko operasi kawal selia. Aset berwajaran risiko operasi dan keperluan modal yang sepadan untuk Kumpulan Perbankan RHB, RHB Bank, RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021, ditunjukkan di bawah:

Jadual 25a: Aset Berwajaran Risiko Operasi dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2022

Risiko Operasi	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Aset Berwajaran Risiko	14,047,918	9,171,749	3,114,515	923,914
Keperluan Modal Minimum	1,123,834	733,740	249,161	73,913

Jadual 25b: Aset Berwajaran Risiko Operasi dan Keperluan Modal Minimum pada 31 Disember 2021

Risiko Operasi	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Aset Berwajaran Risiko	13,211,976	8,766,298	2,585,628	968,930
Keperluan Modal Minimum	1,056,958	701,304	206,850	77,514

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

12.0 RISIKO RENTAS SEMPADAN NEGARA

Risiko rentas sempadan negara ialah risiko yang dihadapi Kumpulan yang terutamanya melibatkan pelbagai keperluan undang-undang dalam pelbagai bidang kuasa yang seterusnya mengakibatkan pematuhan kepada set piawaian yang berbeza. Sesetengah keperluan ini mungkin unik untuk bidang kuasa atau mungkin tidak serasi antara satu sama lain, termasuk yang berkenaan dengan tugas fidusiari, keperluan undang-undang sekuriti dan struktur urus niaga.

Selain itu, pertimbangan politik seperti kepentingan keselamatan negara, penawaran polisi mengenai pelaburan asing, anti-amanah dan polisi buruh dan pekerjaan juga mungkin memerlukan pertimbangan yang teliti. Disebabkan ini, Kumpulan perlu menetapkan polisi-polisi dan menggariskan perlakuan yang diharapkan apabila menceburi aktiviti perniagaan tersebut.

Kumpulan berpandukan Polisi Kumpulan mengenai Menjalankan Perniagaan di Luar Negara yang berfungsi sebagai panduan peringkat tinggi bagi pemilik perniagaan yang bercadang untuk menubuhkan perniagaan luar negara Kumpulan. Polisi ini menetapkan tujuh (7) prinsip yang mesti dipatuhi oleh pemilik perniagaan dalam menjalankan pengembangan perniagaan luar negara Kumpulan, termasuk daripada permulaan pengembangan perniagaan di luar negara, kelulusan untuk pengembangan perniagaan di luar negara serta pemantauan berterusan perniagaan di luar negara. Ini adalah untuk melindungi kepentingan Kumpulan dan mengurangkan risiko pematuhan yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan di luar negara. Selain itu, Kumpulan juga berpandukan had Risiko Negara, untuk menguruskan risiko penumpuan kredit yang timbul daripada perubahan dalam persekitaran perniagaan negara di mana Kumpulan mempunyai pendedahan.

13.0 RISIKO REPUTASI

Risiko reputasi sering dilihat sebagai ancaman besar kepada perniagaan kerana kerosakan reputasi selalunya tidak boleh diperbaiki. Ia ditakrifkan sebagai risiko di mana publisiti negatif mengenai pengendalian Kumpulan atau mana-mana entiti dalam Kumpulan, dan amalan perniagaan atau syarikat bersekutunya, sama ada benar atau tidak, akan menjejaskan hasil, operasi atau pengkalan pelanggannya, atau memerlukan tindakan undang-undang berkos tinggi atau langkah-langkah mitigasi lain. Ia juga mengugutkan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan, serta mempengaruhi harga saham.

Risiko reputasi Kumpulan diuruskan dan dikawal melalui kod tatalaku, amalan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, polisi, prosedur dan latihan. Bagi tujuan ini, Kumpulan telah membangunkan dan melaksanakan Polisi Pengurusan Risiko Reputasi. Elemen-elemen utama bagi pengurusan risiko reputasi termasuk:

- Mengamalkan tadbir urus korporat dan budaya integriti untuk mempromosikan pelaksanaan dan pencapaian strategi korporat dan objektif perniagaan
- Menguruskan risiko reputasi pada tahap selera risiko yang sangat rendah dengan toleransi sifar terhadap insiden-insiden yang menjejaskan reputasi Kumpulan.
- Menerima pakai amalan pengurusan risiko yang mantap yang termasuk amalan membina “modal reputasi” dan memperoleh kerelaan pemegang kepentingan utama.
- Mengekalkan mekanisme yang sesuai untuk memantau dan mengamati pelanggaran/kesilapan terhadap polisi/garis panduan dalaman dan kawal selia yang boleh menjejaskan reputasi Kumpulan.
- Mengekalkan saluran komunikasi yang bersesuaian dalam berurusan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Bagi operasi Kumpulan di luar negara, Ketua-ketua Negara bertanggungjawab memupuk kesedaran dan mengamalkan polisi dan prosedur Kumpulan berhubung dengan risiko reputasi dalam semua urusan dengan para pelanggan, pelabur potensi dan pihak pengawal selia.

14.0 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH DAN TADBIR URUS


Risiko ketidakpatuhan Syariah ialah risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi, yang mungkin dialami oleh RHB akibat kegagalan untuk mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah (MPS) badan kawal selia tempatan (seperti MPS BNM untuk operasi Malaysia), piawaian mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan, atau keputusan atau nasihat jawatankuasa/penasihat Syariah yang dilantik oleh entiti RHB masing-masing.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah dibangunkan dengan objektif untuk mengawal keseluruhan proses pematuhan Syariah dalam operasi perbankan Islam, dan untuk:

- Memastikan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan produk, perkhidmatan dan pengendalian perniagaan perbankan Islam adalah selaras dengan prinsip Syariah;
- Memastikan operasi Bank tidak melanggar mana-mana prinsip-prinsip Syariah dan peraturan pihak pengawal selia yang berkaitan dengan Syariah; dan
- Bertindak sebagai panduan kepada jangkakan semua warga kerja yang terlibat dalam aktiviti perniagaan Islam; untuk memastikan semua fungsi tersebut adalah berdasarkan kepada prinsip, amalan dan hemat Syariah.

14.0 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH DAN TADBIR URUS (SAMBUNGAN)

Struktur pelaporan tadbir urus Syariah adalah seperti berikut:



Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank (SCR) telah ditubuhkan di bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM.

Tugas dan tanggungjawab utama SCR adalah untuk memberikan nasihat objektif dan wajar kepada Bank mengenai perkara Syariah berhubung dengan perniagaan dan operasi perbankan Islam; membincangkan, mengesahkan dan menangani sebarang peristiwa ketidakpatuhan Syariah; serta menyediakan pendapat Syariah secara bertulis mengenai produk baharu dan penyata kewangan RHB Islamic Bank. Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Perbankan RHB yang tidak mempunyai jawatankuasa Syariah dalaman telah memberikan mandat kepada SCR untuk memberi nasihat mengenai perkara Syariah, yang ditadbir oleh lembaga pengarah entiti masing-masing.

Dari segi fungsinya, perniagaan perbankan Islam Kumpulan Perbankan RHB disokong oleh Bahagian Penasihat Syariah, Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan, Pusat Kepakaran Pematuhan Syariah (CoE) dan Audit Syariah.

Ketua Bahagian Penasihat Syariah melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Syariah (SCR) dan dari segi pentadbiran, kepada Pengarah Urusan RHB Islamic Bank. Tugas dan tanggungjawab utama Bahagian Penasihat Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada, menjalankan semakan ke atas produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam; menyediakan sokongan nasihat Syariah dalaman kepada pengurusan dalam urusan harian dan operasinya; membantu SCR dalam menghuraikan dan membincangkan isu-isu Syariah yang berkaitan; menyediakan penyelidikan mendalam tentang analisis persaingan untuk membantu SCR dalam proses membuat keputusan; memastikan tadbir urus Syariah dalaman, aliran dan polisi proses dalaman, dan proses kelulusan Syariah diurus dan diselenggara dengan baik dengan cara yang cekap; memastikan Bank mematuhi piawaian tertinggi tadbir urus Syariah yang ditetapkan oleh BNM; berperanan sebagai sekretariat SCR dan pengantara antara pihak pengurusan dan SCR; mengawasi penghitungan dan pengagihan zakat dan dana untuk disalurkan kepada badan-badan amal; dan mewakili pengurusan dalam mana-mana hal berkaitan dengan Syariah.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

14.0 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH DAN TADBIR URUS (SAMBUNGAN)

Peranan dan tanggungjawab utama Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan adalah untuk memudahkan pengenalpastian, pengukuran, pemantauan dan pengawalan risiko ketidakpatuhan Syariah yang sedia wujud dalam perniagaan dan operasi perbankan Islam, dan untuk mengurangkan sebarang kemungkinan peristiwa ketidakpatuhan Syariah. Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan juga melaksanakan penilaian bebas dan menyediakan sokongan yang berkaitan dengan risiko ketidakpatuhan Syariah.

CoE Pematuhan Syariah menjalankan semakan dan membantu SCR dalam memberikan pendapat dari perspektif Syariah berhubung dengan status pematuhan Syariah produk, perkhidmatan dan operasi perniagaan perbankan Islam. Audit Syariah menyediakan penilaian bebas dan jaminan objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan berhubung dengan operasi perniagaan perbankan Islam, dengan objektif utama untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan untuk pematuhan Syariah.

Sebarang kejadian ketidakpatuhan Syariah yang diputuskan oleh SCR dilaporkan kepada GCRC, BRC-i, BRC, Lembaga Pengarah entiti masing-masing dalam Kumpulan Perbankan RHB dan BNM (bagi operasi di Malaysia). Tindakan pembetulan mungkin termasuk penamatan serta-merta produk atau perkhidmatan ketidakpatuhan Syariah dan nyah pengiktirafan mana-mana pendapatan ketidakpatuhan Syariah.

Terdapat satu (1) peristiwa Ketidakpatuhan Syariah yang dilaporkan pada tahun 2022 dengan tiada perolehan yang dinyahiktiraf.

15.0 AKAUN PELABURAN PERKONGSIAN KEUNTUNGAN (PSIA)

Akaun Pelaburan

Kumpulan melalui RHB Islamic Bank menawarkan dua jenis Akaun Pelaburan (IA) iaitu, Akaun Pelaburan Terhad (RIA) yang merujuk kepada IA di mana Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) menyediakan pelaburan khusus kepada RHB Islamic Bank, dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad (URIA) yang merujuk kepada IA di mana pelanggan memberikan RHB Islamic Bank mandat untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan sebarang sekatan atau syarat tertentu. Setiap produk IA di bawah RIA dan URIA mesti distrukturkan berdasarkan penggunaan kontrak Syariah yang diluluskan.

RHB Islamic Bank telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang diperlukan, polisi dan garis panduan serta manual dan prosedur operasi dalam memastikan kepentingan IAH dilindungi. Pengoperasian produk RIA dan URIA ditadbir oleh komponen tadbir urus RHB Islamic Bank, antara lain:

1. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah,
2. Rangka Kerja Harga Akaun Pelaburan RHB Islamic Bank,
3. Polisi Akaun Pelaburan RHB Islamic Bank,
4. Garis Panduan Akaun Pelaburan Bank Islam RHB,
5. Manual Operasi Akaun-i Pelaburan Perkongsian Keuntungan (PSIA-i),
6. Manual Operasi Akaun-i Pelaburan Terhad (RIA-i),
7. Manual Operasi Perbendaharaan.

Peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak dalam memastikan pengurusan dana IAH diterangkan seperti berikut:

- Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah – menyediakan hala tuju strategik dan selera risiko untuk Bank, meluluskan struktur tadbir urus yang berkaitan, objektif dan polisi serta menyediakan pengawasan ke atas pengurusan risiko dan aktiviti kawalan keseluruhannya;
- Jawatankuasa Syariah – mengawasi dan mengesahkan keseluruhan pengurusan dan operasi perniagaan akaun pelaburan agar mematuhi Syariah, menilai kerja yang dijalankan oleh Penasihat Syariah, Risiko Syariah dan Semakan Syariah terhadap operasi akaun pelaburan, dan memberikan pendapat tentang pematuhan Syariah akaun pelaburan dan operasi yang berkaitan;
- Pengurusan kanan – merangka dan melaksanakan strategi pelaburan, kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko, termasuk polisi pengagihan keuntungan dan polisi penilaian, selaras dengan objektif pelaburan;
- GALCO – meluluskan struktur, harga dan syarat IA berdasarkan produk IA yang diluluskan;
- Fungsi kawalan dan sokongan lain – Perbendaharaan Kumpulan, Kumpulan Perniagaan Strategik, Kewangan Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Pengurusan Risiko Kumpulan, Pematuhan Kumpulan dan Audit Dalaman Kumpulan menyediakan fungsi operasi yang diperlukan dan penilaian bebas.

15.0 AKAUN PELABURAN PERKONGSIAN KEUNTUNGAN (PSIA) (SAMBUNGAN)

Akaun Pelaburan (sambungan)

Prinsip tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Polisi IA RHB Islamic Bank termasuk polisi-polisi berkaitan peruntukan aset produk-produk IA yang diterjemahkan ke dalam garis panduan dan dokumen operasi (manual standard), yang membantu pengurusan kanan membuat keputusan yang diperlukan semasa proses. Kenyataan polisi yang berkaitan adalah seperti di bawah:

1. Pengurusan aset dan dana akaun pelaburan mesti diuruskan dengan berhati-hati menjaga hak dan kepentingan pelabur;
2. Aset asas, dana pelaburan dan transaksi pelbagai akaun pelaburan mesti diasingkan daripada dana-dana dan aset-aset lain yang diuruskan dan atau dimiliki oleh Bank;
3. Urus niaga antara akaun pelaburan dan Bank, jika ada, mesti dilaksanakan dengan cara yang telus dan atas dasar selengan;
4. Rekod bagi setiap akaun pelaburan mesti disimpan secara berasingan dan tertakluk kepada metodologi penilaian yang ditetapkan mengikut piawaian perakaunan yang berkaitan;
5. RHB Islamic Bank tidak akan melaksanakan amalan atau teknik pelicinan keuntungan untuk menguruskan Risiko Komersial Terlantar. Hubungan dan terma antara pihak mesti dinyatakan dengan jelas dalam terma dan syarat setiap akaun pelaburan.
6. Bank hendaklah membangunkan senarai perbelanjaan langsung yang dibenarkan yang mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah. Senarai mesti disemak sekurang-kurangnya setiap tahun.

Akaun Pelaburan Terhad (RIA)

Pada masa ini RHB Islamic Bank menawarkan produk berikut di bawah kategori RIA:

1. Akaun Pelaburan Perkongsian Untung-i (PSIA-i) yang menggunakan Mudharabah sebagai kontrak Syariah asas (rakan niaga terhad kepada RHB Bank sahaja), dan
2. Akaun Pelaburan Terhad-i (RIA-i) menggunakan kontrak Mudharabah untuk pelabur runcit dan bukan runcit.

Produk-produk ditawarkan kepada pelabur yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Selera risiko yang sepadan dengan objektif pelaburan
2. Memerlukan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah
3. Bersedia menerima potensi risiko kehilangan modal yang dilaburkan untuk mencapai potensi keuntungan yang lebih tinggi daripada kadar deposit berjangka biasa.
4. IAH mestilah entiti sah yang mempunyai kapasiti undang-undang untuk memasuki kontrak.

Akaun Pelaburan Tidak Terhad (URIA)

RHB Islamic Bank kini menawarkan Akaun Pelaburan Pasaran Wang Wakalah-i (WMMIA-i) menggunakan kontrak Wakalah bi al-Istithmar. Produk ini ditawarkan kepada pelabur korporat (pemastautin) yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Selera risiko yang sepadan dengan objektif pelaburan
2. Memerlukan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah
3. Bersedia menerima potensi risiko kehilangan modal yang dilaburkan untuk mencapai potensi keuntungan yang lebih tinggi daripada kadar deposit berjangka biasa.
4. IAH mestilah entiti sah yang mempunyai kapasiti undang-undang untuk memasuki kontrak Wakalah bi al-Istithmar.

Pendedahan Basel II Tunggak 3 Pada 31 Disember 2022

15.0 AKAUN PELABURAN PERKONGSIAN KEUNTUNGAN (PSIA) (SAMBUNGAN)

Akaun Pelaburan Tidak Terhad (URIA) (sambungan)

Jadual 26: Pendedahan Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan

Kumpulan Perbankan RHB Akaun Pelaburan Tidak Terhad (URIA)	2022 %	2021 %
Pulangan atas Aset (ROA)	7.58	7.20
Purata Pendapatan Boleh Agih Bersih	7.49	7.20
Purata Pendapatan Boleh Agih Bersih yang Boleh Diagihkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan (IAH)	3.00	2.37
	RM'000	RM'000
Aset terjejas yang dibiayai oleh URIA	12,218	966
Peruntukan ECL Peringkat 1 yang dibiayai oleh URIA	496	176
Peruntukan ECL Peringkat 2 yang dibiayai oleh URIA	1,465	117
Peruntukan ECL Peringkat 3 yang dibiayai oleh URIA	3,778	457

Nota:

1. Pulangan atas Aset merujuk kepada jumlah pendapatan kasar/jumlah purata aset yang dibiayai oleh URIA.
2. Purata Pendapatan Boleh Agih Bersih merujuk kepada jumlah purata pendapatan boleh agih bersih/jumlah purata aset yang dibiayai oleh URIA.

16.0 KENYATAAN-KENYATAAN MEMANDANG KE HADAPAN

Dokumen ini boleh atau mungkin mengandungi kenyataan-kenyataan memandang ke hadapan yang berdasarkan jangkaan semasa serta andaian atau jangkaan peristiwa masa hadapan. Kenyataan-kenyataan memandang ke hadapan ini dikenal pasti berdasarkan fakta bahawa ia tidak hanya berkaitan dengan fakta sejarah atau hal-hal semasa, dan sering menggunakan perkataan seperti jangka, sasaran, jangkakan, anggaran, berniat, merancang, percaya, akan, mungkin, harus, akan, boleh atau lain-lain.

Penggantungan keterlaluan tidak seharusnya dibuat pada kenyataan-kenyataan seumpama ini. Kenyataan-kenyataan memandang ke hadapan tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian kerana ianya berkaitan dengan peristiwa-peristiwa dan keadaan masa hadapan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan ekonomi dan perniagaan dalam negeri dan global, kesan daripada ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kredit, risiko berkaitan dengan pasaran seperti perubahan dalam kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran, perubahan dalam peraturan, gabungan perniagaan masa hadapan atau pelupusan. Akibatnya, keputusan masa hadapan sebenar Kumpulan mungkin berbeza daripada rancangan, matlamat, dan jangkaan.

Bank tidak mempunyai obligasi untuk menyemak semula atau mengemas kini mana-mana kenyataan memandang ke hadapan yang terkandung dalam dokumen ini, tidak kira sama ada kenyataan-kenyataan ini akan terjejas akibat daripada maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

16.0 KENYATAAN-KENYATAAN MEMANDANG KE HADAPAN (SAMBUNGAN)

Jadual 27: Glosari Istilah

A-IRB	Pendekatan Lanjutan Penarafan Dalam	ICAAP	Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam
BCC	Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah	IMLDC	Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data Kerugian
BCM	Pengurusan Kesenambungan Perniagaan	Pendekatan IRB	Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam
BNM	Bank Negara Malaysia	ISDA	Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa
Board	Lembaga Pengarah	KCT	Ujian Kawalan Utama
BRC	Jawatankuasa Risiko Lembaga	KRI	Penunjuk Risiko Utama
CAFIB	Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam	LCR	Nisbah Perlindungan Kecairan
CCB	Penampian Pemuliharaan Modal	LGD	Kerugian Akibat Keingkaran
CCR	Risiko Kredit Rakan Niaga	MARC	Malaysian Rating Corporation Berhad
CCyB	Penampian Modal Kitaran Balas	MAT	Pencetus Tindakan Pengurusan
CET	Tahap Ekuiti Biasa	MDB	Bank-bank Pembangunan Berbilang Pihak
CRM	Pengurangan Risiko Kredit	MFRS 9	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9
CoE	Pusat Kepakaran	Moody's	Moody's Investor Services
DFIs	Institusi-institusi Kewangan Pembangunan	MYR	Ringgit Malaysia
DRP	Pelan Pelaburan Semula Dividen	NSFR	Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
EAD	Pendedahan Pada Keingkaran	OTC	Atas kaunter
EaR	Pendapatan Berisiko	PD	Kebarangkalian Keingkaran
ECAIs	Institusi-institusi Penilaian Kredit Luaran	PSIA	Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan
EL	Kerugian Dijangka	R&I	Rating and Investment Information, Inc
EUR	Dolar Euro	RAM	Rating Agency Malaysia
EVE	Nilai Ekonomi Ekuiti	RCSA	Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan
F-IRB	Pendekatan Asas Penarafan Dalam	RM'000	Ringgit Malaysia dalam ribu terdekat
Fitch	Fitch Ratings	RSME	Perusahaan Runcit Kecil Dan Sederhana
GBP	Pound Sterling	RWCAF	Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko
GCC	Jawatankuasa Kredit Kumpulan	RWA	Aset Berwajaran Risiko
GCG	Garis Panduan Kredit Kumpulan	SA	Pendekatan Seragam
GCPM	Manual Prosedur Kredit Kumpulan	SCR	Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank
GCRC	Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan	SGD	Dolar Singapura
GIUC	Jawatankuasa Pengunderaitan Pelaburan Kumpulan	S&P	Standard & Poor's
ALCO	Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan	USD	Dolar Amerika Syarikat
ALM	Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan	VaR	Nilai Berisiko
IBRMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pelaburan Bank		

RHB Bank Berhad 196501000373 (6171-M)
Aras 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603-9287 8888 Faks : +603-9281 9314

RHBGroup    

www.rhbgroup.com

Dicetak menggunakan:

